

Proses Audit Disahkan [Validated Audit Process (VAP)] EICC

Manual Pengendalian VAP

Semakan 5.1 – Januari 2016

Syarikat teknologi maklumat dan komunikasi, melalui Electronics Industry Citizenship Coalition (EICC) (Gabungan Kerakyatan Industri Elektronik) www.eiccoalition.org sedang berusaha meningkatkan kelestarian dan tanggungjawab sosial dalam rantaian bekalan global.

Semua syarikat ini menyedari perlu ada rasa tanggungjawab bersama untuk memastikan keadaan kerja dalam industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) adalah selamat, pekerja dilayan dengan rasa hormat dan bermaruah, dan amalan perkilangan bertanggungjawab pada alam sekitar. Proses Audit Disahkan (VAP) adalah pendekatan kerjasama mengaudit bagi mengurangkan beban syarikat rantaian bekalan daripada pelbagai permintaan untuk audit sosial. VAP memenuhi keperluan penilaian industri standard yang berkualiti tinggi, konsisten dan kos berkesan pada amalan buruh, etika, kesihatan, keselamatan dan alam sekitar berdasarkan peraturan, undang-undang dan tatakelakuan EICC.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang VAP, sila hubungi:

- ApmEiccaudits@sumerra.com
- Alamat EICC: Suite 330, 1737 King Street, Alexandria VA 22314, USA
- Laman Web EICC: <http://www.eiccoalition.org>

© 2016 Electronic Industry Citizenship Coalition (Gabungan Kerakyatan Industri Elektronik). Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada kandungan bahan ini yang boleh diterbitkan semula atau ditukar kepada sebarang bentuk atau sebarang cara, elektronik atau mekanikal, termasuk tetapi tidak terhad pada fotokopi, rakaman atau sebarang storan maklumat lain atau sistem dapatan semula yang diketahui ada sekarang atau masa hadapan, tanpa keizinan bertulis daripada Electronic Industry Citizenship Coalition, Incorporated. Penerbitan semula atau pengedaran hak cipta ini tanpa izin adalah tidak sah dan akan dikenakan hukuman jenayah atau awam di bawah Akta Hak Cipta A.S dan undang-undang hak cipta yang berkenaan.

16. Panduan Tafsiran Tata EICC

Bahagian ini memperincikan Peruntukan Tata EICC (v5.1 - 2016). Peruntukan ini menentukan keperluan EICC yang pihak diaudit perlu patuhi. Bahagian berikut menggariskan keperluan untuk pemerhatian tapak, semakan dokumen, pengetahuan dan kefahaman pengurusan serta kesedaran dan kefahaman pekerja bagi setiap peruntukan Tata EICC.

Nota: Semua komunikasi daripada pihak diaudit kepada pekerja mesti dilakukan dalam bahasa yang mudah difahami oleh pekerja. Jika ini tidak berlaku, maka aspek yang berkaitan adalah ketidakpatuhan Besar.

Semua pernyataan kepatuhan diguna pakai untuk semua pekerja, termasuk pekerja sementara, migran, pelajar dan kontrak, pekerja langsung dan tidak langsung yang bekerja di kilang/tempat pengeluaran/gudang dan sebarang jenis pekerja/kakitangan melainkan jika pernyataan kepatuhan khusus menyatakan kumpulan fokus yang lebih kecil.

Nota: Jika kemudahan pihak diaudit atau dasar korporat atau Perjanjian Rundingan Kolektif sudah sedia ada, dan lebih ketat berbanding Tatakelakuan EICC dan/atau keperluan pelanggan/undang-undang, maka jika amalan dilihat tidak memenuhi dasar pihak diaudit itu sendiri atau Perjanjian Perundingan Kolektif, maka kesimpulannya adalah ketidakpatuhan (walaupun ia memenuhi keperluan EICC dan/atau undang-undang).

A. BURUH

A1) Pekerjaan Dipilih Secara Bebas

Buruh paksa, buruh terikat (termasuk ikatan hutang) atau kontrak, buruh paksaan penjara, orang yang diperhamba dan diperdagang tidak boleh digunakan. Ini termasuk mengangkut, menyembunyikan, merekrut, memindahkan atau menerima orang dengan cara ancaman, paksaan dan pemaksaan, penculikan atau penipuan untuk buruh dan perkhidmatan. Tidak boleh ada sekatan yang tidak munasabah ke atas kebebasan pekerja untuk bergerak di dalam kawasan kemudahan sebagai tambahan kepada sekatan yang tidak munasabah apabila memasuki atau keluar dari kemudahan yang disediakan oleh syarikat. Sebagai sebahagian daripada proses pengambilan, pekerja mesti diberikan perjanjian pekerjaan bertulis dalam bahasa ibunda mereka yang mengandungi penerangan terma dan syarat pekerjaan sebelum pekerja berlepas dari negara asal masing-masing. Semua kerja mesti dibuat secara sukarela dan pekerja bebas untuk berhenti kerja atau menamatkan pekerjaan mereka pada bila-bila masa. Majikan dan ejen tidak boleh menyimpan atau memusnahkan, menyembunyikan, menyita atau menafikan akses pekerja kepada dokumen pengenalan atau dokumen imigresen pekerja, seperti pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, pasport atau permit kerja, melainkan jika memegang permit kerja itu dikehendaki oleh undang-undang. Pekerja tidak boleh diminta untuk membayar yuran perekrutan majikan atau ejen atau yuran lain yang berkaitan pengambilan pekerjaan mereka. Jika sebarang yuran itu didapati sudah dibayar oleh pekerja, yuran itu mesti dikembalikan kepada pekerja.

NOTA: bagi tujuan peruntukan ini (A1), keperluan untuk pekerja yang bekerja secara langsung dan tidak langsung adalah sama.

A1.1 Sebarang jenis buruh paksa, buruh paksaan penjara, kontrak, terikat (termasuk ikatan hutang), diperdagang atau diperhamba tidak digunakan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Semua yuran dan penalti didedahkan kepada pekerja. Dokumentasi mengenai pendedahan yuran dan yuran sebenar untuk pekerja di Pihak Diaudit selesai, sedia ada dan mematuhi peruntukan kod EICC dan Buruh Paksa dan Diperdagang EICC - "Takrifan Yuran" Ogos, 2015. Yuran Melampau atau Larangan, seperti dijelaskan dalam Buruh Paksa dan Diperdagang IECC - "Takrifan Yuran" Ogos, 2015, adalah tidak dibenarkan dalam apa jua keadaan.
Kontrak dengan pekerja adalah bebas klausa atau bahasa yang melibatkan komponen atau dapat membawa kepada buruh paksa, buruh paksaan penjara, buruh kontrak, buruh terikat, diperdagang atau diperhamba. Amalan pengambilan pekerja dan yang digunakan oleh sebarang agensi buruh/perekrut, mesti melarang buruh paksa atau terikat.
 - Gaji, upah dan rekod lain yang disemak menunjukkan tiada yuran larangan, Yuran Melampau, hutang yang banyak dan/atau pinjaman yang banyak kecuali yuran yang dibenarkan yang tersenarai dalam

Buruh Paksa dan Diperdagang EICC - "Takrifan Yuran" Ogos, 2015.

Rekod yang disemak mesti menunjukkan kepatuhan kepada undang-undang, dasar, dan prosedur.

- Keperluan khusus:
 - Amalan Pengambilan dan Pengrekrutan: Sebarang yuran yang tidak dibenarkan dalam Buruh Paksa dan Diperdagang EICC - "Takrifan Yuran" Ogos, 2015 perlu dikembalikan kepada pekerja dalam tempoh 90 hari dari tarikh penemuan. Contoh yuran larangan bagi semua pekerja termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Sebarang yuran permohonan, rekomendasi, mengrekrut, pengambilan, penempatan, pentadbiran, overhead dan yuran pemprosesan.
 - Yuran pada sebarang tahap proses pengrekrutan, semasa atau selepas pengambilan pekerjaan.
 - Yuran kepada sebarang pihak termasuk ejen, subejen, perantara atau majikan.
- Contoh yuran larangan kepada pekerja Migran Asing termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Yuran dan kos praberlepas termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Ujian skil
 - Sijil tambahan selain daripada yang diperlukan untuk kelayakan kerja.
 - Pemeriksaan perubatan/saringan
 - Orientasi dan latihan praberlepas
 - Kos berkaitan dengan dokumentasi dan/atau permit
 - Pasport baru, dokumen pengenalan, atau visa yang diperlukan untuk tujuan mendapatkan pekerjaan, termasuk pembaharuan
 - Kerja sementara atau permit menetap (termasuk pembaharuan)
 - Yuran kelulusan polis
 - Yuran Sijil Lahir
 - Yuran Sijil kelakuan baik
 - Sijil, pengenalan diri atau dokumen kelulusan lain yang diperlukan untuk menetap dalam negara tempat bekerja.
 - Kos penginapan dan pengangkutan (termasuk semua cukai dan yuran) termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Kos penginapan dan pengangkutan selepas tawaran pekerjaan dibuat dan diterima secara bertulis dari negara penghantar pekerja ke pelabuhan masuk negara penerima.
 - Kos penginapan dan pengangkutan dari pelabuhan masuk negara penerima ke tempat kerja atau tempat penginapan yang disediakan.

- Yuran rentas-sempadan.
 - Kos penempatan semula jika diminta untuk berpindah sebaik sahaja pekerjaan dimulakan.
 - Pengangkutan pulang sesudah tamat pekerjaan.
 - Ketibaan atau Orientasi atau Penyesuaian termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Latihan atau orientasi pengambilan baru.
 - Pemeriksaan perubatan atau saringan.
 - Keperluan undang-undang termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Deposit atau ikatan (termasuk yang diperlukan oleh undang-undang atau tidak diperlukan undang-undang).
- Yuran/deposit/hutang lain: Jika ada sebarang kos dan yuran pekerja dipotong, ia mesti mematuhi Buruh Paksa dan Diperdagang EICC - "Takrifan Yuran" Ogos, 2015: :
- Bayaran/yuran berkaitan bantuan peribadi:
- Pinjaman Peribadi dengan jumlah maksimum bayaran balik sebanyak 10 peratus daripada gaji asas kasar bulanan, termasuk faedah, untuk ansuran tidak melebihi 6 bulan.
 - Bayaran balik pinjaman pendidikan tidak boleh melebihi 10% daripada gaji asas kasar setahun. Sebarang pinjaman pendidikan tidak boleh melebihi 1 tahun bagi setiap pinjaman.
- Penamatan dan Berhenti Awal:
 - Jika pekerja memberikan notis sewajarnya dan memenuhi tempoh notis letak jawatan penuh bagi setiap kontrak pekerjaan, maka tidak ada yuran tambahan dikenakan kepada pekerja.
 - Jika pekerja tidak memberikan notis atau memenuhi tempoh letak jawatan penuh bagi setiap kontrak pekerjaan:
 - Semua penalti atau yuran keseluruhan yang dinilai secara kolektif pada pekerja perlu dihadkan kepada 60% daripada 1 bulan gaji asas kasar pekerja. Jumlah ini tidak termasuk sebarang penalti yang perlu dibayar oleh pekerja di bawah undang-undang berkaitan atau yuran dibenarkan yang disenaraikan di bawah.
 - Pekerja tidak perlu membayar sebarang penalti atau yuran jika pekerja meletakkan jawatan tanpa memenuhi tempoh notis penuh disebabkan gangguan, penderaan atau ancaman keselamatan yang didokumentasikan.
 - Perletakkan jawatan adalah sukarela dalam tempoh masa yang disahkan.
 - Contoh yuran dibenarkan termasuk, namun tidak terhad kepada:
 - Kos penyediaan temuduga pekerja seperti salinan CV, gambar, salinan dokumen dan sijil sedia ada dan samplingan.

- Kos untuk mencapai kelayakan minimum kerja seperti sebarang ijazah, lesen atau sijil asas untuk melakukan tugas dalam deskripsi kerja.
- Kos berkaitan penggantian pasport yang dihilangkan oleh pekerja. Untuk penggantian visa atau permit, ini juga termasuk gambar, penyediaan atau fotokopi sebarang dokumen dan sebagainya.
- Kos munasabah untuk majikan dan ejen yang menyediakan penginapan dan makanan. Semua kos itu perlu dicaj pada nilai pasaran yang saksama dan memenuhi standard kesihatan & keselamatan EICC.
- Kos perjalanan sebelum keluar dari negara penghantar sebelum tawaran kerja dibuat dan diterima.
- Levi pekerja asing di Malaysia mungkin akan diguna pakai kepada pekerja.
 - Levi itu, jika diguna pakai, perlu ditolak mengikut kadar yang tidak melebihi 1/12 daripada gaji kasar tahunan pekerja sepanjang tempoh bekerja. Sesudah tamat bekerja, selain daripada situasi pemecatan kerana kesalahan besar pada tatalaku, pekerja tidak dicaj sebarang baki bayaran disebabkan levi.
- Jika yuran tidak disenaraikan secara khusus seperti di atas atau tidak menepati sebarang kategori contoh, pekerja Migran Asing tidak perlu membuat sebarang pembayaran yang tidak perlu dibayar oleh pekerja Tempatan.

Pengadaran:

Perekrutan larangan dan pembayaran yuran pengambilan tidak akan dibayar balik dalam tempoh 90 hari, atau sebaik sahaja penemuan.

- Keutamaan:
 - Kurang daripada atau bersamaan 1% atau 3 pekerja atau kurang (yang mana lebih besar) populasi sampel didapati membayar yuran larangan melebihi 150% daripada gaji asas kasar bulanan.
 - Lebih daripada 1% hingga 5% atau lebih daripada 3 pekerja tetapi kurang daripada 7 pekerja (yang mana lebih besar) populasi sampel didapati membayar yuran larangan melebihi 150% daripada gaji asas kasar bulanan.
 - Lebih daripada 5% hingga 40% atau lebih daripada 7 pekerja (yang mana lebih besar) populasi sampel didapati membayar yuran larangan melebihi 100% daripada gaji asas kasar bulanan.
 - Lebih daripada 40% populasi sampel didapati membayar yuran larangan

Besar:

- Kurang daripada atau bersamaan 1% atau 3 pekerja atau kurang (yang mana lebih besar) populasi sampel didapati membayar yuran larangan

melebihi 100% daripada gaji asas kasar bulanan, tetapi kurang daripada 150%.

- o Lebih daripada 1% hingga 5% atau lebih daripada 3 pekerja tetapi kurang daripada 7 pekerja (yang mana lebih banyak) populasi sampel didapati membayar yuran larangan kurang daripada 150% daripada gaji asas kasar bulanan.
- o Lebih daripada 5% hingga 40% atau lebih daripada 7 pekerja (yang mana lebih banyak) populasi sampel didapati membayar yuran larangan kurang daripada 100% daripada gaji asas kasar bulanan.

Kecil:

- o Kurang daripada atau bersamaan 1% atau 3 pekerja atau kurang (yang mana lebih banyak) populasi sampel didapati membayar yuran larangan kurang daripada 100% daripada gaji asas kasar bulanan.

Jadual ini menggambarkan penarafan bagi mendapatkan yuran pengambilan dan perekrutan larangan yang sudah dibayar dan tidak dituntut semula dalam tempoh 90 hari, atau sebaik sahaja penemuan. Peratus kekerapan adalah berdasarkan saiz sampel.

Kekerapan\Keamatan dalam gaji asas kasar bulanan	≤100%	>100%-150%	>150%
≤1% atau 3 pekerja atau kurang (yang mana lebih besar)			
>1%-5% atau lebih daripada 3 pekerja tetapi kurang daripada 7 pekerja			
>5%-40% atau lebih daripada 7 pekerja			
>40%			
Utama			
Keutamaan			
Besar			
Kecil			

Bagi dapatan selain daripada perekrutan yang dilarang dan yuran pengambilan yang dibayar, tidak dibayar balik dalam tempoh 90 hari, atau sebaik sahaja pertemuan:

- Keutamaan:
 - o Penalti untuk berhenti tanpa notis yang munasabah adalah **>3 bulan gaji asas kasar**
 - o Pekerja dilindungi daripada penamatan kerja secara sukarela atau didenda dengan cara lain apabila memberikan notis yang munasabah.
 - o Item Keutamaan dalam A1.3, A1.4 atau A1.5
- Besar:
 - o Tempoh notis penamatan lebih daripada 1 bulan yang lebih ketat atau undang-undang
 - o Penalti berhenti tanpa notis munasabah adalah >60% daripada 1 bulan gaji asas kasar (lebih kurang 2-3 minggu)
- Kecil: Tidak berkeenaan.
- Tidak Berkeenaan: Tidak berkeenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A1.2 Dasar dan prosedur yang memadai dan berkesan diadakan bagi memastikan sebarang bentuk buruh paksa, buruh terikat, buruh paksaan penjara, buruh yang diperdagang atau diperhamba tidak digunakan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak Berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Dasar atau prosedur yang jelas disediakan bagi memastikan tiada buruh paksa, buruh terikat, buruh paksaan penjara, buruh yang diperdagang atau diperhamba digunakan.
 - Latihan atau komunikasi semua kakitangan dan pekerja, pembekal dan ejen buruh/kontraktor disediakan dan sedang dilaksanakan.
 - Pemantauan kepatuhan dasar dan pembedaan jika dikenal pasti semasa pemantauan sedang dijalankan. Laporan pemantauan dan tindakan pembedaan (jika berkenaan) adalah sedia ada. Ini termasuk sekurang-kurangnya:
 - Dasar dan prosedur sedia ada untuk mengelakkan sebarang bentuk buruh paksa. Ini diguna pakai kepada pekerja langsung dan tidak langsung.
 - Set arahan bertulis disediakan kepada semua subkontraktor dan perekrut buruh bagi melarang buruh paksa. Proses yang didokumenkan untuk mengesahkan secara aktif kepatuhan pembekal peringkat pertama bagi keperluan ini sudah sedia ada. Prosedur untuk menentukan jumlah khusus sebarang yuran dan perbelanjaan yang dibayar oleh setiap pekerja asing sebelum mula bekerja sudah dilaksanakan.
 - Amalan pengambilan dan perekrutan: Dasar dan prosedur siap sedia bagi melarang yuran melampau
 - Penamatan dan Berhenti Awal: Buku panduan pekerja/kontrak atau bahan latihan menyatakan yang pekerja dibenarkan berhenti dalam undang-undang setempat tanpa penalti (tiada ancaman hukuman, denda, kekejaman atau sekatan gaji). Dasar dan prosedur menyatakan jika perkhidmatan ditamatkan secara sukarela atau bukan sukarela, pekerja akan dibayar dengan jumlah yang bersesuaian dengan waktu sudah bekerja.
 - Yuran/deposit/hutang lain - Dasar/prosedur dengan jelas menyatakan pekerja tidak perlu membayar yuran, deposit atau menanggung hutang sebagai sebahagian daripada pekerjaan (sama ada pembayaran satu kali atau secara ansuran, yang dikutip terus atau melalui potongan gaji).

Nota: Sebarang ketidakpatuhan yang berkaitan dengan syarat perkhidmatan pekerja perlu dilaporkan dalam subseksyen yang sesuai (contoh: jika gaji lambat, faedah tidak dibayar, maka laporkan di A4).

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak berkenaan
- Besar:

- Tiada dasar atau prosedur (mesti termasuk amalan perekrutan dan pengambilan, penamatan dan yuran/deposit/hutang lain)
- Sebarang dasar atau prosedur yang tidak mematuhi undang-undang
- Tiada latihan atau komunikasi,
- Tiada pemantauan keberkesanan program
- Keperluan larangan buruh diperdagang atau diperhamba tidak disampaikan dengan berkesan kepada subkontraktor dan ejen buruh
- Sebarang keutamaan dalam A1.1, A.1.3, A1.4 dan A1.5
- Kecil:
 - Dasar dan prosedur sudah sedia ada untuk amalan perekrutan dan pengambilan, penamatan dan yuran/deposit/hutang lain dan dasar dan prosedur mematuhi undang-undang, tetapi salah satu komponen pelaksanaan hilang (contohnya, latihan atau komunikasi, pemantauan, pembetulan) sama ada pekerja langsung atau yang diambil bekerja oleh ejen buruh/sub-kontraktor.
 - Pemantauan keberkesanan program sudah sedia ada tetapi tindakan pembetulan ke atas dapatan adalah terbuka/belum sedia ada.
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A1.3 Terma kontrak disediakan secara bertulis dan dalam bahasa mereka sendiri sebelum mula bekerja (dalam kes pekerja migran, sebelum mereka meninggalkan negara/wilayah asal mereka) berkaitan terma dan syarat utama pekerjaan melalui surat/perjanjian/kontrak pekerjaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang dan dijelaskan secara lisan supaya pekerja fahami isi kandungan kontrak.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Pekerja dimaklumkan sebelum mula bekerja (dalam kes pekerja migran, sebelum mereka meninggalkan negara/wilayah asal mereka) berkaitan terma dan syarat utama pekerjaan sama ada secara lisan atau secara bertulis melalui surat/perjanjian/kontrak pekerjaan seperti yang diperlukan oleh undang-undang dalam bahasa ibunda mereka.
 - Komponen minimum maklumat ini adalah:
 - Jenis pekerjaan
 - Waktu bekerja, gaji
 - Kelayakan cuti
 - Faedah (perumahan, pengangkutan, pakaian seragam, ...)
 - Yuran yang dikenakan ke atas pekerja dan jumlahnya
 - Faedah lain yang disediakan (pencen, insurans dan lain-lain)
 - Potongan gaji.
 - Syarat-syarat perkhidmatan untuk pekerja patuhi dengan konvensyen ILO dan undang-undang yang relevan.
 - Jika ejen buruh/kontraktor atau subkontraktor/ejen digunakan, maka perjanjian perlu disediakan bagi memperincikan yang organisasi ini perlu mematuhi keperluan diguna pakai ke atas pekerja dalam operasi mereka.
 - Tiada penggantian kontrak dibenarkan untuk buruh migran antara tempoh berangkat dan mula bekerja.
 - Sebarang perubahan kontrak diisytiharkan dan mengikut amalan baik komunikasi/rundingan dengan pekerja dan mematuhi semua keperluan undang-undang.
 - Kumpulan pekerja ditakrifkan (pelajar/pelatih/penghantar, ...) dengan mematuhi keperluan undang-undang dan/atau pelanggan

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Penggantian kontrak untuk keadaan yang lebih buruk (contohnya gaji lebih rendah, kemudahan pengeluaran yang berbeza, bayaran tersembunyi untuk perumahan, makanan, ...)
 - Tiada kontrak atau syarat-syarat disampaikan sebelum mula bekerja (sebelum meninggalkan negara asal dalam kes pekerja migran) Kontrak mengandungi bahasa untuk menghadkan keupayaan pekerja menamatkan perkhidmatan mereka secara sukarela

Besar:

- Tiada kontrak atau kontrak bukan dalam bahasa ibunda atau kontrak tidak dihantar sebelum berangkat (dalam kes pekerja migran) TETAPI

- syarat sudah disampaikan sebelum kerja bermula (sebelum meninggalkan negara asal dalam kes pekerja asing)
- Kontrak atau syarat yang disampaikan tidak lengkap (hilang satu atau lebih unsur)
 - Tiada kontrak sedia ada antara Pihak Diaudit dan ejen buruh/kontraktor
 - Campuran kumpulan pekerja ditakrifkan ialah >5% melebihi had undang-undang/pelanggan
 - Keutamaan penarafan dalam A1.1, A1.2, A1.4, atau A1.5
- Kecil:
 - Kontrak disediakan DAN kontrak dengan ejen buruh/kontraktor sudah sedia ada tetapi tidak lengkap (contohnya terma atau syarat yang hilang)
 - Campuran kumpulan pekerja ditakrifkan ialah >1% dan ≤5% melebihi had undang-undang/pelanggan.
 - Tidak Berkenaan: Kontrak tidak diperlukan dari segi undang-undang.

Nota: penarafan keutamaan juga memerlukan penarafan keutamaan untuk A1.1

Pengesahan jauh: Tidak

A1.4 Selepas pengambilan, dokumen pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan dokumen peribadi pekerja yang asal tidak dipegang oleh majikan/ejen buruh/kontraktor (jika berkenaan)

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Pekerja asing/Migran dan mana-mana pekerja yang disediakan dengan sebarang bentuk penginapan syarikat/ejen/kontraktor yang mempunyai tempat simpanan individu yang cukup selamat daripada akses yang tidak dibenarkan dan dapat diakses oleh pekerja pada bila-bila masa.
 - Pekerja boleh menunjukkan tempat dokumen peribadi disimpan.
- Semakan dokumen:
 - Para pekerja perlu mengekalkan pemilikan atau kawalan ke atas dokumen pengenalan mereka dan Pihak Diaudit tidak boleh meminta pekerja itu menyerahkan kawalan ke atas dokumen itu.
 - Dasar atau prosedur sedia ada menyatakan pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan atau dokumen asal seseorang tidak boleh dipegang atau disimpan.
 - Pihak Diaudit boleh meminta, jika dibenarkan, salinan dokumen asal.
 - Fail pekerja tidak boleh mengandungi dokumen peribadi pekerja yang asal (contohnya pasport; permit/visa kerja; kerakyatan, kependudukan, pengenalan, kad/dokumen keselamatan sosial/insurans; sijil kelahiran; dokumen bank; ...).
 - Dalam sesetengah negara undang-undang tempatan memerlukan majikan memegang dokumen peribadi pekerja asing.
 - Dalam kes itu, prosedur sedia ada untuk menyimpan hanya dokumen peribadi yang diperlukan oleh undang-undang. Dokumen peribadi tidak boleh diubah atau dirosakkan dalam apa jua cara. Pekerja mesti mempunyai akses kepada dokumen dalam tempoh 12 jam selepas mereka memintanya. Tiada yuran dikenakan untuk menyimpan pengenalan yang dikeluarkan oleh kerajaan, pasport atau permit kerja.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Sebarang dokumen peribadi asal dibinasakan, disembunyikan, disita, dipegang secara paksa atau dinafikan akses apabila diminta.
- Besar:
 - Dokumen peribadi yang asal disimpan
 - Tiada dasar untuk menyimpan dokumen dan/atau akses pekerja kepada dokumen mereka apabila undang-undang menghendaki dokumen asal dipegang
 - Kekurangan tempat simpanan yang selamat untuk pekerja asing/migran atau pekerja yang disediakan dengan sebarang bentuk penginapan syarikat/ejen/kontraktor yang dapat diakses untuk pekerja.

- Keutamaan penarafan dalam A1.1, A1.2, A1.3, atau A1.5
- Kecil:
 - Apabila undang-undang menghendaki dokumen asal dipegang, dasar dan prosedur menyimpan sudah sedia ada tetapi pekerja tidak boleh mengakses dokumen mereka dalam tempoh 12 jam.
 - Bagi pekerja yang disediakan dengan sebarang bentuk penginapan syarikat/ejen/kontraktor, kes halangan akses ke tempat simpanan peribadi yang selamat adalah kurang daripada 5%.
- Tidak Berkenaan: Tidak Berkenaan

Nota: penarafan keutamaan juga memerlukan penarafan keutamaan A1.1

Pengesahan jauh: Tidak

A1.5 Tiada sekatan yang tidak munasabah ke atas pergerakan pekerja dan akses mereka kepada kebebasan asas

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Jika pekerja tinggal di tapak (asrama), pintu pagar atau akses ke asrama dibuka atau tiada sekatan yang tidak munasabah melalui prosedur atau sekatan pengawal keselamatan yang tidak wajar, termasuk semasa waktu rehat pekerja dan keupayaan mereka untuk meninggalkan kemudahan itu.
 - Pekerja bergerak bebas apabila perlu mengakses kebebasan asas.
 - Pekerja bebas meninggalkan lokasi atau asrama Pihak Diaudit jika tidak terlibat dengan kerja.
 - Tiada sistem sekatan yang sedia ada seperti pas ke tandas.
- Semakan dokumen:
 - Dasar/prosedur mengenai kebebasan bergerak sudah sedia ada.
 - Rekod masuk dan keluar (jika berkenaan) menunjukkan tiada sekatan dalam pergerakan (contoh: tandas, air minuman, kemudahan perubatan luar, keluar dan masuk ke kilang/asrama).

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Sebarang keadaan yang meletakkan pekerja pada risiko kesihatan atau keselamatan (contoh: mengurung di dalam kilang atau asrama).
 - Pekerja dihadkan pergerakan melalui ancaman dipecat, melaporkan kepada pihak berkuasa atau ancaman keras yang seumpamanya.
- Besar:
 - Pekerja dihadkan pergerakan melalui ugutan atau penalti (tetapi bukan ancaman dipecat, melaporkan kepada pihak berkuasa atau ancaman keras yang seumpamanya), walaupun jika dasar sudah sedia ada.
 - Keutamaan penarafan dalam A1.1, A1.2, A1.3, atau A1.4
- Kecil:
 - Tiada dasar atau prosedur yang sedia ada tentang kebebasan pergerakan tetapi tiada sekatan ke atas kebebasan pergerakan.
 - Sistem/prosedur sekatan bukan paksaan digunakan (contoh: pas ke tandas)
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Nota: penarafan keutamaan juga memerlukan penarafan keutamaan A1.1

Pengesahan jauh: Tidak

A2) Pekerja Muda

Buruh kanak-kanak tidak boleh digunakan dalam sebarang peringkat pengeluaran. Istilah “kanak-kanak” merujuk kepada sesiapa sahaja di bawah umur 15 tahun, atau di bawah umur tamat pendidikan wajib, atau di bawah umur minimum untuk bekerja di negara itu, yang mana lebih besar. Penggunaan program pembelajaran di tempat kerja yang sah, yang mematuhi semua undang-undang dan peraturan, adalah disokong. Pekerja di bawah umur 18 tahun (Pekerja Muda) tidak boleh melakukan kerja yang mungkin dapat menjejaskan kesihatan atau keselamatan pekerja muda, termasuk syif malam dan kerja lebih masa. Peserta perlu memastikan pengurusan pekerja pelajar melalui penyelenggaraan yang baik ke atas rekod pelajar, usaha wajar rakan kongsi pendidikan yang ketat dan perlindungan hak pelajar mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Peserta perlu memberikan sokongan dan latihan yang bersesuaian kepada semua pekerja pelajar. Jika undang-undang tempatan tidak wujud, kadar upah untuk pekerja pelajar, pelatih dan perantis perlu sekurang-kurangnya pada kadar upah yang sama dengan pekerja peringkat kemasukan lain yang melaksanakan tugas yang sama atau serupa.

A2.1 Pekerja bukan di bawah umur minimum

Keperluan minimum:

Umur minimum ditakrifkan sebagai berusia 15 tahun atau di bawah umur minimum untuk pekerjaan dalam negara itu (yang mana lebih besar).

- Pemerhatian tapak: Tidak kelihatan pekerja bawah umur di tapak
- Semakan dokumen:
 - Dasar larangan rasmi buruh kanak-kanak sudah sedia ada
 - Sampel fail kakitangan dan/atau jadual pekerja menunjukkan semua pekerja adalah di atas umur minimum atau di atas umur minimum dasar syarikat (yang mana lebih besar)

Nota: Juruaudit perlu memastikan sampel merangkumi semua jenis pekerja/kakitangan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Pekerja bawah umur yang disahkan berada di kemudahan itu atau sudah berada di kemudahan itu dalam tempoh enam bulan yang lalu
- Besar: Tidak ada dasar atau latihan mengenai dasar tetapi tidak wujud pekerja bawah umur
- Kecil: Pekerja adalah di atas umur minimum bekerja tetapi di bawah umur minimum dasar syarikat
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A2.2 Dasar dan proses yang memadai dan berkesan ditetapkan bagi memastikan pekerja di bawah umur bekerja minimum yang sah tidak diambil bekerja sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui agensi buruh/kontraktor.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak kelihatan pekerja bawah umur di tapak
- Semakan dokumen:
 - Dasar dan proses yang mencukupi dan berkesan, meliputi:
 - komunikasi/latihan tentang dasar larangan buruh kanak-kanak kepada Pihak Diaudit dan agensi buruh/kontraktor
 - Proses sudah sedia ada untuk mengesahkan kebolehpercayaan dokumen berkenaan umur seperti sijil kelahiran, rekod tempatan, pasport, buku keluarga, sijil persekolahan, dan lain-lain. Pengenalan perlu ada gambar pengenalan yang diiktiraf kerajaan. Pengesahan umur perlu termasuk pengesahan visual melalui gambar pengenalan pada dokumen rasmi. Pihak Diaudit mesti memeriksa dan merujuk silang untuk mengesahkan kesahihan sekurang-kurangnya dua daripada yang berikut:
 - Memadankan ID bergambar dengan wajah pekerja
 - Pengesahan melalui sumber pihak ketiga yang sedia ada, seperti sumber Internet atau pejabat kerajaan tempatan
 - Sijil kelahiran
 - Kad pengenalan diri yang dikeluarkan oleh kerajaan
 - Lesen memandu
 - Kad pendaftaran mengundi
 - Salinan sijil sekolah yang “Diakui rasmi”
 - Afidavit daripada wakil kerajaan tempatan
 - Permit kerja warga negara asing atau dokumen lain yang diiktiraf kerajaan.
 - Mempunyai sistem pengesahan ID yang boleh dipercayai bagi mengawal akses pekerja ke kawasan kemudahan, seperti cap jari atau kad ID dengan gambar pemilik untuk menghalang pekerja bawah umur memasuki kawasan kemudahan dengan menggunakan ID orang lain
 - Pihak Diaudit tidak boleh menolak permohonan pekerja kanak-kanak itu selepas umur kanak-kanak itu memenuhi keperluan undang-undang.
 - Prosedur untuk membantu kanak-kanak bawah umur yang ditemui bekerja dengan Pihak Diaudit yang direka untuk menyediakan kebajikan bagi kanak-kanak, merangkumi:
 - Pemeriksaan kesihatan dan tindakan yang sewajarnya jika perlu
 - Menamatkan persekolahan wajib
 - Menguruskan pendapatan kanak-kanak itu sehingga layak untuk bekerja secara sah.
 - Pekerja di bawah umur tidak boleh diberhentikan atau didenda tetapi usaha terbaik dibuat untuk memindahkan mereka ke jawatan perantis yang betul (yang mana mereka adalah sah dan wujud), menghadkan jam dan

jenis kerja mereka bagi menampung keperluan pendidikan, yang perlu.

- Bahan/rekod latihan mengenai dasar untuk pekerja sudah sedia ada.

Pengedaran:

- Keutamaan: Kanak-kanak atau pekerja bawah umur diambil bekerja secara langsung atau tidak langsung melalui ejen buruh/kontraktor
- Besar: Tiada dasar dan proses rasmi yang sedia ada, tiada dokumentasi untuk bukti umur.
- Kecil: Dasar rasmi sudah sedia ada, proses tidak lengkap atau dokumentasi untuk bukti umur hilang
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

Nota: Jika A2.1 Keutamaan maka gagal Ketidakpatuhan Utama kerana proses tidak memadai.

A2.3 Pekerja di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan melakukan kerja yang mungkin dapat menjejaskan kesihatan atau keselamatan pekerja muda ini, termasuk syif malam dan kerja lebih masa.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tiada pekerja di bawah 18 tahun yang melakukan pekerjaan yang berhazard
- Semakan dokumen:
 - Dasar pekerja muda yang jelas sudah sedia ada
 - Mekanisme pelaksanaan ditakrifkan dengan jelas dan dilaksanakan:
 - Pemeriksaan kesihatan jika dikehendaki oleh undang-undang
 - Penilaian risiko yang jelas
 - Sekatan ke atas waktu bekerja dan masa hari bekerja
 - Pengenal dan tugas pekerja muda pada kedudukan bukan berhazard.
 - Pekerja muda tidak dibenarkan bekerja malam atau lebih masa
 - Mekanisme pelaksanaan itu ditunjukkan secara minimum dalam fail kakitangan, fail perubatan dan rekod masa kerja.

Pengadaran:

- Keutamaan: Pekerja muda ditemui:
 - Melakukan kerja berhazard
 - Bekerja malam
- Besar:
 - Pekerja muda bekerja lebih masa
 - Tiada dasar DAN tiada mekanisme pelaksanaan sedia ada
- Kecil: Dasar ATAU mekanisme pelaksanaan hilang atau tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Dasar dan mekanisme pelaksanaan adalah sedia ada. Tiada pekerja bawah umur 18 tahun di tapak.

Pengesahan jauh: Tidak

A2.4 Dasar dan prosedur pekerjaan bagi Pekerja Perantis/Pelatih/Pelajar mencukupi dan berkesan sudah sedia ada.

Keperluan minimum:

Nota: Perantisan tidak sama dengan tempoh percubaan pekerja. Program pekerja perantis/pelatih/pelajar adalah dikawal selia oleh undang-undang di kebanyakan negara, dengan had spesifik ke atas:

- Jumlah jam bekerja tidak boleh melebihi had undang-undang;
- Waktu bekerja juga tidak boleh bercanggah dengan kehadiran pekerja pelajar ke sekolah, jangka masa tempoh latihan, dan bilangan pekerja yang sama dapat dikelaskan sebagai pelatih;
- Pihak Diaudit tidak boleh memotong yuran pendidikan daripada upah pekerja pelajar mahupun memotong yuran penempatan daripada upah pekerja pelajar itu;
- Pihak Diaudit perlu memastikan pekerja pelajar dilindungi dengan insurans kemalangan atau liabiliti dan pekerja pelajar diliputi sepenuhnya oleh sebarang bentuk insurans yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang atau peraturan;
- Tempoh yang mana upah boleh kurang daripada gaji minimum mengikut undang-undang perlu terhad dan munasabah dalam tempoh atau tidak lebih daripada 6 bulan, yang mana lebih ketat; dan
- Pelajar pekerja/pelatih/perantis hanya dapat ditugaskan untuk aktiviti kerja yang melengkapkan ijazah/sijil akademik atau matlamat pembelajaran peningkatan kemahiran.

- Pemerhatian tapak:
 - Pekerja pelajar/pelatih/perantis hanya menjalankan tugas yang berkaitan dengan bidang pengajian mereka atau mempelajari sesuatu pekerjaan baharu dan tidak boleh menjalankan tugas yang dilarang oleh undang-undang yang ditetapkan.
- Semakan dokumen:
 - Jika Pihak Diaudit tidak mengambil perantis/pelatih/pekerja pelajar maka ia perlu mempunyai pernyataan dasar yang menyatakan perkara ini.
 - Prosedur yang berkesan bagi mewujudkan tugas dan latihan perantis bagi pelatih/pekerja pelajar sudah sedia ada:
 - Keperluan umum:
 - Dasar perlu sekurang-kurangnya merangkumi komitmen untuk hanya menyediakan tugas dan latihan perantis bagi pelatih/pekerja pelajar yang melengkapkan kursus kajian mereka atau mempelajari sesuatu pekerjaan baharu, tempoh maksimum latihan perantis (tidak lebih dari 6 bulan jika pekerja dibayar bawah gaji minimum), butiran mengenai peluang kenaikan pangkat/pengambilan kerja selepas latihan perantisan berjaya, kelayakan, perekrutan, perjanjian pekerjaan,

jenis pekerjaan, waktu bekerja, upah dan faedah. Semua ini mematuhi keperluan undang-undang tempatan,...).

- Tiada agensi atau perantara yang digunakan berhubung dengan perekrutan, pengambilan, pengaturan dan pengurusan pekerja pelajar, pelatih atau perantis.
- Semua kerja adalah sukarela (termasuk pilihan tugas penempatan belajar)
- Perlindungan hak pekerja pelajar, pelatih atau perantis adalah mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan
- Mengekalkan rekod pekerja pelajar/pelatih atau perantis dalam fail kakitangan (termasuk perjanjian jika berkenaan, objektif pembelajaran, penilaian, rujukan kepada bahan latihan, tugas, ...)
- Pekerja pelajar, pelatih atau perantis tidak digunakan hanya untuk mengisi kekurangan tenaga kerja
- Rangka program latihan dan salinan bahan latihan adalah sedia ada pada setiap masa
- Komunikasi dan latihan bagi pengurus, penyelia dan semua pekerja ke atas dasar dan cara pelaksanaan dasar itu disediakan.

Keperluan khusus:

	<u>Pekerja pelajar</u>	<u>Pelatih</u>	<u>Perantis</u>
<u>Perjanjian tiga pihak (pelajar, sekolah, dan syarikat/Pihak Diaudit)</u>	<u>Ya</u>	<u>T/B</u>	<u>T/B</u>
<u>Tiada penalti kewangan/akademik (ambil perhatian yang penalti akademik dibenarkan hanya jika berkaitan secara langsung dengan prestasi yang rendah bagi komponen pendidikan program)</u>	<u>Ya</u>	<u>Ya</u>	<u>T/B</u>
<u>Usaha Wajar: mengesahkan yang pekerja aktif mengikuti program pengajian yang sah di institusi pendidikan. Mengambil tindakan pembetulan bagi menangani sebarang ketidakpatuhan oleh institusi pendidikan dan mewujudkan sekatan yang sesuai, termasuk</u>	<u>Ya</u>	<u>Tidak</u>	<u>T/B</u>

penamatan perhubungan			
Kadar upah yang sama dengan pekerja lain yang melaksanakan tugas yang bersamaan atau serupa	<u>Ya</u>	Tidak (sekurang-kurangnya upah minimum semasa tempoh latihan)	T/B*

* bersetuju dengan kenaikan upah pelatih apabila memenuhi keperluan kemahiran baharu. Selepas berjaya dalam latihan perantisan, pekerja akan didokumenkan dengan jelas untuk kenaikan pangkat dan pelarasan upah

- Keperluan khusus tentang perjanjian tiga pihak (pekerja pelajar (dan/atau penjaga yang sah), sekolah dan Pihak Diaudit) Terma perjanjian mesti merangkumi:
 - Semua terma yang diperlukan oleh undang-undang dan peraturan yang berkenaan
 - Nama penuh pekerja pelajar
 - Maklumat hubungan kecemasan pekerja pelajar
 - Nama dan alamat sekolah pekerja pelajar
 - Nama dan alamat Pihak Diaudit, dan sebagainya.
 - Keadaan tempat tinggal (jika berkenaan)
 - Upah dan faedah
 - Kos (jika ada) untuk makanan dan penginapan (mesti tidak melebihi kadar pasaran yang saksama)
 - Waktu bekerja
 - Jenis pekerjaan dan tempat kerja akan dijalankan
 - Ditandatangani dalam tiga salinan

Nota: jika pekerja pelajar/pelatih atau perantis adalah seorang pekerja muda (iaitu tidak termasuk dalam sebarang tiga klasifikasi di atas), maka semua keperluan pekerja muda dalam A2.3 diguna pakai (laporkan dalam A2.3)

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar:
 - Kerja yang dijalankan oleh perantis tidak berkaitan dengan bidang kajian atau mempelajari sesuatu pekerjaan baharu.
 - Perantisan yang mana pekerja dibayar di bawah gaji minimum yang melebihi 6 bulan (melebihi 6 bulan hanya dibenarkan jika mengikut keperluan undang-undang)
 - Tiada perjanjian tiga pihak antara sekolah, kilang dan pelajar/ibu bapa
 - Pelatih, pekerja pelajar atau perantis diambil bekerja melalui ejen buruh/kontraktor
 - Tiada prosedur sedia ada
- Kecil:
 - Tiada dasar mengenai program pembelajaran sedia ada
 - Tiada usaha wajar sekolah dijalankan
 - Prosedur sedia ada tetapi tidak lengkap.
- Tidak Berkenaan: Dasar mengenai program pembelajaran sedia ada, tiada pekerja pelajar, pelatih atau perantis di tapak

Nota:

- Jika pekerja pelajar/pelatih atau perantis (bawah 18 tahun) bekerja dalam keadaan berhazard, kerja syif malam atau kerja lebih masa, maka laporkan dalam A2.3
- Jika jumlah jam bekerja melebihi had yang diperlukan oleh undang-undang/peraturan negara, maka laporkan dalam A3.1,
- Jika upah bukan upah minimum atau upah permulaan untuk jawatan yang sama, maka laporkan dalam A4.1

Pengesahan jauh: Tidak

A3)Waktu Bekerja

Kajian amalan perniagaan jelas mengaitkan keletihan pekerja dengan pengurangan produktiviti, peningkatan keluar masuk buruh dan peningkatan kecederaan serta penyakit. Minggu kerja tidak boleh melebihi kadar maksimum yang ditetapkan undang-undang tempatan. Selain itu, minggu kerja tidak boleh lebih daripada 60 jam seminggu, termasuk kerja lebih masa, kecuali dalam situasi kecemasan atau luar biasa. Pekerja mesti dibenarkan bercuti sekurang-kurangnya satu hari untuk setiap tujuh hari seminggu.

A3.1 Jam bekerja dalam minggu kerja sepanjang 12 bulan lepas tidak melebihi 60 jam atau had undang-undang (yang mana lebih ketat).

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Saiz sampel mandatori bagi rekod masa individu dan juga laporan ringkasan, menunjukkan bilangan jam bekerja - termasuk kerja lebih masa - setiap pekerja tidak boleh melebihi 60 jam setiap minggu
 - 3 bulan daripada 12 bulan yang lepas akan dinilai; bulan-bulan ini kebiasaannya adalah bulan puncak, rendah dan purata. Bagi setiap bulan perkara berikut dilaporkan:
 - jam bekerja setiap minggu (sampel penilaian jam bekerja perlu menggambarkan demografi lokasi, dan tidak menumpukan kepada jam tertinggi sahaja),
 - jam bekerja maksimum untuk semua pekerja melebihi 60 jam atau had undang-undang yang mana lebih ketat (bilangan berbanding jumlah) dan jam bekerja maksimum.
 - Untuk audit Keutamaan 90 hari, corak aliran sejak audit terakhir perlu disemak, untuk penarafan bulan sebelumnya audit keutamaan digunakan pada kadar sampel normal 3 kali. Untuk audit Keutamaan 180 hari, corak aliran sejak audit terakhir perlu disemak, untuk penarafan 3 bulan sebelumnya audit keutamaan digunakan pada kadar sampel normal.
 - Undang-undang tempatan mesti dipatuhi dalam pecahan jam yang sesuai.
 - Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh keperluan undang-undang tempatan, peruntukan ini tidak diguna pakai untuk mengecualikan pekerja, termasuk eksekutif, pengurusan, atau jawatan profesional.
 - Jika melebihi had 60 jam atau keperluan undang-undang, pastikan ini bukan disebabkan oleh kecemasan atau keadaan luar biasa. Keadaan berkecuali mesti didokumenkan pada masa berlakunya kecemasan atau keadaan luar biasa.
 - Jika penepian/kebenaran kerajaan atau sistem waktu kerja alternatif sedia ada, maka ia perlu mematuhi Dasar Penepian EICC (lihat bahagian 17).

Penarafan:**

Minggu Bekerja (Jumlah atau Kawasan Tertentu atau Fungsi atau Kerakyatan)	>=1% hingga <=5%	>5% hingga <=40%	>40%
>84 jam/seminggu	10. Keutamaan		
>72 jam/seminggu hingga <=84 jam/seminggu	7. Besar	8. Keutamaan	9. Keutamaan
>60 jam/seminggu hingga <=72 jam/seminggu	4. Kecil	5. Besar	6. Keutamaan
>Undang-undang setempat* hingga <=60 jam/seminggu	1. Kecil	2. Kecil	3. Besar
<Undang-undang setempat DAN <=60 jam/seminggu	0. Pematuhan		

* Undang-undang setempat adalah lebih ketat daripada 60 jam/seminggu

Toleransi 1 peratus daripada populasi adalah dibenarkan, iaitu jika tidak kurang daripada 1 peratus pekerja dikesan melakukan lebih daripada had undang-undang, maka ini adalah pematuhan, **kecuali jika jam setiap minggu >84 jam.

- Matriks ini adalah penyatuan bulan purata, puncak dan rendah.
- Tata EICC memerlukan syarikat mematuhi undang-undang tempatan atau Tata, yang mana lebih ketat. Jika anda mempunyai penepian kerajaan yang sah dan terkini (contoh: Sistem Jam Bekerja Komprehensif di China yang membolehkan penukaran had kerja lebih masa) penepian ini dianggap “undang-undang tempatan.” Tanpa mengira penepian, had 60 jam/minggu sedia ada.
- Waktu bekerja disemak dalam 4 cara:
 - Sampel 3 bulan
 - Dalam sampel, mengikut kawasan kerja
 - Dalam sampel, mengikut kod kerja
 - Pekerja yang di bawah umur 18 tahun mesti disemak secara berasingan. Jika didapati bekerja melebihi undang-undang yang lebih ketat atau 60 jam seminggu adalah Ketidapatuhan Keutamaan melainkan ia diperlukan untuk kelayakan/pensijilannya di bawah A2.4.

Pengesahan jauh: Tidak

A3.2 Pekerja menerima sekurang-kurangnya satu (1) hari cuti setiap tujuh (7) hari

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Saiz sampel mandatori bagi rekod kerja individu dan juga laporan ringkasan (jika berkenaan) menunjukkan hari bekerja berturut-turut maksimum adalah sama dengan atau kurang dari 6 hari atau had undang-undang yang mana lebih ketat.
 - 3 bulan daripada 12 bulan yang lepas akan dinilai; bulan-bulan ini kebiasaannya merupakan bulan puncak, rendah dan purata. Bagi setiap bulan perkara berikut dilaporkan:
 - purata hari bekerja berturut-turut (sampel penilaian hari bekerja berturut-turut purata perlu menggambarkan demografi lokasi, dan tidak menumpukan kepada yang terpanjang sahaja),
 - hari bekerja berturut-turut maksimum untuk semua pekerja yang melebihi 6 hari atau had undang-undang (yang mana lebih ketat).
 - Untuk audit Keutamaan 90 hari, corak aliran sejak audit terakhir perlu disemak, untuk penarafan bulan sebelumnya audit keutamaan digunakan pada kadar sampel normal 3 kali. Untuk audit Keutamaan 180 hari, corak aliran sejak audit terakhir perlu disemak, untuk penarafan 3 bulan sebelumnya audit keutamaan digunakan pada kadar sampel normal.
 - Jika melebihi 6 hari berturut-turut atau keperluan undang-undang (yang mana lebih ketat), pastikan ini bukan disebabkan oleh kecemasan atau keadaan luar biasa. Keadaan berkecuali mesti didokumenkan pada masa berlakunya kecemasan atau keadaan luar biasa.
 - Undang-undang tempatan mesti dipatuhi dalam pecahan hari bekerja yang sesuai.

Penarafan*:

Jumlah atau kawasan tertentu, fungsi atau kerakyatan	>1% hingga <=5%	>5 hingga <=40% sampel pekerja	> 40% sampel pekerja
>= 24 hari Berturut-turut	keutamaan	keutamaan	keutamaan
12 hingga 24 hari berturut-turut	kecil	besar	keutamaan:
> 6 hingga 12 hari berturut-turut **	kecil	kecil	Besar

*Atau keperluan undang-undang jika lebih ketat daripada 6 hari berturut-turut

**Penarafan Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Toleransi 1 persen daripada populasi dibenarkan, iaitu jika tidak lebih daripada 1 persen pekerja dikesan bekerja melebihi had undang-undang maka ini adalah pematuhan, **kecuali jika hari cuti adalah lebih daripada 12 hari atau lebih, apabila kes toleransi 1 persen tidak berkenaan.

- Matriks ini adalah penyatuan purata kepada bulan purata, puncak dan rendah.
- Waktu Berehat disemak dalam 4 cara:
 - Purata sampel
 - Dalam lingkungan sampel, purata mengikut kawasan kerja
 - Dalam lingkungan sampel, purata mengikut kod kerja
 - Pekerja yang di bawah umur 18 tahun mesti disemak secara berasingan. Jika didapati bekerja melebihi undang-undang yang lebih ketat atau 60 jam seminggu adalah Ketidakpatuhan Keutamaan melainkan ia diperlukan untuk kelayakan/pensijilannya di bawah A2.4.

Pengesahan jauh: Tidak

A3.3 Dasar dan sistem/prosedur yang mencukupi dan berkesan diwujudkan untuk menentukan, menyampaikan, merekodkan, mengurus dan mengawal waktu bekerja termasuk kerja lebih masa, termasuk rekod waktu bekerja biasa dan lebih masa pekerja yang boleh dipercayai dan terperinci

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Mekanisme dasar dan pelaksanaan waktu bekerja yang berkesan sedia ada untuk menentukan, merekodkan, mengurus dan mengawal waktu bekerja dengan tepat termasuk kerja lebih masa dan hari cuti.
 - Dasar dan proses yang dilaksanakan perlu pada minimum:
 - memastikan kesedaran mengenai keperluan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tempatan dan kebangsaan mengenai waktu bekerja dan hari cuti dan keperluan EICC
 - menyepadukan undang-undang dan keperluan EICC
 - memantau prestasi sebenar
 - Menggunakan strategi untuk memastikan pematuhan kepada semua keperluan.
 - Jika Ketidapatuhan dikesan, tindakan pembetulan yang didokumenkan perlu dilaksanakan dan progres tindakan pembetulan didokumenkan.
 - Komunikasi dan sistem latihan yang berkesan untuk memberikan amaran awal apabila waktu bekerja hampir mencecah waktu maksimum sudah sedia ada.
 - Komunikasi/bahan latihan yang jelas bagi waktu bekerja dan kerja lebih masa disediakan.
 - Butiran komunikasi/bahan latihan adalah selaras dengan dasar Pihak Diaudit dan keperluan undang-undang.
 - Lembaran penjejakan berkaitan komunikasi/latihan ada disimpan
 - Semak rekod masa syarikat dan sistem untuk merakam waktu bekerja bagi menentukan masa direkodkan dengan tepat dan lengkap. Ini termasuk:
 - Semua pekerja mempunyai rekod masa.
 - Setiap rekod masa adalah tepat dan boleh dirujuk silang dengan rekod cuti, rekod pengeluaran, penyelenggaraan, perolehan atau rekod lain yang berkaitan.
 - Rekod masa perlu memasukkan:
 - Waktu bekerja biasa dan kerja lebih masa
 - Butiran yang mencukupi bagi membolehkan analisis waktu bekerja dan kerja lebih masa secara harian, mingguan dan bulanan.
 - Alat merakam masa ada dan semuanya berada dalam keadaan baik.

Nota: Kesilapan tidak disengajakan yang ditemui dalam rekod dirangkumkan di sini. Jika kesilapan yang sengaja ditemui, maka ia terangkum dalam bahagian D3.1.

Nota: Jika A3.1 atau A3.2 adalah Ketidapatuhan maka A3.3 adalah Ketidapatuhan

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar:
 - 2 atau lebih komponen (dasar, komunikasi/latihan, penjejakan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan pembetulan (jika berkenaan)) tidak sedia ada
 - Tiada alat merakam masa atau alat merakam masa tidak tepat atau tidak berada dalam keadaan yang baik
 - Rekod masa tidak sepadan dengan rekod Pihak Diaudit berkaitan yang lain (untuk lebih daripada 5 peratus populasi)
 - Rekod masa tidak diselaraskan dengan tepat selepas pekerja membuat aduan
- Kecil:
 - Satu daripada komponen (dasar, komunikasi/latihan, penjejakan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan pembetulan (jika berkenaan)) tidak sedia ada
 - Rekod masa tidak sepadan dengan rekod Pihak Diaudit berkaitan yang lain (untuk kurang daripada 5 peratus populasi) (1% toleransi dibenarkan)
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

Nota: Jangka masa yang dikaitkan dengan A3.1 dan/atau A3.2

A3.4 Pekerja dibenarkan berehat secara sah, bercuti dan hari percutian yang mereka layak secara sah, termasuk cuti sakit atau cuti bersalin.

Keperluan minimum:

Kebanyakan negara menghendaki pekerja diberi rehat selama 20 atau 30 minit bagi setiap dua atau empat jam, serta waktu makan yang ditentukan. Bandingkan amalan syarikat dengan keperluan undang-undang tempatan.

Pekerja menerima sejumlah masa rehat yang munasabah kerana sakit atau bersalin tanpa kehilangan pekerjaan atau penalti kewangan apabila disokong dengan sijil perubatan.

- Pemerhatian tapak: Pekerja diperhatikan berehat secara mandatori yang termasuk sekurang-kurangnya satu waktu makan bagi setiap syif dan selaras dengan keperluan undang-undang
- Semakan dokumen:
 - Pekerja diberikan waktu makan dan rehat, tempoh cuti, cuti dan hari percutian mengikut keperluan undang-undang tempatan, yang diperincikan dalam:
 - kontrak pekerja
 - peraturan bekerja
 - buku panduan pekerja
 - bentuk komunikasi pekerja yang lain.
 - Cuti dan hari bercuti sebenar direkodkan dalam rekod cuti, disimpan dengan selamat dan tepat.
 - Dasar dan prosedur rasmi untuk cuti sakit dan cuti bersalin sudah sedia ada dan disampaikan kepada pekerja, penyelia dan pengurusan.
 - Rekod cuti selama 12 bulan adalah sejajar dengan sijil perubatan.
 - Rekod bayaran gaji untuk tidak hadir kerja ini menunjukkan tidak ada penalti kewangan bagi cuti bersalin atau cuti sakit.

Pengadaran:

- Keutamaan: Pekerja tidak dibenarkan untuk cuti sakit atau bersalin dengan sijil perubatan yang sah
- Besar:
 - Tiada dasar sedia ada dan rehat/hari cuti mandatori tidak diberikan atau dijamin.
 - Rekod cuti tidak disimpan atau tidak tepat.
- Kecil:
 - Hari cuti dan rehat mandatori diberikan mengikut keperluan undang-undang tetapi:
 - tiada dasar yang sedia ada
 - dasar tidak disampaikan kepada pekerja
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A4) Upah dan Faedah

Pampasan dibayar kepada pekerja mesti mematuhi semua undang-undang gaji yang berkaitan, termasuk yang berkaitan dengan gaji minimum, jam bekerja lebih masa dan faedah yang dimandatkan mengikut undang-undang. Menurut undang-undang tempatan, pekerja mesti diberikan pampasan untuk bekerja lebih masa pada kadar bayaran yang lebih berbanding dengan kadar mengikut jam biasa. Potongan gaji sebagai tindakan disiplin adalah tidak dibenarkan. Asas pembayaran gaji pekerja mesti diberi tepat pada masanya melalui keratan resit bayaran atau dokumen yang serupa. Bagi setiap tempoh gaji, pekerja mesti diberikan penyata gaji tepat pada masanya dan mudah difahami, termasuk maklumat yang cukup untuk mengesahkan pampasan yang tepat bagi kerja yang dilakukan. Semua penggunaan buruh sementara, penghantar dan sumber luar mesti dalam batasan undang-undang tempatan.

A4.1 Upah yang sah untuk waktu kerja biasa dan kerja lebih masa dikira dan dibayar kepada semua pekerja dengan betul

Keperluan minimum:

Dalam kes negara yang tidak mempunyai set upah minimum mengikut undang-undang, maka upah industri yang lazim akan digunakan sebagai standard. **Penanda aras industri dan rujukan perlu dinyatakan di bawah rujukan undang-undang dalam kes ini.**

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - “Bayar bersamaan masa bekerja” dikenakan; ini bermakna sebarang aktiviti syarikat yang diperlukan, seperti taklimat, latihan, mesyuarat gambaran harian, mesti dibayar sama dengan masa aktiviti yang diwajibkan hadir ini.
 - Semua pekerja mesti dibayar tidak kurang daripada upah minimum bagi semua jam bekerja biasa seperti dikehendaki undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Upah asas pekerja perlu sentiasa ditetapkan pada upah minimum atau lebih bagi kategori pekerja. Ini diguna pakai kepada kedua-dua pekerja langsung dan tidak langsung.
 - Pihak Diaudit mengira upah, faedah dan kerja lebih masa dengan betul dan mengekalkan rekod gaji.
 - Menilai sistem gaji dan rekod syarikat bagi menentukan jika pekerja dibayar sekurang-kurangnya upah minimum mengikut undang-undang yang berkenaan di negara operasi atau jumlah yang dinyatakan dalam kontrak pekerja.
 - Semakan dokumen perlu untuk sekurang-kurangnya tiga bulan (bulan aktiviti purata, puncak dan rendah) dan untuk semua pekerja dalam sampel statistik.
 - Bagi setiap bulan nyatakan dalam laporan upah minimum dan upah purata bagi kategori pekerja yang ketara.
 - Cari potongan gaji pekerja yang dapat mengurangkan pampasan di bawah upah minimum.
 - Nilai kesan sistem pengeluaran ke atas gaji – sahkan sasaran pengeluaran tidak mengheret pekerja di bawah upah minimum mengikut undang-undang.

- Semak rekod pembayaran gaji dan cari jumlah pampasan terendah untuk menentukan semua gaji dan faedah yang dimandatkan disediakan.
- Memastikan kerja lebih masa dan pampasan lain serta faedah dibayar sebagai tambahan kepada upah minimum atau kontrak untuk waktu kerja biasa

Nota: Pekerja pelajar/pelatih/perantis mesti disemak sebagai kategori yang berasingan

Pengadaran:

- Keutamaan: Lebih daripada 20 peratus sampel dibayar di bawah upah minimum
- Besar:
 - Tiada dasar sedia ada DAN
 - pengiraan upah mengandungi kesilapan pengiraan struktur
 - 5 hingga 20 peratus sampel atau populasi dibayar di bawah upah minimum
 - 5 peratus atau lebih tidak dibayar faedah atau pampasan kerja lebih masa yang betul
- Kecil: Tiada dasar sedia ada tetapi pengiraan dan pembayaran mematuhi keperluan undang-undang, kontrak atau keperluan EICC
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A4.2 Bagi setiap tempoh gaji, pekerja diberikan penyata upah tepat pada masanya dan mudah difahami, termasuk maklumat yang cukup untuk mengesahkan pampasan yang tepat untuk kerja yang dilakukan

Keperluan minimum:

Di kebanyakan negara, undang-undang mereka menyatakan keperluan majikan untuk mencarum sebahagian daripada upah pekerja ke dalam skim insurans awam atau swasta. Secara umumnya ia terdiri daripada skim persaraan, pengangguran, kemalangan, perubatan dan sebagainya. Ini perlu diterangkan kepada pekerja dan ditunjukkan dalam slip upah pekerja.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Pekerja diberi slip pembayaran gaji yang secara jelas menunjukkan pampasan, termasuk jam bagi kerja lebih masa dan peringkat pampasan kerja lebih masa serta butiran potongan (contoh: caruman insurans,...).
 - Menyemak bukti yang pekerja diberi maklumat berkaitan dengan upah dalam bentuk yang dapat difahami.
 - Pekerja diberi latihan untuk memahami sepenuhnya cara upah dikira dan perkara yang diharapkan apabila mereka menerima pembayaran.
 - Pihak Diaudit membayar upah secara terus kepada pekerja (atau pihak ketiga yang sah) tiada potongan upah tanpa kebenaran (termasuk tindakan disiplin) pada masa yang tepat.
 - Bagi bayaran berulang secara berkala (termasuk kerja lebih masa, yang lain) tidak boleh dilewatkan lebih daripada dua hari selepas waktu pembayaran yang dipersetujui (seperti yang dinyatakan dalam kontrak pekerja atau oleh undang-undang (yang mana lebih ketat)).
 - Untuk gaji pemberhentian, pembayaran mesti dibuat dengan mematuhi undang-undang tempatan atau tidak lewat daripada satu bulan selepas hari terakhir bekerja.
 - Mengesahkan sampel statistik dan untuk sekurang-kurangnya tiga bulan:
 - tandatangan pekerja dalam daftar gaji
 - rekod pemindahan bank, atau bukti pembayaran yang lain, termasuk tarikh dan jumlah terhutang bagi setiap pekerja

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Pembayaran terlewat selama lebih daripada 1 bulan
- Besar:
 - Upah dan pampasan tidak diterangkan kepada pekerja dalam bentuk slip gaji, resit pembayaran gaji atau seumpamanya
 - Tiada latihan atau penerangan tentang upah yang diberikan kepada pekerja
 - Pembayaran lewat kurang daripada satu bulan dan lebih daripada 5 peratus sampel atau populasi
- Kecil:
 - Komunikasi dan latihan disediakan tetapi lebih daripada 5 peratus pekerja tidak memahami cara upah dikira

- Pembayaran lewat kurang daripada satu bulan dan kurang daripada 5 peratus sampel atau populasi
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

A4.5 Upah tidak dipotong atau dikurangkan atas beberapa sebab disiplin

Keperluan minimum:

“Bayar bersamaan masa bekerja” dikenakan, ini bermakna jika seorang pekerja lewat, kesan ke atas upah tidak boleh lebih daripada masa kelewatan pekerja itu.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Dasar yang jelas melarang pemotongan upah atas sebab disiplin adalah sebahagian daripada upah dan pampasan atau dasar yang setara.
 - Rekod disiplin, slip gaji dan rekod pembayaran upah atau yang setara bagi sampel statistik bagi sekurang-kurangnya 3 bulan tidak menunjukkan sebarang bentuk pemotongan upah atas sebab disiplin

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: (lalai): Pemotongan upah dilaksanakan oleh Pihak Diaudit sebagai langkah disiplin standard
- Kecil: Pemotongan upah tidak dilaksanakan oleh Pihak Diaudit, namun tiada pernyataan dasar yang jelas mengenai perkara ini
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A4.3 Pemotongan atau penahanan dikira dengan betul dan dikemukakan kepada agensi kerajaan yang sesuai dalam jangka masa yang mengikut undang-undang tempatan

Keperluan minimum:

Penahanan untuk cukai dan program kerajaan yang lain perlu dibuat dengan segera kepada agensi berkenaan. Di kebanyakan negara, undang-undang mereka menyatakan keperluan majikan untuk mencarum sebahagian daripada upah pekerja ke dalam skim insurans awam atau swasta. Secara umumnya ia terdiri daripada skim persaraan, pengangguran, kemalangan, perubatan dan sebagainya.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Sekurang-kurangnya 3 bulan sampel bagi dokumen populasi perlu sedia ada untuk menunjukkan setiap pemotongan wajib, bayaran dan komunikasi kepada pekerja.
 - Keratan resit gaji/proses memenuhi pemotongan/kadar peraturan kawal selia tempatan.
 - Rekod caruman majikan dalam skim insurans pekerja, contohnya skim pengangguran, persaraan/pencen, kesihatan/perubatan, nyawa, kemalangan, hilang upaya, ... perlu disediakan pada setiap bulan yang:
 - membolehkan analisis mengikut pekerja individu
 - jumlah bagi setiap jenis caruman.
 - Rekod pembayaran bagi caruman ini sedia ada untuk sekurang-kurangnya 12 bulan dan bayaran dibuat tepat pada masanya. Caruman disampaikan kepada pekerja. EICC tidak menerima perjanjian yang ditandatangani dengan pekerja yang membenarkan Pihak Diaudit tidak memotong insurans sosial sebagai pilihan pematuhan kepada pematuhan undang-undang insurans sosial.

Nota: pekerja pelajar/pelatih/perantis mesti disemak sebagai kategori yang berasingan

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Pembayaran kerajaan atau pemotongan wajib belum dibuat atau dibayar tepat pada masa untuk sekurang-kurangnya 3 bulan
 - Lebih daripada 20 peratus sampel atau populasi tidak mempunyai caruman majikan dibayar yang betul dari segi undang-undang.
- Besar:
 - Pembayaran kerajaan atau pemotongan wajib tidak dikira dengan betul atau tidak dibayar tepat pada masanya
 - 5 hingga 20 peratus sampel atau populasi tidak mempunyai caruman majikan dibayar yang betul dari segi undang-undang.
 - Caruman yang dikehendaki undang-undang tidak dibayar secara berkala atau tepat pada masanya
- Kecil:
 - Pembayaran kerajaan atau pemotongan wajib dikira dengan betul tetapi ada kesilapan permohonan dalam bilangan yang terhad sampel statistik (kurang daripada 5 peratus)

- Caruman majikan yang sah dibayar tepat pada masanya tetapi tidak diterangkan kepada pekerja.
- 5 peratus atau kurang daripada sampel atau populasi tidak mempunyai caruman majikan dibayar yang betul dari segi undang-undang
- Tidak Berkenaan: Tiada sekatan atau caruman yang dikehendaki oleh undang-undang

Pengesahan jauh: Ya

A5) Layanan Berperikemanusiaan

Tiada layanan yang tidak berperikemanusiaan, termasuk sebarang gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau kata cercaan pada pekerja; ataupun ancaman bagi mana-mana layanan berkaitan. Dasar dan prosedur disiplin yang menyokong keperluan ini perlu ditakrifkan dan disampaikan kepada pekerja dengan jelas.

A5.1 Tiada bukti wujud gangguan atau penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal, kata cercaan atau ugutan

Keperluan minimum:

Layanan tidak berperikemanusiaan merangkumi gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau kata cercaan, serta penarikan balik kesimpulan asas fizikal yang diberikan kepada pekerja lain.

- Pemerhatian tapak: Tiada kemungkinan kejadian yang dikenal pasti sebagai layanan tidak berperikemanusiaan.
- Semakan dokumen:
 - Rekod timbang cara tidak menunjukkan kejadian layanan tidak berperikemanusiaan.
 - Jika kejadian ditemui, tindakan pembedahan yang sesuai diambil dengan segera dan didokumenkan.
 - Rekod disiplin tidak menunjukkan tindakan disiplin yang tidak berperikemanusiaan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Satu atau lebih kes layanan tidak berperikemanusiaan dilaporkan tanpa tindakan diambil oleh pengurusan Pihak Diaudit
- Besar: Kurang daripada 2 kes layanan tidak berperikemanusiaan dilaporkan dengan tindakan masih sedang dijalankan
- Kecil: Kurang daripada 2 kes layanan tidak berperikemanusiaan dilaporkan dengan tindakan yang diselesaikan tetapi tiada tindakan secara berterusan.
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A5.2 Dasar dan prosedur yang mencukupi dan berkesan untuk keadaan bekerja yang baik/berperikemanusiaan dan layanan yang adil kepada pekerja diwujudkan dan diterangkan kepada semua pekerja

Keperluan minimum:

Layanan tidak berperikemanusiaan merangkumi gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau kata cercaan, serta penarikan balik keselesaan asas fizikal yang diberikan kepada pekerja lain.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkena
- Semakan dokumen:
 - Dasar disiplin sedia ada, melarang gangguan dan penderaan fizikal atau seksual.
 - Dasar disiplin dengan jelas diterangkan kepada pekerja dan pengurusan dalam:
 - latihan pekerja
 - buku panduan pekerja
 - siaran papan kenyataan
 - kaedah lain yang boleh diakses oleh semua pekerja.
 - Dokumen yang berikut adalah sedia ada:
 - tindakan/prosedur disiplin yang berperikemanusiaan
 - mekanisme dan prosedur timbang cara/aduan untuk pekerja melaporkan kejadian layanan kasar/tidak berperikemanusiaan
 - prosedur untuk menyiasat dan menangani aduan sedemikian, merangkumi tindakan disiplin yang sewajarnya kepada mereka yang melakukan tindakan kasar/tidak berperikemanusiaan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkena
- Besar:
 - Tiada dasar/prosedur disiplin
 - Tiada latihan dasar/prosedur disiplin
- Kecil: Dasar disiplin dan rekod tindakan disiplin sedia ada tetapi komunikasi atau latihan tidak berkesan (kurang daripada 5 peratus tidak dapat menjelaskan prosedur tindakan disiplin)
- Tidak Berkena: Tidak berkena

Pengesahan jauh: Tidak

A5.3 Tindakan disiplin direkodkan, selaras dengan prosedur dan disemak oleh pengurusan

Keperluan minimum:

Layanan tidak berperikemanusiaan merangkumi gangguan seksual, penderaan seksual, hukuman dera, paksaan mental atau fizikal atau kata cercaan, serta penarikan balik keselesaan asas fizikal yang diberikan kepada pekerja lain.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Prosedur tindakan disiplin didokumenkan dan mematuhi keperluan undang-undang dan tidak mengandungi amalan tidak berperikemanusiaan.
 - Rekod yang jelas bagi semua kes tindakan disiplin adalah sedia ada
 - Semua rekod bertulis mengenai tindakan disiplin kepada pekerja mesti diterangkan secara sah kepada mereka.
 - Bagi sampel statistik, rekod disiplin untuk 12 bulan lepas menunjukkan tindakan disiplin dengan tandatangan atau pengesahan pekerja.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar:
 - Rekod tindakan disiplin tidak sedia ada
 - Rekod tindakan disiplin tidak selaras dengan prosedur syarikat
- Kecil: Rekod tindakan disiplin sedia ada tetapi pekerja tidak mengesahkan atau menandatangani rekod/tindakan
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

A6) Tiada Diskriminasi

Peserta perlu komited pada tenaga kerja yang bebas daripada gangguan dan diskriminasi yang menyalahi undang-undang. Syarikat tidak boleh terlibat dengan diskriminasi bangsa, warna kulit, umur, jantina, orientasi seksual, identiti dan ekspresi jantina, etnik atau negara asal, kecacatan, kehamilan, agama, fahaman politik, keahlian kesatuan, status veteran dilindungi, maklumat genetik dilindungi atau status perkahwinan dalam pengambilan pekerja dan amalan pekerjaan seperti gaji, kenaikan pangkat, ganjaran dan akses kepada latihan. Pekerja perlu disediakan dengan penginapan yang munasabah untuk mengamalkan kepercayaan agama. Sebagai tambahan, pekerja atau pekerja berpotensi tidak perlu menjalani ujian perubatan atau ujian fizikal yang dilakukan dengan cara diskriminasi.

A6.1 Tiada bukti diskriminasi.

Keperluan minimum:

- **Pemerhatian tapak:** Pencerapan kemudahan tidak mendedahkan sebarang kejadian yang boleh dilihat sebagai diskriminasi
- Semakan dokumen:
 - Menyemak diskriminasi berdasarkan ujian kehamilan:
 - Dokumen perlu mengesahkan yang kemudahan itu mematuhi semua undang-undang dan peraturan mengenai kehamilan dan perlindungan pekerjaan selepas bersalin, faedah dan gaji.
 - Pihak Diaudit tidak boleh:
 - menolak mengambil seseorang pemohon bagi jawatan yang tidak berhazard; atau
 - menamatkan pekerjaan pekerja semata-mata berdasarkan kepada status kehamilan pekerja.
 - Menyemak diskriminasi berdasarkan ujian perubatan:
 - Pihak Diaudit tidak boleh, atas dasar status perubatan seseorang, membuat sebarang keputusan pekerjaan yang menjejaskan status pekerjaan seseorang melainkan jika keputusan itu ditentukan oleh keperluan yang wujud daripada kerja atau adalah berhemat untuk keselamatan di tempat kerja.
 - Pihak Diaudit tidak boleh mendiskriminasikan seorang pekerja yang berkelayakan untuk jawatan lain berdasarkan keengganan pekerja itu menjalani ujian perubatan yang tidak diperlukan untuk jawatan tersebut.
 - Ujian kesihatan, ujian kehamilan, atau pencegahan kehamilan tidak digunakan sebagai syarat pekerjaan. (Dalam sesetengah kes, kerajaan tempatan memerlukan ujian kesihatan bagi pekerja asing sebelum pengeluaran visa kerja.)
 - Pekerja atau pekerja berpotensi tidak akan tertakluk kepada ujian perubatan atau pemeriksaan fizikal yang boleh digunakan dengan cara diskriminasi.
 - Semakan diskriminasi bagi kelas yang dilindungi dalam pengambilan dan pemecatan pekerja:

- Rekod pengambilan dan penamatan mengesahkan keupayaan calon untuk melaksanakan kehendak tugas.
- Siaran dan iklan jawatan kosong tidak mendiskriminasi.
- Rekod pengambilan, rekod kenaikan pangkat, pembayaran gaji, latihan umum dan rekod disiplin untuk sampel statistik disemak untuk keselarasan dasar dan untuk mencari bukti diskriminasi yang merangkumi pengambilan, upah, kenaikan pangkat, ganjaran dan akses kepada latihan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Pengurusan mendiskriminasi dengan cara berstruktur yang menyebabkan kemudaran yang besar kepada kelas yang dilindungi.
- Besar: Dua atau lebih kes diskriminasi dilaporkan dengan tiada tindakan diambil.
- Kecil: Satu kes diskriminasi dilaporkan dengan tindakan yang diselesaikan tetapi tiada langkah pencegahan dibuat secara berterusan
- Risiko Ketidapatuhan: Dakwaan kes diskriminasi wujud yang dibuka (tidak disiasat/ditutup). Diskriminasi wujud kerana peruntukan undang-undang semasa di dalam negara operasi.
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Nota: kes diskriminasi diguna pakai sekiranya kes ini mempunyai asas yang didokumenkan, dakwaan tidak dianggap sebagai kes diskriminasi.

Pengesahan jauh: Tidak

A6.2 Dasar dan prosedur yang mencukupi dan berkesan yang mengharamkan diskriminasi dan gangguan sudah sedia ada.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Dasar yang mengharamkan diskriminasi diwujudkan.
 - Keputusan pengambilan, pekerjaan (seperti pampasan, kenaikan pangkat, akses kepada latihan, ...), atau memberhentikan pekerja adalah semata-mata berdasarkan keupayaan calon untuk melaksanakan kehendak tugas.
 - Huraian tugas bertulis yang memberi tumpuan semata-mata kepada “kelayakan pekerjaan”, bukannya ciri-ciri peribadi sudah sedia ada.
 - Dasar dan prosedur tanpa diskriminasi diterangkan kepada pekerja, penyelia dan pengurusan.
 - Latihan awal berkaitan tanpa diskriminasi
 - Latihan ulang kaji tahunan bagi penyelia dan pengurus sudah sedia ada
 - Bahan dan rekod latihan sedia ada dan selaras dengan keperluan undang-undang dan dasar yang ditulis.
 - Pihak Diaudit secara berkala menyemak amalan pengambilan, rekod pampasan, dokumen penilaian dan kenaikan pangkat pekerja, rekod latihan, dasar dan prosedur faedah pekerja, dan rekod penamatan/disiplin bagi menentukan tidak ada diskriminasi yang dilarang.
 - Pengurusan ejen dan pembekal pengambilan dilatih berkaitan tanpa diskriminasi dan undang-undang tanpa diskriminasi yang berkenaan

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Tiada dasar tanpa diskriminasi atau dasar komunikasi/latihan sedia ada
- Kecil: Dasar tanpa diskriminasi sedia ada, tetapi tidak melindungi semua kelas EICC yang dilindungi; atau dasar tidak diterangkan/dilatih secara berkala
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

A6.3 Kelonggaran yang munasabah untuk mengamalkan kepercayaan agama diberikan.

Keperluan minimum:

Untuk memberikan kelonggaran yang munasabah untuk mengamalkan kepercayaan agama, kemudahan dijangka mengambil beberapa langkah munasabah bagi memastikan setiap pekerja tidak didiskriminasi berdasarkan agama. Apabila sebilangan besar penganut agama memerlukan kelonggaran khusus untuk melaksanakan ibadah mereka, kemudahan perlu mengambil beberapa langkah tambahan bagi menyediakan ruang, masa dan fleksibiliti untuk membenarkan pekerja ini melakukan ibadahnya.

- Pemerhatian tapak: Di negara dan/atau tempat kerja yang peratusan pekerja yang besar memerlukan ruang ibadah untuk mengerjakan ruang ibadah yang bersih dan selamat disediakan.
- Semakan dokumen:
 - Prosedur yang mencukupi dan berkesan sedia ada untuk memberi kelonggaran yang munasabah dan penyesuaian persekitaran kerja bagi membolehkan pekerja mengamalkan kepercayaan agama mereka semasa di tempat kerja atau dalam proses permohonan kerja.
 - Prosedur mesti memberi kelonggaran secara munasabah kepada kumpulan atau individu bagi permintaan mengamalkan agama yang dibuat kepada pengurusan, dan mungkin merangkumi:
 - Perubahan Penjadualan
 - Gantian dan Pertukaran Syif Sukarela
 - Perubahan Tugas Kerja dan Pemindahan Mendatar
 - Standard Berpakaian dan Perapian
 - Penggunaan Kemudahan Majikan
 - Prosedur Ujian dan Pemilihan
 - Pekerja dan penyelia dilatih dalam prosedur Kelonggaran Beragama yang Munasabah dan cara untuk memintanya. Proses ulang kaji tahunan sudah sedia ada.
 - Mekanisme untuk menerima permintaan kelonggaran beragama sudah sedia ada
 - Permintaan disimpan, disemak dan keputusan serta alasan keputusan untuk kelonggaran (atau tiada kelonggaran) diberikan kepada pemohon dengan cara yang tepat pada masanya.
 - Kelonggaran Beragama yang Munasabah mungkin ditolak atas sebab keselamatan dan jaminan, selepas mencari alternatif (merangkumi pilihan luar tapak) dan/atau kesan yang besar ke atas operasi perniagaan, kos operasi atau pekerja lain.
 - Pemberian kelonggaran beragama perlu dinilai terhadap Perjanjian Rundingan Kolektif (CBA - jika sedia ada) dan mungkin berbeza daripada CBA.
 - Dialog dengan wakil pekerja diadakan jika terdapat perbezaan antara kelonggaran beragama dan CBA, jika ini tidak melanggar privasi pemohon Kelonggaran Beragama yang Munasabah.

Pengadaran:

- Keutamaan: Bila permohonan permintaan Kelonggaran Beragama yang Munasabah dikemukakan, permintaan itu ditolak oleh pengurusan tanpa alasan

- Besar:
 - Tiada dasar atau Kelonggaran Beragama yang Munasabah yang mencukupi.
 - Kawasan beribadah/beragama disediakan tetapi tidak selamat, bersih atau mencukupi
 - Permintaan Kelonggaran Beragama yang Munasabah dibuat tetapi tidak dinilai atau keputusan tidak disampaikan kepada pemohon/pekerja
- Kecil: Rekod Kelonggaran Beragama yang Munasabah (permohonan dan jawapan) tidak disimpan
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A7) Kebebasan Berpersatuan

Selaras dengan undang-undang tempatan, peserta perlu menghormati hak semua pekerja untuk membentuk dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka sendiri, untuk rundingan secara kolektif dan untuk melibatkan diri dalam perhimpunan secara aman serta menghormati hak pekerja untuk menahan diri daripada aktiviti sedemikian. Pekerja dan/atau wakil-wakil mereka boleh berkomunikasi secara terbuka dan berkongsi idea dan kebimbangan dengan pengurusan berhubung dengan keadaan kerja dan amalan pengurusan tanpa rasa bimbang dengan diskriminasi, tindakan balas, ugutan atau ancaman

Panduan Intrepretasi

- Rujukan "kesatuan sekerja" dalam panduan ini merujuk kepada kesatuan sekerja, kesatuan, dan pertubuhan wakil pekerja yang lain.
- Secara ringkasnya, panduan audit ini memfokuskan hak pekerja untuk menubuhkan dan terlibat diri dalam kesatuan sekerja atas pilihan mereka sendiri, berunding secara kolektif, dan berkumpul secara aman. Panduan audit ini perlu dibaca untuk melindungi hak pekerja bagi menahan diri daripada menubuhkan atau melibatkan diri dalam kesatuan sekerja, rundingan kolektif, dan perhimpunan aman.
- Pernyataan berkecuali: Syarikat pihak diaudit bertanggungjawab memastikan pekerja mereka menjalankan hak mereka untuk mengorganisasi dalam suasana yang bebas daripada keganasan, tekanan, ketakutan dan ancaman. Syarikat pihak diaudit tidak dikehendaki mengambil peranan yang aktif dalam menyokong pekerja untuk berpersatuan atau mengorganisasi.

A7.1 Pekerja boleh menubuhkan atau mendaftar dalam kesatuan pekerja dengan kemahuan mereka sendiri

Keperluan minimum:

Pekerja boleh menubuhkan atau melibatkan diri dalam kesatuan pekerja dan dibenarkan mengendalikan pengurusan secara bebas. Pihak pengurusan sepatutnya tidak campur tangan dalam proses dengan secara langsung atau tidak langsung menjalankan pilihan raya yang berkaitan dengan pembentukan, pengiktirafan atau pentadbiran kesatuan sekerja.

Pemerhatian tapak:

- Tiada bukti menunjukkan kewujudan keganasan dan sebarang jenis ancaman eksplisit

Semakan dokumen:

- Dasar yang menghormati hak pekerja untuk menubuhkan dan mendaftar dalam kesatuan sekerja, atau menahan diri daripada berbuat demikian, didokumentasikan dan disampaikan kepada pekerja dalam bahasa yang mereka fahami.
- Tidak ada episod keganasan, ancaman yang jelas atau sebarang jenis keganasan yang lain untuk hak kebebasan persatuan yang didokumenkan. (dapatkan dokumen di bawah A5.1)
- Undang-undang tidak menemui yang pekerja terbabit dalam sebarang amalan buruh yang tidak adil dalam keganasan undang-undang tempatan yang mengganggu hak pekerja untuk berpersatuan atau, menahan diri

daripada berbuat demikian, atau menghapuskan kesatuan sekerja di kemudahan, atau menahan diri daripada berbuat demikian.

Pengadaran:

• Besar:

- Kebebasan Berpersatuan dilarang dalam komunikasi Pihak Diaudit
- Tiada dasar atau bahasa spesifik dalam dasar umum yang menghormati hak pekerja untuk menubuhkan atau mendaftar dalam kesatuan pekerja
- Sebarang rungutan atau dapatan undang-undang yang Pihak Diaudit campur tangan dalam Kebebasan Berpersatuan pekerja adalah tidak berkaitan.

Kecil:

- Dasar/Komunikasi tentang Kebebasan Berpersatuan tidak dikomunikasikan kepada atau bukan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja.
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A7.2 Hak undang-undang pekerja untuk berunding secara kolektif, atau menahan diri daripada berbuat demikian, adalah dihormati

Keperluan minimum:

- **Pemerhatian tapak:**

Tidak bukti penolakan oleh pengurusan untuk terlibat dalam rundingan selepas diminta oleh kesatuan sekerja.

- **Semakan dokumen:**
 - Tidak bukti penolakan oleh pengurusan untuk terlibat dalam rundingan selepas diminta oleh kesatuan sekerja.
 - Dasar buruh syarikat termasuk mengenal pasti hak pekerja untuk berunding secara kolektif, atau menahan diri daripada berbuat demikian;
 - Pihak diaudit berniat baik menyertai dalam proses rundingan kolektif dengan kesatuan sekerja disahkan untuk berunding bagi pihak pekerja;
 - Perjanjian Rundingan Kolektif, jika ada.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tidak Berkenaan
- **Besar:**
 - Elemen bahan CBA tidak diguna pakai dan tiada bukti pengurusan mengambil tindakan untuk memulihkan;
 - Bukti yang proses CBA dilarang.
- **Kecil:** Tidak Berkenaan
- **Tidak Berkenaan:** Tiada CBA sedia ada

Pengesahan jauh: Tidak

A7.3 Peserta menghormati hak undang-undang semua pekerja untuk berhimpun secara aman serta menghormati hak pekerja untuk menahan diri daripada berbuat demikian.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Tiada tanda pelanggaran hak untuk berhimpun secara aman.
 - Semakan dokumen:
 - Dasar sedia ada mencatatkan hak pekerja; secara individu atau kolektif; untuk menyatakan, mempromosi, mencapai, dan mempertahankan keseimbangan dan idea mereka; atau menahan diri daripada melakukan demikian; merangkumi dalam dasar syarikat yang lebih luas dan sedia ada untuk pekerja dan wakil mereka dalam bahasa yang dapat difahami.
- Dokumentasi menunjukkan Pihak Diaudit
- Menghormati hak pekerja untuk berhimpun secara aman serta menghormati hak pekerja untuk menahan diri daripada berbuat demikian.
 - Tidak campur tangan, menahan atau memaksa pekerja menunaikan hak mereka untuk berhimpun secara aman atau menahan diri daripada berbuat demikian.
 - Mungkin memberikan masa, tempat dan cara kawalan yang munasabah berkaitan perhimpunan untuk tujuan mengekalkan persekitaran kerja yang sihat, selamat dan produktif.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Tidak berkenaan
- Besar:
 - Hak berhimpun secara aman tidak diiktiraf dalam dasar dan/atau belum ditegakkan dalam amalan.
 - Hak untuk proses perhimpunan aman dilarang dalam komunikasi Pihak Diaudit
- Kecil:
 - Komunikasi untuk hak berhimpun secara aman dibuat, tetapi bukan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja.
- Tidak berkenaan: tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

A7.4 Tiada bukti wujudnya layanan yang tidak saksama antara kesatuan sekerja atau wakil pekerja dan pekerja tanpa persatuan

Keperluan minimum:

Pengurusan tidak boleh mendiskriminasi pekerja dalam pengambilan, pemberhentian, atau sebarang terma dan syarat yang lain pekerjaan bagi menggalakkan atau tidak menggalakkan pekerja daripada menubuhkan atau melibatkan diri dalam kesatuan sekerja, atau menahan diri daripada berbuat demikian. Perbezaan dalam terma dan syarat antara kesatuan sekerja dan pekerja tanpa persatuan disebabkan perjanjian rundingan kolektif yang dibincangkan antara pengurusan dan wakil yang diakui oleh kesatuan sekerja bagi pihak pekerja tertentu tidak mewujudkan diskriminasi.

- Pemerhatian tapak:
 - Tidak wujud bukti larangan kesatuan
- Semakan dokumen:
 - Rekod pembayaran gaji; kenaikan pangkat; latihan; disiplin; pengambilan dan pemberhentian tidak menunjukkan sebarang bentuk diskriminasi antara pekerja;
 - Tiada bukti yang Pihak Diaudit memecat, mengenakan disiplin, memaksa atau mengancam pekerja untuk menggalakkan atau tidak menggalakkan pekerja daripada menubuhkan atau terlibat dalam kesatuan sekerja, atau menahan diri daripada berbuat demikian.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Tidak berkenaan.
- Besar:
 - Mekanisma untuk melapor dan menyelesaikan diskriminasi tidak berkesan. (dua kes atau lebih).
 - Rekod perbezaan dalam pembayaran; kenaikan pangkat; disiplin; pengambilan dan pemberhentian menggalakkan atau tidak menggalakkan pekerja daripada menubuhkan atau terlibat dalam kesatuan sekerja, atau menggalakkan atau tidak menggalakkan pekerja untuk menahan diri daripada berbuat demikian.
- Kecil:
 - Satu kes wujud yang mana mekanisma untuk melapor dan menyelesaikan diskriminasi tidak berkesan.
- Tidak Berkenaan: Tiada kesatuan atau wakil pekerja

Pengesahan jauh: Tidak

A7.5 Tidak wujud bukti pengurusan Pihak Diaudit mengawal atau cuba mengawal kesatuan sekerja dengan apa jua cara.

Keperluan minimum:

Pengurusan tidak boleh mendominasi atau campur tangan dalam penubuhan atau pentadbiran sebarang kesatuan sekerja atau memberikan sokongan, sama ada dalam bentuk kewangan atau sumber manusia. Pengurusan akan memberikan kebenaran pemilihan wakil pekerja

secara demokratik mengikut keperluan undang-undang.

Pemerhatian tapak:

- Tidak wujud bukti yang menunjukkan pengurusan mengawal kesatuan sekerja.

Semakan dokumen:

- Dasar menangani kebebasan berpersatuan termasuk Pihak Diaudit tidak akan campur tangan dan tidak akan membiayai kesatuan sekerja;
- Minit mesyuarat kesatuan dan rekod kewangan untuk 12 bulan, jika ada, bagi menentukan sumber pembiayaan dan bahan;
- Sumbangan pengurusan terhad kepada penyediaan ruang mesyuarat dan/atau bahan mesyuarat (seperti bahan mengambil nota);
- Rekod pembayaran gaji mengesahkan yang ahli kesatuan dibayar sama seperti pekerja lain yang mempunyai fungsi kerja yang sama.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Tidak berkenaan.

Besar:

- Pihak Diaudit mengawal atau percubaan mengawal kesatuan sekerja dalam kawasan kemudahan Pihak Diaudit.
- Tiada dokumentasi atau dasar yang Pihak Diaudit tidak akan campur tangan dan tidak akan membiayai kesatuan sekerja.
- Bukti yang Pihak Diaudit menyediakan pembayaran atau perkara lain untuk kesatuan sekerja atau kepimpinan kesatuan sekerja atau ahli.

Kecil:

- Tidak berkenaan.

Tidak Berkenaan: Tiada kesatuan sekerja.

Pengesahan jauh: Tidak

B. KESIHATAN & KESELAMATAN

Bagi kemudahan dengan risiko EHS yang tinggi, Juruaudit pakar EHS akan ditambah ke pasukan audit untuk semakan pakar berkenaan dasar, program dan prestasi. Untuk maklumat lanjut mengenai juruaudit pakar EHS, lihat bab 6 – pasukan audit.

B1) Keselamatan Pekerjaan

Pendedahan pekerja pada potensi hazard keselamatan (seperti sumber elektrik dan tenaga lain, api, kenderaan dan hazard terjatuh) perlu dikawal melalui reka bentuk, kejuruteraan dan kawalan pentadbiran yang wajar, penyelenggaraan pencegahan dan prosedur kerja yang selamat (termasuk sekatan masuk/teg sekatan), dan latihan keselamatan berterusan. Jika hazard tidak dapat dikawal secukupnya dengan cara ini, pekerja perlu diberikan peralatan perlindungan peribadi yang sesuai dan diselenggara dengan baik, serta bahan pendidikan mengenai risiko kepada diri mereka berkaitan dengan bahaya ini. Pekerja perlu digalakkan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan.

B1.1 Semua permit yang diperlukan, lesen dan laporan ujian untuk keselamatan pekerjaan sudah sedia ada dan proses yang dilaksanakan bagi memastikan permit dan lesen adalah dikemas kini pada setiap masa

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Semua permit keselamatan pekerjaan yang diperlukan oleh undang-undang sudah sedia ada, dan boleh didapati untuk semakan dan sah.
 - Semua lesen keselamatan pekerjaan yang diperlukan oleh undang-undang sudah sedia ada, dan boleh didapati untuk semakan. Contoh ini boleh termasuk:
 - data persampelan amalan kebersihan industri
 - data persampelan air minuman
 - ujian aliran pengudaraan
 - permit menghuni bangunan
 - pintu masuk ruang terkurung
 - permit kerja panas
 - permit bekas tekanan
 - Laporan ujian keselamatan pekerjaan sudah sedia ada, dan boleh didapati untuk semakan dan memenuhi syarat-syarat permit, lesen atau keperluan undang-undang/pelanggan.
 - Ujian dilakukan pada kekerapan yang dinyatakan dalam permit, lesen atau oleh pelanggan dan tidak melebihi tempoh dua tahun.
 - Proses yang didokumenkan sedia ada bagi memastikan permit diperbaharui sebelum permit semasa tamat tempoh, seperti kalendar pematuhan atau peringatan/tugas/kalendar janji temu melalui sistem e-mel. Penjejakan permit didokumenkan.
 - Laporan ujian air minuman sedia ada untuk semakan dan air minuman diuji secara berkala (minimum setiap dua bulan atau keperluan kawal selia tempatan, yang mana lebih ketat). Jika keputusan ujian sedia ada adalah

daripada sumber awam, maka ia mesti diperoleh dan disahkan sekurang-kurangnya sekali dalam 2 tahun terakhir.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Permit, lesen yang diperlukan undang-undang atau laporan ujian hilang DAN tiada proses disediakan untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti dikehendaki
- Kecil: Permit, lesen atau laporan ujian yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada tetapi tiada proses yang boleh diguna pakai untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang dikehendaki
- Tidak Berkenaan: Permit atau lesen tidak diperlukan. Tiada laporan ujian diperlukan.

Pengesahan jauh: Ya

B1.2 Pendedahan pekerja pada potensi hazard keselamatan (seperti sumber elektrik dan tenaga lain, api, kenderaan dan hazard terjatuh) perlu dikawal melalui reka bentuk, kejuruteraan dan kawalan pentadbiran dan prosedur kerja selamat yang wajar

Keperluan minimum:

Jika hazard dapat dikawal sepenuhnya, Jika sedia ada, pilih risiko keselamatan kedudukan paling tinggi kemudahan.

- Pemerhatian tapak:
 - Semak persampelan operasi yang dirangkumi oleh program keselamatan kemudahan untuk menentukan:
 - Kawalan kejuruteraan digunakan jika sesuai
 - Bangunan adalah kukuh dari segi struktur dan mematuhi keperluan kod bangunan tempatan
 - Tangga dan kawasan kerja yang tinggi disediakan dengan penghadang yang sesuai dan susur tangan serta platform kerja yang tinggi dinilai untuk kapasiti beban
 - Lorong, tangga, dan kawasan kerja bebas daripada hazard tersandung (bahan yang disimpan, wayar elektrik, ...)
 - Langkah berjaga-jaga dan kawalan hazard elektrik sedia ada seperti almari yang dikunci, panel yang ditutup, akses yang tidak terhalang.
 - Di kawasan kenderaan industri berkuasa digunakan, laluan pejalan kaki ditandakan dengan jelas dan dipisahkan secara fizikal, jika boleh, dari kawasan operasi kenderaan.
 - Tanda, pelekat dan label yang sesuai dalam bahasa tempatan pekerja bagi mengenal pasti hazard bahan kimia, fizikal dan kenderaan.
 - Bahagian bertenaga dilindungi daripada tersentuh dengan kandang dan halangan dan semua kaedah perlindungan sedia ada dan tidak kekurangan.
 - Pekerja diberi perlindungan daripada jatuh yang sewajarnya untuk bekerja di kawasan tinggi (kerja di bumbung, trak angkat susun yang tinggi, menara,...). Bangunan disediakan dengan tempat mengikat bagi menyediakan pekerja dengan tempat penambat selamat sekiranya mereka perlu memasang abah-abah.
 - Ruang terkurung dikenal pasti. Stor bagi bahan boleh terbakar dikesilkan dan terhad kepada kawasan yang mempunyai pengesan dan perlindungan kebakaran yang mencukupi.
 - Bahan mudah terbakar dan boleh terbakar disimpan dengan baik untuk mencegah pengumpulan wap. Hazard pencucuhan (contohnya merokok, percikan elektrik, atau api yang terdedah, ...) dihapuskan di kawasan bahan yang boleh terbakar dan mudah terbakar disimpan atau digunakan atau jika terdapat atmosfera mudah terbakar.
 - Mekanisme untuk meningkatkan keprihatinan keselamatan dapat dilihat dengan jelas
- Semakan dokumen:

- Amalan kerja yang selamat diwujudkan dan didokumenkan sekiranya kawalan kejuruteraan tidak boleh dilaksanakan atau tidak mengawal hazard dengan sepenuhnya.
- Hazard ruang sempit dinilai sebelum pekerja dibenarkan masuk.
- Sistem permit kerja panas sedia ada untuk mengimpal, memotong dan pematerian keras.
- Pemeriksaan keselamatan harian dilakukan untuk semua kenderaan industri berkuasa.
- Pemasangan elektrik dan pendawaian kerap diperiksa dan diselenggara bagi menghalang hazard kejutan elektrik (dawai dan palam rosak, pendawaian berjurai, halangan pelindung hilang,...).
- Program sekat masuk/tegas sekat sedia ada untuk bekerja dengan peralatan yang menyimpan tenaga (elektrik, pneumatik, mekanikal, ...) atau permulaan yang tidak sengaja boleh menyebabkan mencederakan pekerja.
- Bahan pendidikan (seperti arahan kerja selamat, arahan pengoperasian, ...) mengenai risiko berkaitan dengan hazard ini disediakan untuk pekerja bagi memastikan pelaksanaan fungsi yang selamat. Contoh kawalan termasuk peralatan pelindung peribadi (cermin mata keselamatan, sarung tangan, dan penyumbat telinga), prosedur operasi (kunci/tanda, bancuhan kimia) dan kawalan kejuruteraan (pengudaraan, titik operasi pengadang mesin, sistem pemercik bangunan). Pekerja dilatih dalam atmosfera berhazard sebelum masuk ke ruang sempit.
- Prosedur dan arahan pekerja yang menggalakkan pekerja untuk meningkatkan keprihatinan keselamatan ada dilaksanakan/sedia ada (contohnya sistem insentif,).
- Dokumentasi prosedur termasuk cara program dinilai, dilaksanakan dan diterangkan kepada pekerja

Pengedaran:

- Keutamaan: Risiko yang akan menyebabkannya kerugian kemudahan, nyawa atau anggota badan
- Besar:
 - Satu atau lebih hazard keselamatan pekerjaan tidak mempunyai beberapa langkah kawalan untuk mengehadkan pendedahan pekerja
 - Pihak Diaudit tidak mematuhi kawalan tempatan/syarikat yang diperlukan.
- Kecil: Kawalan untuk mengehadkan pendedahan pekerja kepada hazard keselamatan pekerjaan sudah sedia ada tetapi tidak dipantau secara kerap
- Tidak Berkenaan: Tidak Berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

B1.3 Peralatan Perlindungan Peribadi (PPE) yang sesuai adalah selaras dan digunakan dengan betul apabila diperlukan bagi mengawal hazard keselamatan dan pendedahan pekerja

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
- Perhatikan pekerja di kawasan atau yang melaksanakan tugas dengan keperluan PPE.
 - Keperluan PPE perlu diterangkan kepada kakitangan melalui papan tanda yang disediakan dan dipakai oleh semua orang yang terlibat sama ada mereka melaksanakan tugas itu atau berada di kawasan yang memerlukan PPE.
 - Pekerja menjalankan tugas yang memerlukan PPE, perlu berbuat demikian mengikut keperluan prosedur PPE.
- PPE perlu ditanda dan dipakai dengan betul oleh semua yang bekerja atau berada di kawasan ini untuk jangka masa yang lama (lebih lama daripada nilai had pendedahan).
- Semakan dokumen:
 - Jika penggunaan PPE diperlukan, Pihak Diaudit mempunyai proses bagi memastikan ia digunakan. Unsur program boleh termasuk:
 - tanda dan label
 - penguatkuasaan yang kerap oleh penyelia
 - pemeriksaan kawasan kerja
 - Permintaan PPE dan prosedur pembaharuan.
 - Proses dibangunkan dan dilaksanakan untuk menilai hazard keselamatan pekerja dan menentukan PPE yang sesuai untuk tugas yang khusus dan/atau kawasan kemudahan.
 - Hazard seperti bunyi bising, penggunaan bahan kimia, penggunaan peralatan berat, kedudukan janggal, bekerja di tempat tinggi, bahaya di atas kepala, dan sebagainya perlu dinilai semuanya.
 - Keperluan minimum PPE untuk memasuki atau bekerja di mana-mana kawasan pengeluaran dengan tangki bahan kimia yang terbuka permukaannya adalah topeng atau alat pernafasan, kasut keselamatan, baju lengan panjang, sarung tangan kalis kimia, dan pelindung muka penuh (jika pelindung muka penuh tiada, sekurang-kurangnya gogal keselamatan diperlukan).

Pengedaran:

- Keutamaan:
 - PPE tidak dipakai dan ada risiko segera pada pekerja
- Besar:
 - PPE tidak dipakai
 - PPE tidak dipakai dengan betul di tempat yang diperlukan atau semasa melaksanakan tugas yang memerlukan PPE
- Kecil: PPE dipakai di kawasan yang diperlukan, tetapi tiada program pemeriksaan untuk penggunaan PPE yang selamat/sah
- Tidak Berkenaan: Tiada PPE diperlukan.

Pengesahan jauh: Tidak

B2) Kebersediaan Kecemasan

Situasi dan kejadian potensi kecemasan perlu dikenal pasti dan dinilai, dan impaknya diminimumkan dengan melaksanakan pelan kecemasan dan prosedur tindakan termasuk: pelaporan kecemasan, prosedur pemberitahuan dan pemindahan pekerja, latihan dan latihan kecemasan pekerja, peralatan pengesanan dan pemadam kebakaran yang sesuai, kemudahan untuk keluar dan rancangan pemulihan yang mencukupi. Pelan dan prosedur itu perlu memberi tumpuan kepada mengurangkan kemudaratan kepada nyawa, alam sekitar dan harta.

B2.1 Semua permit yang diperlukan, lesen dan laporan pemeriksaan/ujian untuk peralatan tindakan keselamatan kebakaran (termasuk peralatan pencegahan kebakaran) dan ketersediaan kecemasan sudah sedia ada dan proses dilaksanakan bagi memastikan permit dan lesen adalah dikemas kini pada setiap masa

Keperluan minimum:

- **Pemerhatian tapak:** Jika peraturan kebakaran/kecemasan tempatan dan/atau prosedur syarikat memerlukan penyiaran nombor kecemasan/prosedur, ini perlu disahkan melalui pemerhatian tapak.
- **Semakan dokumen:**
 - Semua permit keselamatan kebakaran dan ketersediaan kecemasan yang diperlukan oleh undang-undang sudah sedia ada, dan boleh didapati untuk semakan dan sah.
 - Semua lesen ketersediaan kecemasan sudah sedia ada, dan boleh didapati untuk semakan dan sah.
 - Laporan ujian persediaan kecemasan dan pemeriksaan keselamatan kebakaran sudah sedia ada, dan boleh didapati untuk semakan dan memenuhi syarat-syarat permit, lesen atau keperluan undang-undang/pelanggan. Ujian dilakukan pada kekerapan yang dinyatakan dalam permit, lesen atau oleh pelanggan dan tidak melebihi tempoh dua tahun.
 - Proses yang didokumenkan sudah sedia ada bagi memastikan permit diperbaharui sebelum permit semasa tamat tempoh, seperti kalendar pematuhan, sistem e-mel/kalendar untuk menetapkan tugas dan peringatan, dan/atau sistem pengurusan kerja untuk input dan mengesan aktiviti penyelenggaraan pencegahan. Penjejakan permit didokumenkan

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tidak Berkenaan
- **Besar:** Permit, lesen yang diperlukan undang-undang atau laporan ujian hilang DAN untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang dikehendaki
- **Kecil:** Permit, lesen atau laporan ujian yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada tetapi tiada proses yang boleh diguna pakai untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang dikehendaki
- **Tidak Berkenaan:** Permit atau lesen tidak diperlukan. Tiada laporan ujian diperlukan.

Pengesanan jauh: Ya

B2.2 Pengesanan kebakaran, penggera dan sistem pencegahan yang lengkap dan berkesan sudah sedia ada.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Pihak Diaudit mempunyai:
 - perenjis kebakaran automatik (jika diperlukan oleh undang-undang atau syarikat insurans);
 - alat pemadam api mudah alih;
 - pengesanan haba dan asap; dan
 - sistem penggera dan pemberitahuan.
 - Sistem kawalan penggera kebakaran adalah bebas isyarat masalah/penyeliaan (isyarat masalah/penyeliaan biasanya ditunjukkan oleh lampu LED oren).
 - Tempat panggil atau stesen tarik penggera kebakaran manual disediakan di pintu keluar atau sepanjang laluan keluar.
 - Biasanya injap kawalan pemercik terbuka dikunci dalam kedudukan yang terbuka sepenuhnya. Pam bomba ditetapkan untuk berfungsi secara automatik. Saluran yang besar atau objek tidak menghalang kepala pemercik. Alat pemadam api berada dalam lokasi yang ditetapkan, diisi sepenuhnya dan bebas daripada tanda-tanda diganggu dan mempunyai bukti (tanda) yang menunjukkan ia sudah diperiksa.
 - Bahan pencegahan kebakaran yang mengandungi asbestos—contohnya, selimut—adalah dilarang.
- Semakan dokumen:
 - Perenjis kebakaran automatik (jika diperlukan oleh undang-undang atau syarikat insurans), alat pemadam api mudah alih, pengesanan haba dan asap dan sistem penggera dan pemberitahuan diperiksa, diuji dan diselenggarakan secara berkala agar berkeadaan baik untuk beroperasi, seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, syarikat insurans, pelanggan atau amalan biasa.
 - Kekurangan pemeriksaan tidak boleh kurang daripada secara bulanan.
 - Kekurangan ujian dan penyelenggaraan tidak boleh kurang daripada yang diperlukan/disyorkan oleh pengeluar, kod tempatan atau syarikat insurans yang mana lebih yang lebih ketat.
 - Prosedur pemeriksaan, pengujian dan penyelenggaraan, kekerapan dan keputusan didokumenkan.

Nota: Jika pemeriksaan insurans sudah dilakukan dalam tempoh 12 bulan lalu, minta untuk melihat salinannya. Sebarang isu/kebimbangan yang dinyatakan dalam laporan pemeriksaan insurans sudah ditangani, atau berada di landasan yang betul.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Tiada peralatan memadam kebakaran atau apa yang ada, tidak berfungsi sama sekali
 - Tiada sistem pengesanan automatik
 - Tiada sistem penggera dan pemberitahuan sedia ada
 - Peralatan memadam kebakaran DAN sistem pengesanan automatik DAN sistem penggera atau pemberitahuan sudah sedia ada tetapi >10% tidak berfungsi
 -
- Besar:

- Peralatan memadam kebakaran DAN sistem pengesanan automatik DAN sistem penggera atau pemberitahuan sudah sedia ada tetapi tidak diperiksa, diuji dan diselenggarakan secara berkala (sekurang-kurangnya secara bulanan)
- Peralatan memadam kebakaran DAN sistem pengesanan automatik DAN sistem penggera atau pemberitahuan sudah sedia ada tetapi >10% tidak berfungsi
- Kecil: Sistem sudah sedia ada dan prosedur pemeriksaan, ujian dan penyelenggaraan didokumenkan dan dilaksanakan tetapi keputusan tidak direkodkan
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Nota: ia mungkin mengambil masa lebih lama daripada 30 hari untuk membetulkan Ketidakpatuhan Utama ini

Pengesahan jauh: Tidak

B2.3 Semua potensi kecemasan yang boleh menjejaskan tapak dikenal pasti dan dinilai, dan kebersediaan kecemasan dan program tindakan yang mencukupi dan berkesan (pelan/prosedur) diwujudkan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Papan tanda yang mencukupi dan berkesan dicerap dengan nombor kecemasan, pasukan kecemasan dan plot kecemasan, pemindahan, dan pelan tindakan.
 - Tempat berkumpul diwujudkan di lokasi yang selamat bagi membolehkan kebertanggungjawaban pekerja semasa kecemasan. Tempat berkumpul sama ada di dalam bangunan (perlindungan puting beliung/cuaca melampau) dan di luar bangunan (kebakaran, pelepasan bahan kimia)
 - Kit tindakan kecemasan mudah dicari dan diakses berhampiran tempat himpunan.
- Semakan dokumen:
 - Keputusan penilaian risiko kemudahan dan program tindakan bertujuan untuk menangani risiko yang dikenal pasti sedia ada untuk semakan dan sesuai.
 - Program untuk menangani risiko yang dikenal pasti didokumenkan dan dikemas kini apabila berlaku perubahan dalam Pihak Diaudit (orang, tempat, keadaan) atau sekurang-kurangnya setiap dua tahun. Program kecemasan mesti termasuk sekurang-kurangnya:
 - kebakaran
 - tumpahan kimia (jika bahan kimia digunakan)
 - gempa bumi (jika dalam zon gempa bumi)
 - ancaman bom
 - keganasan tempat kerja
 - mogok
 - cuaca buruk (hujan, banjir, taufan, fros, salji,...).
 - Laporan kecemasan dan prosedur tindakan (termasuk pemberitahuan di luar perkhidmatan kecemasan) sudah sedia ada dan dikemas kini.
 - Prosedur kesinambungan dan menyambung semula perniagaan sudah sedia ada dan mencukupi.

- Pekerja dilatih berkenaan kandungan pelan tindakan kecemasan dan jenis kecemasan yang mungkin berlaku di lokasi kerja mereka. Pengungsian dan tempat berkumpul diterangkan kepada semua kakitangan dan pelawat.
- Pihak Diaudit perlu mempunyai pelan pasca kecemasan serta siasatan tentang punca bagi sebarang kecemasan; rekod perlu disimpan dengan keputusan dan prosedur dikemas kini bagi menggambarkan dapatan punca dan cadangan untuk pencegahan.
- Tindakan kecemasan, pelan kesinambungan perniagaan dan penyambungan semula perniagaan akan memfokus kepada mengurangkan bahaya kepada nyawa, alam sekitar dan harta. Penilaian risiko perlu termasuk perubahan dalam kemudahan jiran (contohnya kilang yang berhazard tinggi sedang dibina di kawasan yang boleh melepaskan bahan kimia, risiko letupan, ...).

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tiada penilaian risiko DAN tiada pelan tindakan kecemasan yang ditetapkan
- **Besar:**
 - Tiada pelan penerusan dan penyambungan perniagaan dan pelan yang ditetapkan
 - Pelan tindakan kecemasan sudah sedia ada tetapi tidak meliputi semua keperluan minimum atau item hilang yang dikenal pasti dalam penilaian risiko
 - Pelan kecemasan tidak dikemas kini apabila perubahan berlaku atau sekurang-kurangnya setiap dua tahun.
 - Risiko kebakaran dikenal pasti tetapi tidak ditangani (contoh: pendawaian yang tidak betul, pengendalian bahan mudah terbakar, ...)
 - Pekerja tidak mengetahui prosedur kecemasan
 - Kurang prosedur bagi pemberitahuan berkenaan perkhidmatan kecemasan luar
- **Kecil:** Penilaian risiko dan pelan tindakan kecemasan dikemas kini tetapi tiada prosedur pelaporan
- **Tidak Berkenaan:** Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

B2.4 Akses keluar kecemasan efektif, pintu keluar dan pelepasan keluar cukup jumlah dan lokasi, mudah diakses dan diselenggara dengan baik

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
- Akses keluar, jalan keluar dan pelepasan keluar
 - Jumlah jalan keluar dan/atau pintu keluar yang cukup di semua kawasan
 - Beberapa cara jalan keluar atau pintu keluar dari satu kawasan terpisah antara satu sama lain oleh jarak dan akses keluar
 - Pintu keluar dan laluan keluar ke pelepasan keluar tidak terhalang
 - Pelepasan keluar ke tempat terbuka/tempat letak kereta, TIDAK keluar ke kawasan tertutup/berpagar/dikunci
 - Pintu keluar dan jalan keluar bebas daripada simpanan bahan; dan kepungan tidak digunakan untuk tujuan lain selain jalan keluar
 - Semua jalan keluar dibuka ke luar, tanpa menggunakan kunci, lencana, kod, pengetahuan istimewa, atau usaha dan, jika perlu melalui kod (berdasarkan penghunian dan kandungan hazad), menyenaraikan pekakasan panik yang dipasang.
 - Pintu pelepasan keluar perlu menyenaraikan perkakasan panik yang dipasang.
Situasi ketidakpatuhan untuk jalan keluar atau pintu pelepasan keluar:
 - Berbilang langkah untuk membuka pintu
 - Sebarang perkara yang memerlukan pegangan yang kuat
 - Pintu roling
- Tanda keluar:
 - Tanda keluar disediakan untuk menandakan pintu keluar di setiap aras
 - Tanda keluar bercahaya dan/atau menyala jika berlaku kegagalan kuasa
 - Tanda keluar dan/atau arahan tambahan disediakan di laluan/lorong utama, koridor panjang dan lokasi lain di mana laluan ke pintu keluar terdekat tidak jelas.
- Pencahayaan kecemasan
 - Pencahayaan kecemasan disediakan dan dipasang untuk menerangi jalan keluar jika berlaku kegagalan kuasa.
 - Pencahayaan perlu memberikan pencahayaan yang cukup dan berfungsi di tangga, lorong, koridor, tanjakan dan laluan ke pintu keluar, dan kawasan lain seperti yang ditetapkan oleh undang-undang berkenaan.
 - Penjana bateri atau sandaran akan menyediakan kuasa untuk pencahayaan kecemasan.
 - Integriti kepungan keluar diselenggara
- Pemisahan:
 - Penembusan adalah terhad kepada paip pemercik, paip tegak, dan servis elektrik, pemasangan paip dan salur untuk kegunaan kepungan
 - bukaan kepungan dilindungi oleh pintu rintangan api
 - pintu rintangan api mesti dalam keadaan baik, boleh ditutup sendiri atau secara automatik (jika penggera kebakaran berbunyi atau asap dikesan)

Nota: Juruaudit mesti mengikut sekurang-kurangnya tiga laluan secara rawak untuk keluar dari bangunan ke tempat berkumpul.

- Semakan dokumen:
 - Rekod pemeriksaan bagi kemudahan sokongan kecemasan (pencahayaan kecemasan, tanda keluar kecemasan, laluan pengungsian, pemadam api mudah alih, kepungan keluar,...) diselenggara dan menunjukkan yang ia diperiksa menurut keperluan undang-undang tempatan, keperluan insurans, atau amalan tempatan, yang mana lebih ketat.
 - Latihan prosedur kebakaran dibincangkan dan ruang untuk penambahbaikan/keperluan untuk perubahan didokumenkan dan dipantau sehingga akhir.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Tiada kemudahan sokongan kecemasan disediakan atau berada dalam keadaan operasi yang baik di seluruh kemudahan Pihak Diaudit
 - 2 atau lebih pintu keluar kecemasan dihalang atau sukar dibuka atau suka untuk keluar seperti dijelaskan dalam Keperluan Minimum (contohnya tiada perkakasan panik satu langkah atau bar penolak pada pelepasan keluar)
- Besar:
 - 1 pintu kecemasan dihalang atau sukar untuk keluar daripadanya seperti dijelaskan dalam Keperluan Minimum (contohnya tiada perkakasan panik pada pelepasan keluar)..
 - Kemudahan sokongan kecemasan secara umumnya boleh berfungsi dengan sekurang-kurangnya 1 pengecualian.
 - Kemudahan sokongan kecemasan tidak diperiksa mengikut keperluan undang-undang tempatan.
- Kecil:
 - Semua kemudahan sokongan kecemasan adalah sesuai, dalam keadaan baik dan diperiksa
 - Rekod pemeriksaan tidak diselenggara atau tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya kecuali Keutamaan

B2.5 Latihan situasi kebakaran dan kecemasan lain yang dikenal pasti dan pengungsian yang cukup dan berkesan dijalankan dengan semua pekerja, dan rekodnya disimpan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Program latihan pengungsian kecemasan yang cukup dan berkesan untuk semua pekerja di setiap kawasan Pihak Diaudit (termasuk asrama, kafeteria, gudang, juga termasuk kawasan pejabat, ruang pengeluaran, makmal penyelidikan dan pembangunan, kawasan penghantaran/penerimaan dan gudang) dan untuk semua syif kerja (termasuk syif malam) Nota: Latihan pengungsian kebakaran untuk semua kawasan tidak perlu dilakukan serentak dan boleh secara berperingkat.
 - Kekerapan:
 - sekurang-kurangnya satu latihan tahunan (atau lebih jika keperluan undang-undang menyatakan demikian) sudah sedia ada dan dilaksanakan.
 - Jika pusing ganti pekerja lebih daripada 20 peratus sejak latihan terakhir, latihan baru diperlukan.
 - Latihan situasi kecemasan lain dapat dilakukan disebabkan kebarangkalian berlaku (iaitu cuaca buruk, banjir, gempa bumi dsb.)
 - Semua latihan perlu didokumenkan, dengan pengajaran yang didapati dan pelan tindakan pembetulan untuk memperbaiki situasi pengungsian kecemasan.
 - Pelan tindakan pembetulan sudah dilaksanakan atau sedang diusahakan
 - Rekod untuk sekurang-kurangnya 3 tahun, termasuk CAP dan statusnya sedia ada untuk semakan dan pemeriksaan mengejut bagi memastikan pembetulan sedang dibuat dan dilaksanakan

Pengadaran:

- Keutamaan: Tiada latihan pengungsian kecemasan yang diadakan sejak 2 tahun lepas atau lebih
- Besar:
 - Tiada latihan pengungsian kecemasan yang diadakan sejak setahun lepas atau latihan diadakan tetapi bukan untuk semua kawasan dan semua syif.
 - Latihan diadakan untuk semua kawasan dan semua syif, namun tiada tindakan pembetulan ditentukan atau didokumenkan
- Kecil: Tindakan pembetulan daripada latihan terakhir tidak dilaksanakan dengan betul atau tidak dipantau
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

B2.6 Kakitangan tindakan kecemasan yang ditentukan diberi PPE yang sesuai dan berkesan serta latihan secara tahunan

Di bawah peruntukan ini, kemudahan dijangkakan mempunyai pasukan tindakan kecemasan (ERT) yang ditetapkan, dan pasukan ini akan mempunyai PPE yang sesuai untuk tugas tindakan kecemasan mereka seperti yang dinyatakan dalam A2.3 (Pelan tindakan kecemasan, penerusan perniagaan dan penyambungan perniagaan)

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - PPE tindakan kecemasan sedia ada, sesuai dan dalam keadaan baik.
 - PPE tindakan kecemasan ditandakan dengan jelas, mudah dilihat dan dicapai.
 - Lencana, pakaian/topi keselamatan berwarna berbeza, dan tanda pejabat/kubikel boleh mengenal pasti pasukan tindakan kecemasan.
 - Semakan dokumen:
 - Kelayakan, latihan, minit mesyuarat, prosedur untuk memaklumkan pasukan respons, senarai hubungan bagi pasukan respons kecemasan, ... sudah sedia ada.
 - Pekerja yang terlibat dengan kawalan, pembersihan dan pembuangan bahan berhazard atau prosedur tindakan kecemasan lain (contoh: memadam kebakaran), menerima latihan kerap berkenaan pelan dan tindakan tindakan kecemasan, tanggungjawab mereka dan peralatan yang diperlukan untuk menjalankan tugas mereka.
 - Pasukan tindakan kecemasan mesti menerima latihan mengenai: langkah berjaga-jaga hazard kimia, pembendungan dan pembersihan tumpahan, hazard kebakaran dan respons, cara menangani dan pembuangan bahan kimia dan bahan serap tercemar dengan betul, pemilihan dan penggunaan peralatan perlindungan, dan maklumat lain seperti yang dinyatakan oleh peraturan tempatan.
 - Pasukan tindakan kecemasan dilatih secara tahunan.
 - Latihan bergantung kepada tanggungjawab semasa kecemasan.
 - Bahan latihan dan rekod latihan sedia ada untuk semakan dan dikemas kini.
 - Pihak Diaudit perlu mengaturkan dan menugaskan pekerja terlatih untuk membentuk satu pasukan tindakan kecemasan (ERT) di setiap kemudahan yang siap sedia semasa setiap syif bekerja.
 - ERT bertanggungjawab dan mempunyai kuasa untuk mengarahkan respons Pihak Diaudit kepada kecemasan untuk memastikan perlindungan kesihatan dan keselamatan pekerja, alam sekitar dan harta benda. Prosedur juga mesti mempunyai program pasca pemulihan yang merangkumi perkara berikut:
 - Pihak Diaudit akan menyiasat atau menyokong penyiasatan oleh pihak berkuasa yang sewajarnya, berkenaan punca sebarang kecemasan yang disebabkan kesilapan manusia, pincang tugas peralatan atau penyebab lain
 - rekod penyiasatan untuk menentukan punca situasi kecemasan mesti disimpan
 - pekerja perlu dimaklumkan tentang cara mengelakkan insiden serupa pada masa hadapan.

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - PPE untuk ERT tidak sedia ada
 - PPE dalam keadaan tidak baik / tidak berfungsi, tidak cukup, tidak mudah dilihat atau sukar diakses
 - Tiada ERT disediakan
- Besar: Tiada latihan tahunan ERT atau latihan tidak lengkap
- Kecil: Rekod latihan tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

B3) Kecederaan dan Penyakit Berkaitan Pekerjaan

Prosedur dan sistem perlu disediakan untuk mengelakkan, mengurus, menjejaki dan melaporkan kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan termasuk peruntukan untuk: a) menggalakkan pelaporan oleh pekerja; b) mengklasifikasikan dan merekod kes kecederaan dan penyakit; c) memberikan rawatan perubatan yang diperlukan; d) menyasat kes dan melaksanakan tindakan pembedahan untuk menyingkirkan penyebabnya; dan e) membantu pekerja untuk kembali bekerja.

B3.1 Semua permit, program, lesen dan laporan ujian yang diperlukan untuk kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan sudah sedia ada dan satu proses dilaksanakan untuk memastikan permit dan lesen sentiasa dalam keadaan dikemas kini

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Memastikan penyiaran maklumat yang diperlukan adalah terkini dan ada di tempat umum.
 - Beberapa papan tanda dan maklumat mungkin perlu disiarkan di lokasi umum/rehat/kafeteria pekerja.
- Semakan dokumen:
 - Permit: Semua permit yang diperlukan oleh undang-undang untuk kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan disediakan, boleh disemak dan sah.
 - Lesen: Semua lesen keselamatan pekerjaan dan/atau lesen perubatan disediakan dan boleh disemak. Contohnya termasuk:
 - log kecederaan
 - perlindungan pernafasan
 - program pemuliharaan pendengaran
 - notis ketersediaan rekod perubatan
 - lesen profesional kesihatan pekerjaan
 - Laporan Ujian: Laporan ujian kecederaan dan penyakit berkaitan pekerjaan disediakan, boleh disemak dan memenuhi syarat keperluan permit, lesen atau undang-undang dan pelanggan. Ujian dijalankan dengan kekerapan yang dinyatakan dalam permit, lesen atau oleh pelanggan dan tidak melebihi tempoh dua tahun.
 - Proses dokumen sudah sedia ada untuk memastikan permit diperbaharui sebelum permit semasa tamat tempoh. Penjejakan permit didokumentasikan

seperti kalendar kepatuhan, sistem pesanan kerja, sistem e-mel/kalendar berasaskan komputer.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Permit, program, lesen atau laporan ujian yang diperlukan oleh undang-undang hilang DAN tiada proses untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang diperlukan
- Kecil: Permit, program, lesen atau laporan ujian yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada tetapi tiada proses untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang diperlukan
- Tidak Berkenaan: Tiada permit, program, lesen atau laporan ujian diperlukan. Tiada laporan ujian diperlukan.

Pengesahan jauh: Ya

B3.2 Penyiasatan untuk menentukan penyebab utama dan melaksanakan tindakan pembetulan/pencegahan untuk kecederaan/penyakit berkaitan pekerjaan dalam tempoh tiga tahun lepas sudah dijalankan dan didokumenkan, dimaklumkan kepada pekerja yang terlibat, dan dijejaki sehingga ia ditutup.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Semua kemalangan yang dapat dilaporkan dan tidak dapat dilaporkan dijejak; didokumenkan dan disiasat untuk meminimumkan potensi berulang pada masa hadapan.
 - Statistik kecederaan dan penyakit untuk tempoh 3 tahun sebelumnya sudah sedia ada.
 - Menyemak semula jumlah dan jenis kejadian pertolongan cemas, jumlah dan jenis kecederaan yang lebih teruk daripada pertolongan cemas, dan sebarang kematian.
 - Analisis trend statistik dilakukan secara berkala, sekurang-kurangnya sekali setahun dan tindakan pembetulan diambil, dijejak dan dilaksanakan.
 - Satu sistem untuk pekerja melaporkan insiden dan hampir berlaku insiden kesihatan dan keselamatan, serta satu sistem untuk menyiasat, menjejaki dan menangani laporan itu.
 - Laporan penyiasatan kemalangan, termasuk mana-mana yang menghasilkan tindakan pembetulan dan pengesahan yang tindakan pembetulan dilaksanakan.
 - Tindakan pembetulan yang menghasilkan proses, peralatan, kemudahan dsb. yang baru sudah dimaklumkan kepada pekerja yang berkenaan, dan latihan yang diperlukan sudah dijalankan dan didokumenkan.
 - Masukkan dalam sistem pengawasan: dokumentasi termasuk pra kerja, semasa kerja, pasca kerja, dan rekod pengawasan perubatan pasca kecemasan sudah sedia ada dan memenuhi keperluan menurut undang-undang tempatan.
 - Jika pekerja mempunyai hasil pengawasan perubatan yang abnormal atau tercedera di kemudahan Pihak Diaudit:
 - Pekerja perlu dipindahkan daripada kerja semasa dengan serta-merta dan ditawarkan kedudukan lain di kemudahan.
 - Pihak Diaudit dilarang memberhentikan kontrak kerja dengan pekerja disebabkan hasil pengawasan perubatan.
 - Pihak Diaudit perlu menyediakan rawatan perubatan bagi pekerja.
 - Pihak Diaudit perlu menyediakan pemeriksaan semula bagi pekerja.
 - Pihak Diaudit perlu membayar kos rawatan perubatan, pemeriksaan semula dan pemulihan untuk pekerja.
 - Pihak Diaudit perlu melaksanakan tindakan pembetulan untuk mengurangkan risiko.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar:
 - Tiada kemalangan, kecederaan dan penyakit dijejak atau rekod tidak lengkap untuk tempoh 2 tahun lepas.

- Kemalangan dijejak tetapi tiada analisis, penyiasatan atau tindakan pembetulan diambil.
- Kecil:
 - Kemalangan, kecederaan dan penyakit dijejak, dianalisis dan dicegah tetapi tiada prosedur formal
 - Tindakan pembetulan tidak mengikut perancangan
- Tidak Berkenaan: Tiada kecederaan, kemalangan atau penyakit dalam tempoh 3 tahun lepas.

Nota: dapatan latihan mesti dilaporkan dalam B8

Pengesahan jauh: Ya

B3.3 Proses pertolongan cemas yang berkesan dan jumlah pegerak balas pertama terlatih yang mencukupi sedia ada untuk menyediakan rawatan perubatan awal untuk pekerja yang cedera atau sakit sudah disediakan

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Pegerak balas Pertolongan Cemas mudah dikenal pasti dengan lencana, pakaian berwarna, tanda kawasan pejabat/kerja
 - Jika berkenaan, klinik perubatan pekerjaan dengan jumlah staf dan bekalan yang mencukupi untuk menangani kecederaan
 - Jika klinik perubatan tidak dibuka atau dioperasikan 24 jam sehari, sumber alternatif seperti perkhidmatan perubatan luar dimaklumkan kepada pekerja.
- Semakan dokumen:
 - Prosedur respons yang didokumenkan sedia ada, menunjukkan keterukan kecemasan perubatan dan respons (pertolongan cemas, bilik sakit, hospital luar tempatan).
 - Profesional kesihatan pekerjaan atau pegerak balas pertama dilatih oleh agensi luaran dan sijil sah sedia ada untuk disemak.
 - Jika jururawat atau doktor digaji atau khidmat doktor/jururawat digunakan, satu salinan sijil/lesen mereka sudah sedia ada dan dikemas kini.
 - Bilik sakit atau klinik di kemudahan:
 - Log operasi klinik perubatan pekerjaan kecemasan di tapak sudah sedia ada dan dikemas kini (akses mungkin terhad disebabkan undang-undang privasi).
 - Persijilan, permit, pemeriksaan, dan kelulusan kerajaan bagi kemudahan rawatan di tapak sudah sedia ada dan dikemas kini, seperti yang dinyatakan oleh undang-undang.
 - Prosedur dan bekalan yang didokumenkan bagi klinik perubatan pekerjaan di tapak sudah sedia ada dan mencukupi.

- Jika tiada penjagaan profesional di tapak, kemudahan mempunyai satu pasukan pegerak balas pertama yang terlatih. Pekerja yang cedera akan dihantar ke kemudahan perubatan di luar untuk rawatan lanjut.
- Bahan latihan dan rekod untuk pekerja dan penggerak balas pertama yang berkenaan sudah sedia ada, mencukupi dan dikemas kini.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tiada kakitangan atau prosedur kecemasan perubatan
- Besar:
 - Pertolongan cemas, klinik perubatan pekerjaan atau prosedur respons pertama adalah tidak mencukupi
 - Klinik perubatan pekerjaan mempunyai bekalan, staf atau akses yang tidak mencukupi
 - Lebih daripada 10 peratus pekerja tidak dilatih dalam pelaporan kecederaan/penyakit, dan kewujudan pegerak balas pertama perubatan dan/atau klinik perubatan pekerjaan.
- Kecil:
 - Latihan tentang respons kepada kecederaan/penyakit disediakan tetapi lebih daripada 10 peratus pekerja tidak dilatih dalam pelaporan kecederaan/penyakit, dan kewujudan pegerak balas pertama perubatan dan/atau klinik perubatan pekerjaan.
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Nota: Dapatan berkaitan latihan mesti dilaporkan dalam B8

Pengesahan jauh: Ya

B3.4 Kit pertolongan cemas yang mencukupi bagi memberikan rawatan perubatan kepada pekerja yang cedera atau sakit disediakan untuk pekerja di kawasan yang ditetapkan. Kit mempunyai bekalan yang mencukupi dan diperiksa setiap bulan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
- Kotak pertolongan cemas yang sesuai dengan bekalan mencukupi diletakkan/dikhaskan sudah sedia ada di lokasi yang ditetapkan.
 - Kotak pertolongan cemas tidak dikunci atau jika dikunci, penggerak balas pertama sentiasa mempunyai kuncinya.
- Semakan dokumen:
 - Kit pertolongan cemas mempunyai senarai inventori dan prosedur untuk pemeriksaan kit pertolongan cemas (sekurang-kurangnya sekali sebulan) dan proses untuk mengisi semula sudah sedia ada.
 - Dokumen penjejakan pemeriksaan sedia ada dan dikemas kini.
 - Satu penentuan sekiranya SEMUA pekerja atau hanya pegerak balas pertama yang boleh mengakses kit pertolongan cemas. Penentuan ini perlu dimaklumkan kepada semua pekerja.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak berkenaan
- Besar:
 - Kit pertolongan cemas tidak mencukupi atau dikunci
 - Tiada proses untuk mengakses kit Pertolongan Cemas yang dinyatakan, setiap masa sepanjang operasi
- Kecil:
 - Kit pertolongan cemas mencukupi dan diisi dengan cukup, tetapi tiada senarai kandungan
 - Tiada rekod penjejakan pemeriksaan kit Pertolongan Cemas
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

B4) Kebersihan Industri

Pendedahan pekerja pada agen bahan kimia, biologi dan fizikal perlu dikenal pasti, dinilai dan dikawal. Kawalan kejuruteraan atau pentadbiran mesti digunakan bagi mengawal dedahan berlebihan. Apabila hazard tidak dapat dikawal secukupnya dengan cara itu, kesihatan pekerja perlu dilindungi dengan program peralatan pelindung peribadi yang sesuai.

B4.1 Semua permit, program, lesen dan laporan ujian yang diperlukan untuk kemungkinan pendedahan kebersihan Industri sudah sedia ada dan proses khusus dilaksanakan untuk memastikan permit dan lesen sentiasa dikemas kini pada setiap masa

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Semua permit kebersihan industri yang diperlukan oleh undang-undang disediakan, boleh disemak dan sah.
 - Metodologi penilaian dibangunkan dan dilaksanakan untuk menilai potensi risiko kesihatan pekerja pada agen bahan kimia, biologi atau fizikal di tapak.
 - Laporan ujian kebersihan industri disediakan, boleh disemak dan memenuhi syarat keperluan permit, lesen atau undang-undang dan pelanggan.
 - Penilaian risiko kesihatan dengan pensampelan dan ujian kebersihan industri yang berkaitan, dilengkapkan apabila agen bahan kimia, biologi atau fizikal baru dibawa masuk ke persekitaran kerja, atau apabila proses sedia ada diubah yang mungkin mencetus risiko kesihatan pekerja.
 - Ujian dilakukan pada kekerapan yang dinyatakan dalam permit, lesen atau oleh pelanggan dan tidak melebihi tempoh dua tahun.
 - Proses dokumen sudah sedia ada untuk memastikan permit diperbaharui sebelum permit semasa tamat tempoh. Penjejakan permit didokumentasikan seperti kalendar kepatuhan, sistem pesanan kerja, sistem e-mel/kalendar berasaskan komputer.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tiada proses penilaian risiko kesihatan yang dilaksanakan.
- Besar: Permit, program, lesen atau laporan ujian yang diperlukan oleh undang-undang hilang DAN tiada proses untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang diperlukan.
- Kecil: Permit, lesen atau laporan ujian yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada tetapi tiada proses untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang diperlukan.
- Tidak Berkenaan: Permit atau lesen tidak diperlukan. Tiada laporan ujian diperlukan.

Pengesahan jauh: Ya

B4.2 Kawalan yang sesuai bagi pendedahan pekerja pada agen bahan kimia, biologi dan fizikal dilaksanakan

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
- Kawalan untuk mengurangkan atau menghapuskan pendedahan pekerja pada agen bahan kimia, biologi dan fizikal sudah sedia ada dan berkesan:
 - Kawalan kejuruteraan (contoh: pengudaraan ekzos, kepungan,...) direka bentuk untuk mengurangkan pendedahan pekerja pada agen bahan kimia, biologi dan fizikal
 - Kawalan pentadbiran (mengehadkan masa pendedahan pekerja; pusingan kerja) direka bentuk untuk mengurangkan pendedahan pekerja, penandaan yang betul bagi semua agen bahan kimia, biologi dan fizikal.
- Semakan dokumen:
 - Program yang didokumenkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal pendedahan pekerja pada agen bahan kimia, biologi dan fizikal, termasuk program penilaian risiko dan perancangan tahunan sudah disediakan serta dikemas kini.
 - Rekod pensampelan kebersihan industri untuk tiga tahun lepas, termasuk sampel yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan sebagai sebahagian daripada pemeriksaan kawal selia, sedia untuk semakan.
 - Kekekapan pensampelan adalah maksimum satu tahun melainkan penilaian risiko kesihatan, perubahan dalam proses atau keperluan kawal selia memerlukan pensampelan yang lebih kerap.
 - Rekod pengawasan perubatan mesti sedia ada bagi penilaian pernafasan untuk menentukan jika pekerja berhadapan bahaya daripada pendedahan kepada agen, bagi menentukan kehilangan pendengaran atau sebarang kebimbangan perubatan lain berkenaan aktiviti kerja yang khusus.

Pengedaran:

- Keutamaan:
 - Tiada penilaian risiko atau langkah-langkah kawalan yang ditetapkan.
 - Potensi pendedahan adalah jelas
- Besar:
 - Potensi pendedahan sudah dikenal pasti dan program penilaian risiko kesihatan sudah disediakan tetapi kawalan tidak mencukupi.
 - Penilaian tidak dijalankan untuk menentukan keperluan bagi PPE.
- Kecil:
 - Potensi pendedahan dikawal dan diminimumkan DAN program pemantauan kebersihan industri adalah mencukupi tetapi dokumentasi dan rekod tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Pensampelan dan ujian menunjukkan yang tiada potensi risiko kesihatan pada pekerja (oleh itu dikecualikan daripada pemantauan).

Pengesahan jauh: Tidak

B5) Kerja Yang Mengerah Tenaga

Pendedahan pekerja kepada hazard tugas yang mengerah tenaga, termasuk pengendalian bahan secara manual dan tugas mengangkat yang berat dan berulang-ulang, berdiri untuk tempoh yang panjang dan tugas pemasangan berulang-ulang dan dengan kuat perlu dikenal pasti, dinilai dan dikawal.

B5.1 Pendedahan pekerja kepada hazard kerja yang mengerah tenaga sudah dikenal pasti, dinilai, dimaklumkan dan dikawal dengan berkesan

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
- Kawalan untuk mengurangkan atau menghapuskan kerja yang mengerah tenaga (contoh, mengangkat benda berat dan berulang, berdiri dengan lama,...) sudah disediakan dan berkesan:
 - Kawalan kejuruteraan (contoh, mesin penyusunan palet, meja pengangkat, platform kerja boleh ubah,...) direka bentuk untuk mengurangkan kerja mengerah tenaga
 - kawalan pentadbiran (mengehadkan masa pendedahan pekerja; pusingan kerja) direka bentuk untuk mengurangkan kerja mengerah tenaga.
- Semakan dokumen:
 - Program yang didokumenkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengawal kerja mengerah tenaga sudah ditetapkan dan dikemas kini.
 - Penilaian risiko:
 - Penilaian risiko mesti diselesaikan sekurang-kurangnya sekali setahun melainkan keperluan undang-undang menetapkan penilaian yang lebih kerap. Jika tiada perubahan kepada kemudahan dan tetapan kerja, penilaian semula tidak perlu dilakukan ("tiada perubahan" ini perlu didokumenkan).
 - Bagi kerja yang mengerah tenaga, rekod penilaian risiko bagi tiga tahun lepas sedia untuk semakan.
 - Semakan dan analisis trend sepanjang 3 tahun lepas berkenaan kecederaan yang berkaitan kerahan fizikal dalam tugas kerja.
 - Implementasi, urus dan pantau keberkesanan strategi kawalan ergonomik menggunakan:
 - Analisis berkala tugas ergonomik
 - Penunjuk prestasi utama yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, data kaji selidik ketidakselesaan pekerja, maklum balas pekerja/penyelia, kadar pusing ganti khusus kerja, dan kadar kecacatan khusus kerja.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tiada penilaian risiko atau langkah kawalan yang ditetapkan DAN kekerapan tinggi bagi kerja mengerah tenaga adalah jelas
- **Besar:** Kerja mengerah tenaga dikenal pasti dan program penilaian risiko kesihatan sudah disediakan tetapi kawalan tidak mencukupi
- **Kecil:** Kerja mengerah tenaga fizikal dikawal dan diminimumkan DAN program pemantauan kerja mengerah tenaga mencukupi tetapi dokumentasi tidak lengkap
- **Tidak Berkenaan:** Tiada kerja mengerah tenaga

Pengesahan jauh: Tidak

B6) Perlindungan Mesin

Mesin pengeluaran dan mesin yang lain perlu dinilai mengenai hazard keselamatan. Adang, saling kunci dan rintangan fizikal perlu disediakan dan diselenggara dengan betul di tempat terdapat mesin yang memberikan hazard kecederaan kepada pekerja.

B6.1 Semua permit, lesen dan laporan ujian yang diperlukan untuk mesin sudah disediakan dan satu proses dilaksanakan untuk memastikan permit dan lesen sentiasa dikemas kini

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Beberapa papan tanda dan maklumat mungkin perlu disiarkan di lokasi umum/rehat/kafeteria pekerja.
 - Memastikan pengeposan makluman yang diperlukan adalah semasa dan berada di tempat umum.
- Semakan dokumen:
 - Semua permit keselamatan mesin yang diperlukan oleh undang-undang sudah disediakan, boleh disemak dan sah.
 - Semua lesen keselamatan mesin disediakan dan boleh disemak.
 - Laporan ujian dan penilaian keselamatan mesin disediakan, boleh disemak dan memenuhi syarat keperluan permit, lesen atau undang-undang dan pelanggan.
 - Ujian dijalankan dengan kekerapan yang dinyatakan dalam permit, lesen atau oleh undang-undang dan tidak melebihi tempoh dua tahun.
 - Proses yang didokumenkan sudah sedia untuk memastikan permit diperbaharui sebelum permit semasa tamat tempoh seperti kalendar kepatuhan, sistem pesanan kerja dan sistem e-mel/kalendar berasaskan komputer. Penjejakan permit didokumenkan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Permit, lesen yang diperlukan undang-undang atau laporan ujian hilang DAN tiada proses disediakan untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti dikehendaki
- Kecil: Permit, lesen atau laporan ujian yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada tetapi tiada proses yang boleh diguna pakai untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang dikehendaki
- Tidak Berkenaan: Permit atau lesen tidak diperlukan. Tiada laporan ujian diperlukan.

Pengesahan jauh: Ya

B6.2 Program perlindungan keselamatan mesin yang mencukupi dan berkesan dilaksanakan, dan pekerja mengendalikan mesin dengan selamat

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Semua mesin mempunyai pelindung yang mencukupi, suis henti kecemasan dan operator yang mengendalikan mesin dengan selamat. Poin jepit, poin operasi, aci berputar, roda tenaga, pemacu rantai, pergerakan dipacu motor pada mesin, ... dilindungi daripada potensi pendedahan.

- Semakan dokumen:
 - Pihak Diaudit mendokumenkan prosedur bagi program melindungi mesin yang termasuk:
 - Program penilaian risiko mesin menyediakan kaedah untuk mengenal pasti keperluan perlindungan mesin (semakan hazard pra pembelian/pra pemasangan bagi semua mesin.)
 - Kaedah yang sesuai digunakan untuk memastikan perlindungan dipasang seperti yang diperlukan bagi mengawal hazard yang dikenal pasti,
 - Pemeriksaan dan penyelenggaraan mesin, perlindungan dan butang henti kecemasan dilakukan dengan kerap.
 - Pemeriksaan mesin dan perlindungan dan **rekod penyelenggaraan** pencegahan sedia ada, mencukupi dan dikemas kini. Pekerja dilatih mengenai keselamatan mesin dan penggunaan perlindungan dan butang hentian kecemasan.
 - Arahan kerja (jika penting atau diperlukan) sudah disediakan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja di mesin (atau dalam lingkungan yang sama). Dokumentasi pengoperasian mesin yang selamat dilakukan dan sudah sedia ada.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Pekerja mengendalikan mesin secara tidak selamat dengan risiko tinggi kepada nyawa atau bahagian tubuh
- **Besar:** Pekerja mengendalikan mesin secara tidak selamat tanpa risiko tinggi kepada nyawa atau bahagian tubuh, prosedur dibangunkan tetapi tidak mencukupi dan/atau bukan dalam bahasa yang difahami pekerja
- **Kecil:**
 - Pekerja mengendalikan mesin dengan selamat tetapi arahan kerja tidak lengkap
 - Program perlindungan mesin disediakan tetapi tidak lengkap
- **Tidak Berkenaan:** Tiada hazard mesin secara fizikal

Pengesahan jauh: Ya, jika kecil.

B7) Makanan, Sanitasi dan Tempat Tinggal

Para pekerja perlu diberikan akses sedia ke kemudahan tandas bersih, air boleh diminum dan penyediaan makanan, kemudahan penyimpanan dan tempat makan yang bersih. Asrama pekerja yang disediakan oleh Pihak Diaudit atau ejen buruh perlu diselenggara supaya bersih dan selamat, dan diberikan laluan keluar kecemasan yang sesuai, air panas untuk mandi, haba dan pengudaraan mencukupi dan ruang peribadi yang munasabah berserta dengan keistimewaan tempat masuk dan keluar yang munasabah.

B7.1 Semua lesen, permit, pendaftaran dan sijil kesihatan dan keselamatan yang diperlukan berkaitan makanan, sanitasi dan tempat tinggal disediakan dan mencukupi, dan proses yang berkesan ditetapkan untuk memastikan permit dan lesen sentiasa dikemas kini

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Permit: Semua permit yang diperlukan oleh undang-undang untuk makanan, sanitasi dan tempat tinggal disediakan, boleh disemak dan sah.
 - Apartmen yang disewa mesti diberi kebenaran oleh kerajaan tempatan.
 - Lesen: Semua lesen makanan, sanitasi dan tempat tinggal disediakan dan boleh disemak. Laporan ujian makanan, sanitasi dan tempat tinggal disediakan, boleh disemak dan memenuhi syarat keperluan permit, lesen atau undang-undang/pelanggan.
 - Sijil Kesihatan: Kantin/pekerja dapur mempunyai sijil kesihatan yang sah. Jika undang-undang tempatan menghendaki pemeriksaan kesihatan pada pekerja yang mengendalikan makanan atau ujian atau sijil lain, perkara ini sedia ada dan sah.
 - Ujian dan Laporan: Laporan ujian air minuman sudah sedia ada dan boleh disemak dan air minuman diuji secara berkala (minimum setiap dua bulan atau mengikut keperluan undang-undang tempatan, mana-mana yang lebih ketat). Ujian air minuman tidak diperlukan jika syarikat utiliti air tempatan mengakui yang air memenuhi piawaian WHO atau yang setaraf (bukti mesti sedia ada di tapak).
 - Ujian dilakukan pada kekerapan yang dinyatakan dalam permit, lesen atau oleh pelanggan dan tidak melebihi tempoh dua tahun.
 - Proses dokumen sudah sedia ada untuk memastikan permit, lesen dan sijil diperbaharui sebelum permit semasa tamat tempoh. Penjejakan permit, lesen dan sijil didokumenkan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar:
 - Permit, lesen atau laporan ujian yang diperlukan oleh undang-undang hilang DAN tiada proses untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang diperlukan;
 - Sijil pekerja kantin/dapur hilang atau tamat tempoh
- Kecil: Permit, lesen atau laporan ujian yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada tetapi tiada proses yang boleh diguna pakai untuk mendapatkan dan memperbaharui seperti yang dikehendaki
- Tidak Berkenaan:

- Permit atau lesen tidak diperlukan.
- Tiada laporan ujian diperlukan.
- Tiada asrama, restoran/kantin di kemudahan.

Pengesahan jauh: Ya

B7.2 Asrama, bilik mandi dan ruang pekerja adalah bersih, selamat dan diselenggara dengan baik serta memenuhi standard tempat tinggal antarabangsa

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Asrama dan kemudahan sanitasi (bilik rehat, ruang depan, tandas,...) bersih dan diselenggara dengan baik.
 - Tangga yang bebas halangan dan diterangi dengan baik untuk membolehkan pekerja keluar dari asrama dengan selamat
 - Jumlah pintu keluar yang mencukupi dari setiap tingkat dengan pintu keluar yang mudah diakses dan ditanda dengan jelas serta tidak sedia dikunci. Pintu mungkin dikunci hanya jika perkakasan panik, seperti bar tolak, digunakan.
 - Bangunan mempunyai sistem pemanasan semasa musim sejuk (jika berkenaan). Tingkat memberikan cahaya dan pengudaraan.
 - Pencahayaan yang mencukupi (Pencahayaan cukup terang untuk membaca, menulis dan aktiviti lain di luar waktu kerja) dan selamat, serta soket elektrik yang mencukupi disediakan.
 - Kemudahan tempat tinggal dan memasak diasingkan
 - Pengesakan kebakaran dan haba yang sesuai, penggera dan pemberitahuan serta sistem sekatan kebakaran disediakan.
 - Kemudahan pembuangan sisa domestik dan langkah-langkah kawalan serangga yang sesuai disediakan.
 - Jumlah kotak pertolongan cemas yang mencukupi disediakan.
 - Ruang yang mencukupi untuk setiap pekerja dan loker individu untuk simpanan barang peribadi secara selamat disediakan.
 - Semua kemudahan dipisahkan oleh jantina dan cukup jumlahnya.
 - Semakan dokumen:
 - Program pembersihan dan sanitasi disediakan. Rekod penjejakan program sanitasi sedia ada dan dikemas kini.
 - Program kawalan serangga disediakan dan log kawalan serangga sedia untuk semakan dan dikemas kini.
 - Program penyelenggaraan pencegahan (termasuk kemudahan sokongan tindakan kecemasan) disediakan dengan rekod penjejakan sudah disediakan dan dikemas kini.

Pengadaran:

- Keutamaan: Asrama/Apartmen tidak selamat dengan risiko tinggi kehilangan kemudahan, nyawa atau bahagian tubuh
- Besar:

- Kemudahan asrama dan sanitasi tidak bersih atau tidak memenuhi keperluan minimum (kecuali dokumentasi)
- Apartmen yang disewa tidak selamat
- Apartmen yang disewa tidak mempunyai penilaian risiko atau pemeriksaan
- Tiada latihan diberikan kepada penghuni apartmen.
- Kecil:
 - Kemudahan asrama dan sanitasi adalah selamat, bersih dan mencukupi tetapi prosedur atau rekod hilang atau tidak lengkap.
 - Apartmen yang disewa adalah selamat, bersih dan mencukupi tetapi rekod latihan penghuni hilang.
- Tidak Berkenaan: Tiada asrama.

Pengesahan jauh: Tidak

Nota: Dapatan berkaitan latihan mesti dilaporkan dalam B8

B7.3 Kantin (kafeteria) bersih, diselenggara dengan baik dan diuruskan dengan kepatuhan kepada undang-undang kesihatan tempatan

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Kantin dan dapur bersih dan diselenggara dengan baik.
 - Penyimpanan makanan:
 - Kawasan penyimpanan dan penyediaan makanan adalah bersih
 - Makanan disimpan dengan cara yang betul (bukan di lantai; disimpan dalam peti sejuk jika perlu)
 - Makanan mentah dan dimasak disimpan berasingan, makanan ditutup, dsb.
 - Makanan dimakan atau dilupuskan sebelum tarikh tamat tempoh yang ditandakan
 - Pintu keluar mesti sesuai dengan jumlah pekerja yang perlu melaluinya.
 - Pekerja perkhidmatan makanan perlu memakai topeng, jaring rambut dan sarung tangan apabila diperlukan untuk mengelakkan pencemaran makanan.
 - Kantin disediakan dengan kemudahan mencuci tangan yang mencukupi.
 - Kawalan serangga berkesan.
 - Semakan dokumen:
 - Rekod pembersihan kantin dan dapur, penyahjangkitan dan/atau kawalan serangga sudah sedia ada dan dikemas kini.
 - Jika undang-undang tempatan menghendaki pemeriksaan kesihatan pada pekerja yang mengendalikan makanan atau ujian atau sijil lain, perkara ini sedia ada dan sah.
 - Pemantauan kerap dan pelaporan prosedur pengendalian makanan secara selamat/kebersihan
 - Prosedur pengendalian makanan secara selamat dan standard kebersihan (dalam penyediaan, simpanan dan kawasan penyediaan) sudah ditetapkan dan diikuti.

Pengadaran:

- Keutamaan: Kantin dan dapur tidak selamat dengan risiko tinggi kehilangan kemudahan, nyawa atau kecederaan serius
- Besar: Kantin dan dapur kotor dan tidak memenuhi keperluan minimum standard kantin/kafeteria
- Kecil: Kantin dan dapur adalah selamat, bersih dan mencukupi tetapi prosedur atau rekod hilang atau tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Tiada perkhidmatan kafeteria atau makanan.

Pengesahan jauh: Tidak

B8) Komunikasi Kesihatan dan Keselamatan

Peserta perlu menyediakan pekerja dengan latihan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja yang sesuai dalam bahasa utama mereka. Maklumat kesihatan dan keselamatan yang berkaitan perlu dipaparkan dengan jelas di dalam kemudahan itu.

Nota: Semua latihan kesihatan dan keselamatan yang relevan bagi peruntukan kesihatan dan keselamatan tata EICC perlu dinilai di bawah B8 – lihat nota bagi peruntukan lain di bahagian B.

B8.1 Maklumat Kesihatan dan Keselamatan (termasuk latihan) dimaklumkan dengan jelas kepada pekerja

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Makluman Kesihatan dan Keselamatan diposkan dengan jelas di kemudahan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja
- Semakan dokumen:
 - Latihan:
 - Analisis keperluan latihan H&S dilakukan dan didokumenkan
 - Matriks latihan dibangunkan selepas analisis keperluan latihan
 - Pelan latihan disediakan, berikutan matriks latihan
 - Program latihan dengan bahan dan rekod latihan sedia ada, cukup dan dikemas kini.
 - Program latihan dikemas kini dan diselenggara melalui kalendar kepatuhan, sistem pesanan kerja, dan sistem e-mel/kalendar berasaskan komputer.
 - Jadual latihan ulang kaji ditetapkan dan dilaksanakan mengikut jadual
 - Rekod latihan merangkumi pengesahan keberkesanan latihan (menunjukkan yang pekerja memahami latihan dan tujuan latihan sudah dicapai (melalui ujian pasca latihan, atau temu bual pekerja berkenaan latihan))
 - Latihan mesti dilakukan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja
 - Makluman:
 - Program makluman formal kepada pekerja sudah ditetapkan yang merangkumi sekurang-kurangnya:
 - Prosedur makluman hazard: semua hazard yang wujud di tapak dan tindakan yang menggalakkan H&S di tempat kerja.
 - Kemas kini mesti dilakukan apabila operasi baru ditambah ke kemudahan
 - Komunikasi mesti dilakukan dalam bahasa yang difahami oleh pekerja.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tiada program latihan dan/atau komunikasi yang disediakan
- Besar: Program latihan dan komunikasi sedia ada tetapi tiada hazard besar atau komponen program
- Kecil: Program latihan dan komunikasi sudah sedia ada tetapi tidak dikemas kini menurut jadual yang ditetapkan atau rekod/pengesahan latihan tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak Berkenaan

Sila ambil perhatian dapatan latihan berkenaan:

- Latihan ahli ERT mesti dilaporkan dalam B2.6 dan
- Latihan penggerak balas pertama dalam B3.3

Pengesahan jauh: Tidak

C. ALAM SEKITAR

Bagi kemudahan dengan risiko EHS yang tinggi, Juruaudit pakar EHS akan ditambah ke pasukan audit untuk semakan pakar berkenaan dasar, program dan prestasi. Bagi mendapatkan maklumat lanjut tentang juruaudit pakar EHS, sila lihat Bab 6. Pasukan Audit.

C1) Permit dan Pelaporan Alam Sekitar

Semua permit alam sekitar (seperti pengawasan bahan buangan), kelulusan dan pendaftaran yang diperlukan perlu diperoleh, diselenggara dan dikemas kini dan keperluan operasi dan pelaporannya dipatuhi.

C1.1 Kemudahan sudah mendapatkan semua permit, kelulusan dan lesen alam sekitar yang diperlukan undang-undang

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
- Semak operasi untuk menentukan sebarang kesan yang tidak dikenal pasti pada:
 - pengeluaran udara
 - bahan buangan air buangan
 - pendedahan air ribut
 - penyimpanan dan penggunaan bahan berhazard
 - penjanaan sisa (pepejal dan berhazard)
- Semakan dokumen:
 - Permit: Semua permit, kelulusan dan pendaftaran bagi alam sekitar yang diperlukan undang-undang sudah sedia ada, boleh disemak dan sah.
 - Lesen: Semua lesen alam sekitar sedia ada dan boleh disemak.
 - Permit: Semua permit alam sekitar sedia ada dan boleh disemak.
 - Sebarang perubahan yang mungkin mengubah status pendaftaran dan penjanaan sisa berhazard yang dibenarkan kepada agensi undang-undang tempatan dan kebangsaan yang berkenaan
 - Proses dokumen sudah sedia ada untuk memastikan permit diperbaharui **sebelum** permit semasa tamat tempoh. Penjejakan permit didokumenkan dan dicapai melalui kalendar kepatuhan, sistem pesanan kerja, sistem e-mel/kalendar berasaskan komputer.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Permit, kelulusan, pendaftaran dan lesen yang diperlukan undang-undang hilang DAN tiada proses ditetapkan untuk memastikan permit disediakan dan diperbaharui pada masa yang tepat
- Kecil: Permit, kelulusan, pendaftaran dan lesen yang diperlukan undang-undang sudah disediakan tetapi tiada proses yang ditetapkan untuk memastikan pembaharuan dilakukan tepat pada masanya
- Tidak Berkenaan: Permit, kelulusan, pendaftaran atau lesen tidak diperlukan.

Pengesahan jauh: Ya

C1.2 Pelaporan kepada pihak berkuasa alam sekitar sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dilakukan mengikut masanya.

Keperluan minimum:

- **Pemerhatian tapak:** Tidak berkenaan
- **Semakan dokumen:**
 - Proses yang didokumenkan sudah sedia ada untuk memastikan laporan dihantar sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan. Penjejakan laporan didokumenkan, sesuai dan sedia ada.
 - Semua laporan alam sekitar yang diperlukan undang-undang untuk 3 tahun lepas sedia untuk semakan dan memenuhi keperluan undang-undang.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tidak Berkenaan
- **Besar:** Laporan yang diperlukan undang-undang hilang, tidak lengkap DAN tiada proses disediakan untuk memastikan laporan yang diperlukan undang-undang dihantar tepat pada masanya.
- **Kecil:**
 - Laporan yang diperlukan undang-undang sudah dihantar tetapi tiada proses disediakan untuk memastikan laporan yang diperlukan undang-undang dihantar tepat pada masanya
 - Laporan yang diperlukan undang-undang dihantar tepat pada masanya tetapi tidak lengkap
- **Tidak Berkenaan:** Pelaporan alam sekitar tidak diperlukan.

Pengesahan jauh: Ya

C2) Pencegahan Pencemaran dan Pengurangan Sumber

Penggunaan sumber dan penjaan semua jenis sisa, termasuk air dan tenaga, perlu dikurangkan atau disingkirkan di sumber atau mengikut amalan seperti mengubah suai proses pengeluaran, proses penyelenggaraan dan kemudahan, penggantian bahan, pemuliharaan, mengitar semula dan menggunakan semula bahan.

C2.1 Tetapkan program yang sesuai dan berkesan, termasuk objektif dan sasaran, untuk mengenal pasti, menguruskan dan mengurangkan kesan semua jenis sisa

Keperluan minimum:

Nota: keperluan khusus yang berkaitan beberapa penggunaan sumber dan sumber penjaan sisa dibincangkan dalam bahagian lain protokol audit ini. Matlamat peruntukan ini adalah untuk mengesahkan yang kemudahan sudah melakukan penilaian kematangan dan memahami kesan penggunaan bahan dan penjaan sisanya, serta membangunkan program keseluruhan untuk mengenal pasti, menguruskan dan mengurangkan kesan ini.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaanan
 - Semakan dokumen:
 - Dasar bertulis, proses dan keperluan bagi perlindungan alam sekitar serta pengurangan pencemaran/pengurangan sumber adalah selaras dengan undang-undang, peraturan dan standard yang ditetapkan.
 - Program perlu merangkumi sekurang-kurangnya elemen berikut:
 - Penilaian kematangan: mengenal pasti aspek alam sekitar yang penting dan menetapkan program untuk memantau dan mengawal aspek ini.
 - Garis dasar – memahami penggunaan sumber dan penggunaan/penjaan sisa semasa bagi setiap kategori bahan
 - Sistem untuk memantau penggunaan sumber dan penjaan sisa secara berkala (sekurang-kurangnya secara tahunan)
 - Semakan tetap dilakukan untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan (sekurang-kurangnya sekali setahun).

Pengadaran:

- Keutamaan:
 - Tiada program kawalan atau pembaikan yang ditetapkan.
 - Pengeluaran/emisi alam sekitar jelas yang dapat memberikan kesan negatif kepada komuniti (pengeluaran udara dan air toksik, pelepasan air buangan yang tidak dirawat, tumpahan bahan kimia pada bahan berhazard yang dilepaskan di luar kemudahan,..)
- Besar:
 - Tiada penilaian pada bahan yang digunakan dan penjaan sisa yang dilengkap
 - Tiada garis dasar atau program yang ditetapkan untuk mengawal atau memacu pelan pembaikan, tetapi tiada hazard kepada komuniti
- Kecil:
 - Beberapa kawalan ditetapkan
 - Pelan pembaikan wujud tetapi tidak lengkap
- Tidak Berkenaanan: Tidak berkenaanan

Pengesahan jauh: Ya

C3) Bahan Berhazad

Bahan kimia dan bahan lain yang memberi ancaman hazad jika dibebaskan ke alam sekitar perlu dikenal pasti dan diuruskan untuk memastikan pengendalian, pergerakan, penyimpanan, penggunaan, kitaran semula atau penggunaan semula dan pelupusannya dibuat dengan selamat.

C3.1 Bahan berhazad termasuk sisa dikategorikan, dilabel, ditangani, disimpan, dihantar dan dilupuskan dengan betul menggunakan khidmat vendor yang diluluskan kerajaan dan/atau berlesen, menurut undang-undang tempatan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Bahan berhazad dikategorikan, ditangani, disimpan dan dihantar dalam kemudahan.
 - Bagi mengawal akses atau potensi pendedahan pekerja, kaedah seperti pengasingan, pembendungan sekunder, pengudaraan, perlindungan kebakaran, kabinet simpanan yang sesuai, tanda hazad dan maklumat (label dan MSDS), akses terhad,... dilaksanakan di seluruh tapak
 - Semakan dokumen:
 - Prosedur yang didokumenkan berkenaan penerimaan, penyimpanan, pengagihan, penggunaan, pemulangan dan pembuangan sudah disediakan dan bersesuaian. Program bertulis perlu ditetapkan untuk menjejak, menyemak semula dan meluluskan penggunaan semua bahan kimia berhazad dan mesti mendapatkan kelulusan bagi semua pembelian baru bahan kimia, sebelum digunakan.
 - Pihak Diaudit perlu memastikan yang proses pemilihannya bagi semua bahan kimia berhazad baru perlu melalui penilaian menyeluruh alternatif bahan kimia kurang berhazad atau tidak berhazad.
 - Pihak Diaudit perlu menyimpan rekod inventori kimia yang tepat.
 - Rekod pemeriksaan bahan berhazad dan titik simpanan serta penggunaannya diselenggara dan lengkap.
 - Pihak Diaudit perlu melaksanakan prosedur penyimpanan dan pengendalian bahan kimia yang terperinci.
 - Jika ada pembaikan yang dicatatkan, pelan pembetulan ditetapkan, dipantau dan dilengkapkan. Jika pelan tindakan pembetulan tidak diikuti, tindakan diambil untuk melengkapkannya dalam tempoh sebelum masa akhir.
 - Maklumat bahan berhazad (label dan MSDS) sedia ada di tempat penggunaan dan simpanan, dalam bahasa yang difahami pekerja.
 - Dokumen yang membuktikan Pihak Diaudit hanya menggunakan vendor yang diluluskan dan/atau dilesenkan oleh pihak berkuasa undang-undang untuk penghantaran dan pembuangan sisa berhazad.
 - Salinan semasa semua lesen dan/atau kelulusan vendor bagi semua sisa berhazad sudah difailkan. Proses untuk memastikan lesen disemak secara berkala dan terkini sudah disediakan.
 - Salinan inventori bahan berhazad, dokumen manifes dan penghantaran diselenggara dalam fail untuk tempoh 3 tahun lepas atau tempoh masa yang ditetapkan oleh keperluan undang-undang tempatan. Ini mungkin berkaitan:
 - Pengeluaran udara;

- Bahan buangan air buangan proses;
- Penyimpanan dan penggunaan bahan berhazard; dan
- Penghasilan sisa berhazard.

Pengadaran:

- Keutamaan: Bahan berhazard (termasuk sisa) digunakan, dikendalikan, disimpan atau dilupuskan dengan cara yang mungkin menyebabkan kerugian pada kemudahan, nyawa atau menyebabkan kecederaan teruk pada tubuh badan.
- Besar: Bahan berhazard (termasuk sisa) digunakan, dikendalikan, disimpan atau dilupuskan dengan cara yang sistemik tetapi 2 atau lebih keperluan minimum tidak dilaksanakan
- Kecil: Bahan berhazard (termasuk sisa) digunakan, dikendalikan, disimpan atau dilupuskan dengan cara yang sistemik tetapi dokumentasi tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Tiada bahan berhazard (termasuk sisa) digunakan atau disimpan di tapak.

Pengesahan jauh: Ya

C3.2 Pekerja yang bekerja dengan bahan berhazard diberikan latihan yang mencukupi dan berkesan.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Bahan latihan dan rekod latihan sedia ada, sesuai dan dikemas kini bagi penggunaan, pengendalian, penyimpanan dan pembuangan bahan kimia berhazard (termasuk sisa).
 - Pekerja yang bertanggungjawab bagi penyimpanan, pembersihan atau pembuangan pelepasan kimia perlu menerima latihan khas.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Tiada latihan disediakan tentang penggunaan, pengendalian, penyimpanan dan pembuangan bahan kimia berhazard (termasuk sisa)
- Kecil: Latihan yang mencukupi diberikan tetapi dokumentasi tidak lengkap atau kurang latihan ulang kaji tahunan
- Tidak Berkenaan: Tiada bahan kimia berhazard (termasuk sisa) digunakan atau disimpan di tapak atau pun dilupuskan.

Pengesahan jauh: Ya

C3.3 Pembekal pembuangan sisa berhazard dinilai untuk mengesahkan bahan sisa dikendalikan, disimpan dan dilupuskan dengan mematuhi peraturan tempatan, syarat permit dan kehendak kontrak.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Prosedur penjanaan sisa berhazard dilaksanakan dan merangkumi yang berikut:
 - Pelan pengurangan sisa untuk menilai penjanaan sisa berhazard di tapak dan untuk mengenal pasti peluang bagi meminimumkan sisa berhazard.
 - Audit berkala untuk menilai sama ada vendor (pengendali DAN penghantar sisa berhazard) mematuhi: terma dan syarat kontrak, dan keperluan undang-undang tempatan
 - Penilaian, minit lawatan atau laporan audit, dengan kemungkinan pembaikan sudah sedia ada.
 - Laporan tidak boleh melebihi 2 tahun.
 - Jika tindakan pembetulan atau pembaikan dikenal pasti, implementasi kemudiannya dipantau dan tindakan dilengkapkan atau sedang berjalan.
 - Jika tindakan pembetulan tidak diikuti, tindakan tambahan dikenal pasti untuk memastikan tindakan pembetulan dilengkapkan menjelang tarikh akhir.
 - Audit perlu merangkumi lawatan tapak oleh pembekal atau pihak ketiga yang diakui untuk mengesahkan kepatuhan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak Berkenaan
- Besar: Tiada audit tapak dan/atau penilaian pengendali atau penghantar sisa berhazard dilakukan sejak 2 tahun lepas
- Kecil: Audit dan/atau penilaian di tapak ke atas pengangkut atau pengendali pembuangan sisa berhazard yang dilakukan dalam tempoh 2 tahun lepas tetapi dokumentasi tidak lengkap atau tiada tindakan pembetulan/tindakan pembetulan tidak diikuti
- Tidak Berkenaan: Tiada bahan kimia berhazard dijana atau disimpan di tapak.

Pengesahan jauh: Ya

C4) Air Buangan dan Sisa Pepejal

Peserta perlu melaksanakan pendekatan sistematik untuk mengenal pasti, mengendalikan, mengurangkan dan melupuskan secara bertanggungjawab atau mengitar semula sisa pepejal (tidak berhazard). Air buangan dan sisa pepejal yang dihasilkan daripada operasi, proses industri dan kemudahan sanitasi perlu dicirikan, diawasi, dikawal dan dikendalikan sebagaimana yang dikehendaki sebelum dibuang atau dilupuskan. Sebagai tambahan, langkah mengurangkan penghasilan air buangan perlu dilaksanakan. Peserta perlu menjalankan pemantauan rutin ke atas prestasi sistem rawatan air buangan.

C4.1 Sisa pepejal dikenal pasti, dikendalikan, dikurangkan, dan dilupuskan secara bertanggungjawab atau dikitar semula menurut kehendak undang-undang yang digunakan

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Sisa dikenal pasti, dicirikan, dikendalikan, disimpan dan dihantar dalam kemudahan dengan cara yang sesuai, contoh: pemisahan, pembendungan sekunder, pengudaraan, perlindungan kebakaran, bahan simpanan yang sesuai, tanda hazard dan maklumat (label dan MSDS), akses terhad, ...
 - Program guna semula dan kitar semula jelas kelihatan di kemudahan.
 - Semakan dokumen:
 - Pihak Diaudit mesti mempunyai pendekatan yang sistematik untuk mengurangkan, membuang secara bertanggungjawab, atau mengitar semula sisa tidak berhazard.
 - Kemudahan mempunyai dasar atau program kitar semula, mengenal pasti bahan yang boleh dikitar semula (disebabkan adanya program kitar semula tempatan dan syarikat pengangkutan sisa yang menyediakan perkhidmatan kitar semula), dan menjejak bahan yang dikitar semula bersama manifes pembuangan sisa. Program mempunyai:
 - matlamat untuk pengurangan/guna semula
 - menjejak perkembangan usaha
 - tindakan pembetulan disediakan jika kemudahan tidak mengikut program untuk mencapai matlamat pengurangan dan kitar semula sisa
 - Maklumat sisa (label dan MSDS) sudah disediakan di tempat simpanan, dalam bahasa yang difahami pekerja.
 - Rekod pemeriksaan sisa dan tempat simpanan diselenggara dan lengkap. Jika ada pembaikan yang dicatatkan, pelan pembetulan ditetapkan, dipantau dan dilengkapkan. Jika pelan tindakan pembetulan tidak diikuti, tindakan diambil untuk melengkapkannya dalam tempoh sebelum tarikh akhir.
 - Salinan inventori sisa, dokumen manifes dan penghantaran diselenggara dalam fail untuk tempoh 3 tahun lepas atau tempoh masa yang ditetapkan oleh keperluan undang-undang tempatan.
 - Proses untuk memastikan lesen disemak secara berkala dan terkini disediakan.
 - Dokumen yang membuktikan Pihak Diaudit hanya menggunakan vendor yang diluluskan dan dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan untuk penghantaran dan pembuangan sisa. Salinan semua lesen/kelulusan vendor bagi semua sisa sudah difailkan.

Pengedaran:

- Keutamaan: Sisa dikendalikan atau dilupuskan dalam keadaan yang mungkin memberikan risiko kepada kemudahan, nyawa, anggota tubuh atau boleh menyebabkan kesan besar kepada komuniti
- Besar:
 - Sisa dikendalikan atau dilupuskan dengan cara sistemik, sesuai dan sah dari segi undang-undang tetapi 2 atau lebih keperluan minimum tidak dilaksanakan.
 - Tiada program pengurangan atau kitar semula yang ada di kemudahan (di rantau di mana ada peluang untuk kitar semula).
- Kecil:
 - Sisa dikendalikan dan dilupuskan dengan cara sistemik, sesuai dan sah dari segi undang-undang tetapi dokumentasi tidak lengkap.
 - Kemudahan tidak menampakkan kemajuan ke arah matlamat pengurangan atau kitar semula sisa (atau tidak matlamat ini tidak ditetapkan).
- Tidak Berkenaan: Tiada sisa pepejal dijana atau disimpan di tapak.

Pengesahan jauh: Ya

C4.2 Buangan efluen (industri/air buangan proses dan pembetung) dikendalikan untuk menghalang pencemaran air, memenuhi had buangan bagi bahan terkawal dan sistem rawatan air buangan dipantau secara rutin bagi menjamin prestasi

Keperluan minimum:

Air buangan termasuk air buangan industri dan domestik. Air ribut dibincangkan dalam C6.

- Pemerhatian tapak:
 - Air buangan industri dan/atau sanitasi dirawat menurut undang-undang tempatan dan keperluan permit.
 - Air buangan dibuang ke sistem rawatan perbandaran atau ke air permukaan (jika dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan tempatan).
 - Peralatan seperti tangki, perpaipan dan bekas simpanan sesuai dengan bahan sisa yang disimpan dan diangkut.
 - Sistem rawatan air buangan beroperasi dan dari pemeriksaan visual, kelihatan beroperasi dengan berkesan.
- Semakan dokumen:
 - Air buangan proses yang tidak dirawat tidak boleh dibuang ke dalam persekitaran sekeliling (kecuali dan jika dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan yang ditetapkan)
 - Prosedur yang didokumentasikan bagi penyimpanan air buangan; rawatan dan pembuangan menurut undang-undang tempatan adalah sesuai, sedia ada dan dikemas kini.
 - Semua aliran air buangan proses dikenal pasti dan dicirikan
 - Inventori air buangan proses diselenggarakan. Inventori perlu:
 - Merangkumi komposisi setiap aliran air buangan proses
 - Isipadu bagi setiap aliran air buangan proses
 - Perlu disemak selepas sebarang perubahan yang mungkin memberi kesan kepada air buangan proses
 - Perlu disemak secara tahunan
 - Sistem rawatan air buangan proses yang sesuai dipasang dan diselenggara, yang meminimumkan sumbangan bahan pencemar bagi setiap kemudahan, ke tahap yang mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan dan melibatkan:
 - Program penyelenggaraan pencegahan rutin
 - Program pemantauan keberkesanan sistem
 - Program untuk menilai integriti sistem pengumpulan air buangan proses yang sedia ada ditetapkan untuk:
 - menguji sistem air buangan proses dengan kerap
 - membetulkan sebarang kekurangan yang dikenal pasti dengan serta-merta
 - Dokumentasi yang mencukupi bagi program dan rekod penjejakan sudah sedia ada
 - Tindakan respons kecemasan dilaksanakan sekiranya sistem air buangan proses di tapak melebihi kapasitinya atau pincang tugas.
 - Keputusan ujian sedia ada menunjukkan kepatuhan dengan keperluan undang-undang dan permit.
 - Keputusan ini tidak boleh lebih lama daripada 2 tahun.

- Rekod pemantauan dan pelaporan dari tempoh 5 tahun lepas sudah disediakan untuk disemak, selaras dengan keperluan undang-undang, dan lengkap.
 - Jika Ketidakpatuhan didapati berlaku pada masa lepas, penyebab utama dan tindakan pembetulan untuk menyelesaikannya dilaksanakan.
 - Pihak Diaudit perlu mengenal pasti individu tertentu dalam organisasi kemudahan yang akan bertanggungjawab untuk semua aspek rawatan pembuangan air buangan, termasuk: penyelenggaraan dan pemeriksaan WWTP; pemantauan pembuangan air buangan proses; serta bergerak balas apabila berlaku kecemasan.
 - Bahan latihan dan rekod latihan bagi pekerja yang bertanggungjawab mengendalikan dan menyelenggarakan sistem rawatan air buangan disediakan, mencukupi dan dikemaskini.
 - Pihak Diaudit perlu menyediakan program pengurangan air buangan, dengan strategi untuk meminimumkan penjana air buangan. Program mesti mempunyai:
 - Matlamat untuk pengurangan/guna semula,
 - Menjejak perkembangan usaha
 - Tindakan pembetulan disediakan, jika tidak mengikut program, untuk mencapai matlamat pengurangan air buangan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Air buangan yang tidak dirawat dilepaskan yang mungkin memberikan risiko tinggi kepada kesihatan dan keselamatan komuniti besar
- Besar:
 - Air buangan tidak dirawat dan/atau tidak mematuhi keperluan pembuangan dari segi undang-undang.
 - Pekerja yang bertanggungjawab mengendalikan dan menyelenggarakan sistem rawatan air buangan tidak terlatih.
 - Pemantauan tidak dijalankan secara berkala.
- Kecil:
 - Air buangan mematuhi keperluan undang-undang tetapi ujian tidak dijalankan secara berkala
 - Tiada program untuk mengurangkan penjana air buangan yang ditetapkan
- Tidak Berkenaan: Tiada air buangan dijana atau disimpan di tapak.

Pengesahan jauh: Ya

C5) Pelepasan/Emisi Udara

Pelepasan ke udara bahan kimia organik meruap, aerosol, bahan kakis, zarah, bahan kimia yang menipiskan ozon dan hasil sampingan pembakaran yang dihasilkan daripada operasi perlu dicirikan, dipantau secara rutin, dikawal dan dirawat seperlunya sebelum dibuang. Peserta perlu menjalankan pemantauan rutin ke atas prestasi sistem pelepasan udara.

C5.1 Pelepasan udara dikenal pasti, dicirikan, dipantau secara rutin dan dirawat sebelum dibuang, memenuhi had pembuangan bagi bahan terkawal, dan sistem kawalan pelepasan udara dipantau secara rutin bagi menjamin prestasi.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak:
 - Pihak Diaudit mengendalikan pelepasan udara mengikut keperluan undang-undang tempatan dan permit.
 - Sistem kawalan pelepasan udara dikenal pasti (jika berkenaan).
- Semakan dokumen:
 - Pihak Diaudit mesti membangunkan dan mengendalikan inventori sumber pelepasan udara:
 - Rekod bertulis pelepasan udara
 - Makluman berkenaan pelepasan dengan pihak luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada kumpulan komuniti, agensi undang-undang dan pihak berkuasa tempatan.
 - Semak inventori selepas sebarang perubahan dibuat pada pengeluaran atau proses yang mungkin memberi kesan kepada pelepasan udara
 - Alat kawalan pelepasan udara yang sesuai untuk pelepasan udara terkawal dipasang dan diselenggarakan:
 - Semua pelan kawalan mesti diluluskan atau diterima oleh semua agensi berkuasa yang berkenaan
 - Program penyelenggaraan pencegahan rutin
 - Program pemantauan keberkesanan sistem
 - Dokumentasi yang mencukupi bagi program dan rekod penjejakan sudah sedia ada
 - Jika Ketidakpatuhan didapati berlaku pada masa lepas, penyebab utama dan tindakan pembetulan untuk menyelesaikannya dilaksanakan.
 - Pihak Diaudit perlu melaksanakan ketersediaan kecemasan dan tindakan respons sekiranya berlaku pincang tugas, kegagalan, penyelenggaraan dan/atau pengubahsuaian sistem kawalan pelepasan udara.
 - Sekiranya menerima sebarang aduan daripada komuniti, Pihak Diaudit:
 - Melakukan pemantauan pelepasan udara untuk mengesahkan status pelepasan udara dan mengimplementasikan tindakan pembetulan, jika ada, tepat pada masanya.
 - Memaklumkan semua pihak berkuasa dan agensi lain seperti yang tertakluk dalam peraturan, jika kejadian alam sekitar yang luar biasa berlaku

- Rekod pemantauan dan pelaporan sekurang-kurangnya tahunan (atau lebih kerap jika dikehendaki oleh undang-undang tempatan) dari 5 tahun lepas sedia untuk disemak, sejajar dengan kehendak undang-undang serta lengkap.
 - Sekurang-kurangnya tiga keputusan ujian analisis yang menunjukkan kepatuhan dengan keperluan undang-undang dan permit sudah sedia ada. Keputusan ini tidak boleh lebih lama daripada 2 tahun.
- Bahan latihan dan rekod latihan bagi pekerja yang bertanggungjawab mengendalikan dan menyelenggarakan sistem rawatan pelepasan udara sudah disediakan, sesuai dan dikemas kini.

Pengadaran:

- Keutamaan: Pelepasan udara yang tidak dirawat yang mungkin mengakibatkan risiko yang pasti pada komuniti
- Besar:
 - Pelepasan udara tidak dirawat atau tidak mematuhi keperluan pembuangan dari segi undang-undang
 - Pekerja yang bertanggungjawab mengendalikan dan menyelenggarakan sistem rawatan pelepasan udara tidak terlatih
 - Pemantauan tidak dijalankan secara berkala
- Kecil: Pelepasan udara mematuhi keperluan undang-undang tetapi ujian tidak dijalankan secara berkala
- Tidak Berkenaan: Tiada pelepasan udara - tapak tidak mempunyai keperluan undang-undang berkenaan pelepasan udara.

Pengesahan jauh: Ya

C5.2 Tahap hingar alam sekitar berada dalam had yang dibenarkan oleh undang-undang

Keperluan minimum:

- **Pemerhatian tapak:** Tiada hingar sempadan yang melampau diperhatikan
- Semakan dokumen:
 - Sumber hingar sempadan dikenal pasti, dinilai, dipantau secara rutin dan dikawal menurut undang-undang tempatan.
 - Tahap hingar sempadan dinilai setiap tahun, bergantung kepada perubahan “Kategori Penggunaan Tanah yang Menerima” di kejiranan kemudahan, atau jika ada aduan bunyi bising dari komuniti dan kriteria hingar sempadan ditetapkan seperlunya.
 - Peranti kawalan hingar sempadan yang sesuai dipasang dan diselenggara untuk mengawal tahap hingar sempadan menurut undang-undang yang digunakan. Pemantauan dan pelaporan sekurang-kurangnya sekali setahun (atau lebih jika dikehendaki oleh undang-undang)
 - rekod dari tempoh 5 tahun lepas sedia untuk disemak, selaras dengan keperluan undang-undang dan lengkap.
 - Jika Ketidakpatuhan didapati berlaku pada masa lepas, penyebab utama dan tindakan pembetulan untuk menyelesaikannya dilaksanakan.
 - Sekurang-kurangnya tiga keputusan ujian yang menunjukkan kepatuhan dengan keperluan undang-undang dan permit sudah sedia ada

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tidak berkenaan
- **Besar:** Hingar persekitaran tidak mematuhi keperluan undang-undang.
- **Kecil:** Hingar persekitaran mematuhi keperluan undang-undang tetapi ujian tidak dijalankan secara berkala
- **Tidak Berkenaan:** Tapak tidak mempunyai keperluan undang-undang berkenaan hingar persekitaran

Pengesahan jauh: Ya

C6) Sekatan Bahan

Peserta perlu mematuhi semua undang-undang, peraturan dan keperluan pelanggan yang berkaitan dalam hal-hal larangan atau sekatan bahan tertentu dalam produk dan pengilangan, termasuk pelabelan untuk kitaran semula dan pelupusan.

C6.1 Program yang berkesan sudah sedia untuk memenuhi keperluan undang-undang dan pelanggan bagi Sekatan Bahan sebagai bahagian formal proses pemerolehan dan pengilangan, termasuk prosedur dan rekod yang berkesan untuk mengukur dan/atau mendokumenkan komposisi kimia produk.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Keperluan Sekatan Bahan dari segi undang-undang dan pelanggan dikendalikan melalui program rasmi termasuk cara bahan, pembungkusan dan komponen diperolehi.
 - Program rasmi ini perlu merangkumi:
 - Proses semakan yang didokumenkan untuk membandingkan keperluan pelanggan dengan spesifikasi dan prosedur sendiri, untuk memastikan ia mematuhi keperluan pelanggan
 - Ujian analisis rawak ke atas produk/komponen. Kaedah ujian mematuhi standard (IEC 62321), peraturan dan keperluan pelanggan yang ditetapkan
 - Keperluan yang didokumenkan bagi kepatuhan Sekatan Bahan yang diperlukan untuk pembekal bahan/alat ganti
 - Mendapatkan spesifikasi, pernyataan dan/atau sijil kepatuhan daripada pembekal
 - Memerlukan data analisis daripada pembekal bahan/alat ganti, dan data sedia untuk semakan pelanggan
 - Memberikan pernyataan dan/atau sijil kepatuhan serta data analisis kepada pelanggan jika diminta
 - Audit dan penilaian sekurang-kurangnya sekali setahun (atau lebih jika dikehendaki oleh undang-undang tempatan) bagi prosedur yang dilaksanakan untuk mengesahkan kepatuhan.
 - Proses rasmi ditetapkan untuk menangani penemuan bahan atau komponen yang tidak patuh dan tindakan pembetulan dijejaki dan dilaksanakan. Jika tindakan pembetulan tidak dilaksanakan dengan betul, tindakan tambahan diambil untuk memastikannya selesai sebelum tarikh akhir.
 - Rekod pemantauan & pelaporan semenjak 10 tahun lepas berkenaan kepatuhan Sekatan Bahan untuk keperluan undang-undang, peraturan dan pelanggan adalah lengkap dan sedia ada

Pengadaran:

- Keutamaan: Tiada program yang ditetapkan DAN produk tertakluk kepada tindakan pelanggan atau undang-undang
- Besar: Tiada program yang ditetapkan atau program formal yang ditetapkan dengan 2 atau lebih keperluan minimum tidak dipenuhi

- Kecil: Program formal sudah sedia ada tetapi tidak lengkap atau dokumentasi tidak lengkap/lapuk. Keputusan ujian, laporan audit dan sijil sudah sedia ada tetapi tidak lengkap
- Tidak Berkenaan: Tapak tidak tertakluk pada sebarang keperluan undang-undang atau permintaan pelanggan berkenaan topik ini.

Pengesahan jauh: Ya

C7) Pengurusan Air Ribut

Peserta perlu melaksanakan pendekatan yang sistematik untuk mengelakkan pencemaran larian air ribut. Peserta perlu menghalang pembuangan sisa dan tumpahan yang menyalahi undang-undang daripada memasuki parit ribut.

C7.1 Prosedur yang sesuai dan berkesan sudah sedia ada untuk menghalang pencemaran air ribut dan mencegah buangan dan aliran daripada memasuki parit ribut.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Pihak Diaudit perlu mengenal pasti kemungkinan sumber pencemar yang mungkin memberi kesan pada aliran air ribut:
 - Sediakan senarai dan penerangan kemungkinan tumpahan dan kebocoran yang dapat menyumbang bahan pencemar ke buangan air ribut, dan khususnya alur keluar yang berkemungkinan menerima kesan
 - Sediakan senarai dan huraian mengenai tumpahan dan kebocoran yang berlaku pada 3 tahun yang lalu di kawasan yang terdedah dengan air ribut atau yang disalir keluar ke sistem saliran air ribut
 - Sediakan senarai luahan bukan air ribut dan hapuskan mana-mana luahan bukan air ribut yang tidak berkenaan
 - Sediakan senarai kawasan aktiviti industri yang terdedah dengan air ribut dan konstituen pencemar
 - Pihak Diaudit perlu memilih kawalan berstruktur dan kawalan tidak berstruktur yang berkesan untuk menghalang pencemaran air ribut sebagai sebahagian Pelan Perlindungan Pencemaran Air Ribut [Storm Water Pollution Protection Plan(SWPPP)]:
 - Peta kemudahan yang mengandungi panduan kawasan saliran air ribut; lokasi berdekatan air, lokasi pengumpulan air ribut dan sistem penghantaran; panduan kawasan kedap kemudahan; lokasi tempat bahan terdedah kepada mendakan
 - Mengendalikan pengawasan berkala luahan air ribut bagi setiap peraturan yang diguna pakai.
 - Mengendalikan luahan air ribut untuk menilai keberkesanan langkah kawalan di kemudahan bagi mengurangkan atau menghapuskan bahan pencemar daripada aliran air ribut
 - Sekurang-kurangnya satu pekerja bertanggungjawab untuk mengkoordinasi segala gerak balas kecemasan dan aktiviti laporan berkaitan kemudahan air ribut;
 - Sistem dalam tempat yang boleh menutup salur keluar longkang air ribut dengan segera yang mengalir ke luar kawasan kemudahan jika ada tumpahan bahan berhazard yang dialirkan ke dalam sistem pengaliran air ribut;
 - Pihak Diaudit perlu mengendalikan satu penilaian tahunan menyeluruh mengenai langkah kawalan air ribut mereka yang mengandungi perkara berikut:
 - Penilaian pemerhatian visual dan data persampelan/analisis.

- Ringkasan pemeriksaan ditentukan dalam Pelan Perlindungan Pencemaran Air Ribut (SWPPP).
- Laporan insiden dan keputusan pengesanan tindakan pembedulan.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tiada program yang sedia ada DAN potensi jelas bagi pencemaran air ribut yang berpotensi menyebabkan impak yang besar kepada masyarakat
- Besar: Tiada program yang ditetapkan atau program formal yang ditetapkan dengan 2 atau lebih keperluan minimum tidak dipenuhi
- Kecil: Program formal sudah sedia ada tetapi program itu tidak lengkap atau dokumentasi tidak lengkap/lapuk.
- Tidak Berkenaan: Tidak Berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

C8) Penggunaan Tenaga dan Pelepasan Gas Rumah Hijau

Penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau perlu dijejak dan didokumenkan pada tahap kemudahan dan/atau tahap korporat. Peserta perlu mencari kaedah yang menjimatkan kos untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau.

C8.1 Penggunaan tenaga dan pelepasan gas Rumah Hijau dijejak dan didokumenkan

Keperluan minimum: Kemudahan dijangka untuk mengesan dan melaporkan sebarang penjanaan di tapak, elektrik yang dibeli, penggunaan minyak dan tenaga boleh diperbaharui yang dihasilkan atau digunakan di tapak yang ketara.

- Pemerhatian tapak:
 - Tiada penggunaan tenaga atau pelepasan gas rumah hijau yang ketara di kemudahan yang dijejak dan didokumenkan, seperti pembakaran di tapak (pembakar, penjana diesel, pembakaran sampah di tapak), elektrik yang dibeli (penggunaan elektrik tanpa meter di kemudahan), kebocoran bahan penyejuk yang ketara (daripada unit HVAC atau peralatan peti sejuk yang lain), atau proses penghasilan penjanaan gas rumah hijau yang lain (misalnya CFC dan HFC daripada pelarut dan busa).
- Semakan dokumen:
 - Penggunaan tahunan sumber pelepasan gas rumah hijau berikut dijejak dan didokumenkan:
 - Pembakaran di tapak (pelepasan langsung gas rumah hijau, terutamanya daripada pembakaran bahan api fosil di tapak (minyak, arang, gas semula jadi, propana, sampah, ...). Salinan rekod jumlah kuantiti bahan api dibakar di tapak sepanjang kalendar tahun lalu sepatutnya sedia untuk semakan atau sepatutnya diekstrapolasi dengan mudah daripada bil bahan api dan rekod pembelian bahan api yang lain.
 - Elektrik dibeli (diukur oleh utiliti tempatan—kemudahan sepatutnya mampu menghasilkan bil elektrik atau bacaan meter yang menunjukkan penggunaan elektrik setiap bulan atau tahunan di kemudahan).
 - Bahan api digunakan oleh kenderaan milik kemudahan—kemudahan perlu mempunyai dokumentasi gas/diesel/etanol/propana yang dibeli bagi kenderaan milik kemudahan (trak, kereta, bas, forklift, kapal terbang,) melalui jumlah pembelian dan jenis bahan api.
 - Kegunaan tenaga boleh diperbaharui – kemudahan perlu dapat mengesan penggunaan tenaga boleh diperbaharui melalui jenis dan jumlah keseluruhan yang digunakan (kWj, therm, ...). Jika kemudahan membeli tenaga boleh diperbaharui melalui syarikat utiliti mereka, hal ini perlu didokumenkan juga. Penjanaan tenaga boleh diperbaharui dan/atau pembelian perlu dijejak secara berasingan daripada sumber tenaga lain, dan tidak termasuk sebagai pengimbang untuk mengurangkan pembakaran di tapak atau jumlah elektrik dibeli.
 - Sumber pelepasan gas rumah hijau atau tenaga bahan lain: Jika kemudahan mempunyai sumber pelepasan lain yang besar (pelepasan

CFC atau SF6 sebagai contoh), sumber ini akan dijejak pada tahap kemudahan (melalui penggunaan dan pelepasan gas rumah hijau).

- Dokumentasi sedia ada menunjukkan cara tenaga dan sumber gas rumah hijau yang lain ditukar menjadi pelepasan gas rumah hijau menggunakan protokol gas rumah hijau yang diterima di antarabangsa. Jika pelepasan gas rumah hijau tidak dijejak pada tahap kemudahan, kemudahan boleh menyediakan dokumentasi penjejakan pelepasan gas rumah hijau pada tahap korporat yang mengandungi kesemua sumber menghasilkan gas rumah hijau di tapak yang relevan dengan kemudahan.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Tidak berkenaan
- **Besar:**
 - Data penggunaan tenaga dan bahan api tidak dijejak, atau langsung tidak lengkap.
 - Tiada data pelepasan GHG yang sedia ada bagi kemudahan atau syarikat.
- **Kecil:** Kemudahan dan syarikat mempunyai data penggunaan tenaga tetapi tidak mengira pelepasan GHG mereka
- **Tidak Berkenaan:** Kemudahan tidak membayar bahan api atau elektrik secara langsung (penggunaan tenaga dibayar dan diuruskan oleh pemilik bangunan dan tidak dilaporkan kepada syarikat. Contohnya, jika syarikat adalah penyewa dalam bangunan sewaan dengan perkhidmatan lengkap, hal ini dijangka yang syarikat akan sekurang-kurangnya berusaha membuat laporan yang telus untuk mendapatkan data ini atau menganggar dengan efektif bagi tujuan laporan GHG.

Pengesahan jauh: Ya, melainkan penggunaan tenaga atau pelepasan gas rumah hijau secara besar-besaran yang tidak didokumenkan ditemui di tapak.

C8.2 Kaedah menjimatkan kos bagi meningkatkan kecekapan tenaga dan untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau dilaksanakan.

Keperluan minimum:

Kemudahan mengenal pasti peluang untuk meningkatkan kecekapan tenaga dan mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan GHG.

- Pemerhatian tapak:
- Strategi teknologi atau pengurusan untuk mengurangkan pengurangan tenaga dan pelepasan GHG boleh dilihat. Hal ini dapat merangkumi:
 - Teknologi automasi pembinaan, termostat boleh program, kawalan pencahayaan atau teknologi pemanasan, penyejukan, pencahayaan dan pengudaraan yang cekap tenaga
 - Penggunaan pembakaran di tapak atau kenderaan yang cekap bahan api, atau yang menggunakan sumber yang kurang GHG intensif (gas asli, elektrik, selulosa, etanol, ...).
 - Membeli atau memasang tenaga boleh diperbaharui di tapak
 - Penggunaan sistem koleksi/rawatan yang sangat cekap untuk menyerap/merawat agen pencuci
 - Penggunaan bahan penyejuk dengan GWP yang rendah dalam sistem HVAC
- Semakan dokumen:
 - Program yang mencukupi dan berkesan bagi meningkatkan kecekapan tenaga dan pelepasan GHG berlangsung, termasuk pengurangan tenaga yang dijejak dan didokumenkan sebagai keputusan tindakan sebegini.
 - Prosedur untuk menguruskan penggunaan tenaga dengan berkesan (mungkin melibatkan prosedur "mula, tutup" bagi kemudahan, pemeringkatan bagi dandang dan penyejuk,) dilaksanakan.
 - Sasaran tahunan pada pengurangan tenaga dan GHG serta prestasi dengan sasaran diukur, didokumenkan dan tindakan pembetulan berlaku jika kemajuan menuju sasaran terpesong.
 - Program perlu distruktur mengikut peranan dan tanggungjawab, prosedur bertulis, sasaran, pengawasan dan laporan.
 - Semakan tetap dilakukan untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan (sekurang-kurangnya sekali setahun).
 - Latihan spesifik juga mungkin diperlukan bagi para pekerja yang beroperasi dan menyelenggara operasi tenaga dan operasi menggunakan bahan api.

Pengadaran:

- Keutamaan: Tidak berkenaan
- Besar: Syarikat tidak membuat sebarang usaha yang nyata bagi mengenal pasti peluang untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan pelepasan GHG.
- Kecil: Syarikat membuat beberapa pelaburan atau pelan bagi meningkatkan kecekapan tenaga dan pelepasan GHG tetapi tidak mendokumenkan pengurangan tenaga dan pelepasan GHG ini.
- Tidak Berkenaan: Syarikat tidak membayar untuk bahan api atau tenaga yang digunakan di tapak.

Pengesahan jauh: Ya

D. ETIKA

D1) Integriti Perniagaan

Standard integriti tertinggi perlu didukung dalam semua interaksi perniagaan. Peserta perlu mempunyai dasar toleransi sifar bagi melarang mana-mana dan semua bentuk sogokan, rasuah, pemerasan dan penggelapan wang. Semua urusan perniagaan perlu dilaksanakan dengan telus dan digambarkan dengan tepat pada buku dan rekod niaga Peserta. Pemantauan dan penguatkuasaan prosedur perlu dilaksanakan untuk memastikan pematuhan undang-undang antirasuah.

D1.1 Tiada risiko Kakitangan/Pekerja yang enggan terlibat dengan rasuah, sogokan, pemerasan dan penyelewengan dikenal pasti atau sesiapa yang mengisytiharkan konflik kepentingan tidak akan diturunkan pangkat, dikenakan penalti atau kesan buruk yang lain walaupun tindakan ini dapat mengakibatkan perusahaan ini tidak lagi beroperasi.

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Dasar formal pada standard integriti perniagaan tertinggi dan toleransi sifar pada segala bentuk rasuah, sogokan, pemerasan dan penyelewengan diadakan.
 - Prosedur formal yang menggalakkan pekerja/kakitangan untuk mengisytiharkan konflik kepentingan diadakan..
 - Pengisytiharan konflik kepentingan direkod.
 - Prosedur formal sudah sedia ada untuk melindungi pekerja/kakitangan daripada hukuman kerana enggan melakukan sebarang perkara dalam Ketidakpatuhan dasar etika dan memberitahu/secara sukarela memberitahu keputusan mereka.
 - Sampel statistik fail kakitangan, rekod cuti dan rekod pendedahan mengesahkan tiada akibat negatif bagi pekerja/kakitangan yang enggan melakukan sebarang perkara dalam Ketidakpatuhan dasar etika dan memberitahu/secara sukarela memberitahu keputusan mereka atau pengisytiharan konflik kepentingan mereka.
 - Latihan bagi pengurusan dan pekerja tentang dasar toleransi sifar pada segala bentuk rasuah, sogokan, pemerasan dan penyelewengan serta proses konflik kepentingan (termasuk pengisytiharan konflik kepentingan) diulang kaji sekurang-kurangnya setahun sekali.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Kes yang disahkan mengenai rasuah, sogokan, pemerasan dan penyelewengan tidak disiasat atau tanpa pelan tindakan pembetulan
- **Besar:** Tiada dasar terperinci dan boleh difahami serta prosedur yang dilaksanakan (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara)

- Kecil:
 - Dasar atau prosedur atau pelaksanaan sebahagian (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara).
 - Kes disahkan tanpa pelan tindakan pembetulan yang lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Tidak

D2) Tiada Kelebihan yang Tidak Wajar

Rasuah atau cara lain mendapatkan kelebihan tidak wajar atau tidak sepatutnya tidak boleh dijanjikan, ditawarkan, dibenarkan, diberi atau diterima. Larangan ini merangkumi menjanjikan, menawarkan, membenarkan, memberi atau menerima apa sahaja yang bernilai, sama ada secara langsung atau tidak langsung menerusi pihak ketiga, untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan, perniagaan terus kepada sesiapa sahaja, atau sebaliknya mendapat kelebihan yang tidak wajar.

D2.1 Tiada risiko dikenal pasti mengenai rasuah atau mendapatkan kelebihan yang tidak sepatutnya atau tidak wajar yang dijanjikan, ditawarkan, dibenarkan, diberi atau diterima. Penyiasatan dan sekatan yang sewajarnya berlaku apabila terdapat dakwaan pelanggaran.

Keperluan minimum:

Jika ejen buruh digunakan, maka prosedur ini juga perlu dilaksanakan pada tahap ejen buruh. Pekerja tidak langsung perlu tahu tentang kedua-dua prosedur Pihak Diaudit dan ejen buruh mengenai rasuah atau cara lain mendapatkan kelebihan yang tidak patut atau tidak wajar.

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Prosedur yang berkesan dan memadai yang ada memastikan:
 - Hadiah kepada atau daripada pembekal dan pelanggan tidak melebihi dari segi kos dan kekerapan.
 - Rasuah atau cara lain mendapatkan kelebihan tidak wajar atau tidak sepatutnya tidak boleh dijanjikan, ditawarkan, dibenarkan, diberi atau diterima.
 - Kemudahan mempunyai program untuk mengawasi perniagaannya secara tetap bagi memastikan:
 - Pekerja atau ejen tidak melakukan atau menerima tawaran tidak wajar atau rasuah atau kelebihan yang tidak patut/tidak wajar
 - Siasatan pertuduhan pengendalian perniagaan tidak wajar oleh pekerja, pengurus atau kakitangan atau ejen Pihak Diaudit akan dilaksanakan dan tindakan akan diambil (bergantung pada hasil siasatan, termasuk tindakan pencegahan).
 - Rekod kes sebegini sudah sedia ada; yang menunjukkan kaedah siasatan dengan jelas, objektif data dan testimoni, keputusan dan tindakan yang selari dengan prosedur disiplin jika individu itu tidak mematuhi dasar etika

- Bahan latihan bagi pengurusan, penyelia dan pekerja sudah sedia ada dan rekod latihan sedia ada, memadai dan dikemas kini. Latihan ulang kaji tahunan diadakan untuk semua pengurus, penyelia dan pekerja.

Pengadaran:

- Keutamaan: Kes yang disahkan mengenai rasuah atau kelebihan tidak wajar tidak disiasat atau tanpa pelan tindakan pembedahan
- Besar: Tiada dasar terperinci dan boleh difahami serta prosedur yang dilaksanakan (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara)
- Kecil:
 - Dasar atau prosedur atau pelaksanaan sebahagian (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara).
 - Kes disahkan tanpa pelan tindakan pembedahan yang lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

D3) Pendedahan maklumat

Maklumat mengenai buruh peserta, kesihatan dan keselamatan, amalan alam sekitar, aktiviti perniagaan, struktur, kedudukan kewangan dan prestasi peserta perlu didedahkan mengikut peraturan yang berkaitan dan amalan industri yang lazim. Pemalsuan rekod atau salah nyata keadaan atau amalan dalam rangkaian bekalan tidak boleh diterima.

D3.1 Tiada risiko yang dikenal pasti berkenaan salah laporan, pemalsuan laporan atau salah nyata
Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Pemeriksaan/penilaian/prosedur Audit berlaku untuk memastikan rekod tidak dipalsukan dan tepat. Kesilapan yang tidak disengajakan berada di luar skop soalan ini.
 - Prosedur wujud untuk menghalang dan menyiasat salah nyata yang dilakukan oleh pekerja, pengurus dan ejen mereka.
 - Dasar perakaunan yang baik, prosedur dan pengesahan simpanan rekod melalui audit kewangan pihak ketiga secara berkala tahunan bagi mengesahkan yang akaun tersusun.
 - Sistem kawalan dalaman bagi memastikan ketepatan maklumat yang ada. Kerajaan melaporkan yang setiap keperluan undang-undang dilakukan tepat pada masanya dan laporan lengkap.
 - Laporan kewangan dan tahunan mengenai operasi perniagaan Pihak Diaudit sudah disediakan, dilengkapi mengikut keperluan undang-undang yang dipakai dan amalan industri yang baik

Nota: Juruaudit akan melakukan semakan silang beberapa rekod perniagaan yang berbeza untuk memastikan rekod sejajar dan tepat.

Pengadaran:

- Keutamaan: Kes yang disahkan tidak disiasat atau tanpa pelan tindakan pembedahan. Dokumen palsu
- Besar: Tiada dasar terperinci dan boleh difahami serta prosedur yang dilaksanakan (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara)
- Kecil:
 - Dasar atau prosedur atau pelaksanaan sebahagian (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara).
 - Kes disahkan tanpa pelan tindakan pembedahan yang lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

D4) Harta Intelek

Hak harta intelek perlu dihormati; pemindahan teknologi dan pengetahuan dilakukan dengan cara yang memelihara hak harta intelek dan maklumat pelanggan perlu dilindungi.

D4.1 Tiada risiko Harta Intelek atau kehilangan maklumat perniagaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan (kepunyaan Pihak Diaudit dan kepunyaan pelanggan/pembekal mereka) dikenal pasti

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Dasar formal dan program yang ada untuk melindungi maklumat yang diterima Pihak Diaudit daripada pelanggannya sebagai sebahagian proses berkontrak.
 - Maklumat tersebut merangkumi:
 - Nama dan maklumat kenalan bagi kakitangan pelanggan utama
 - Harga kontrak dan jumlah
 - Nama subkontraktor dan bahan/komponen pembekal, ...
 - Identiti dan tanda perniagaan mereka
 - Harta Intelek Pihak Ketiga
 - Rekod paten
 - Kandungan yang dilindungi hak cipta.
 - Program dan/atau prosedur yang digunakan untuk menyemak pemilikan harta intelek dan memastikan perlindungan harta intelek berlaku.
 - Prosedur formal untuk memastikan tiada pendedahan dan perlindungan maklumat mengenai pelanggan Pihak Diaudit, rakan saluran, pembekal, pekerja dan rakan kongsi perniagaan yang lain mematuhi undang-undang dan peraturan diguna pakai yang sedia ada.
 - Dasar IT perlu meliputi panduan mengenai pengagihan/penyebaran maklumat. Hal ini termasuk, pada tahap minimum, perjanjian sulit (berasingan atau sebahagian daripada kontrak pekerjaan) bagi pekerja dan pengurusan.
 - Pengurus dan penyelia menerima latihan ulang kaji tahunan mengenai prosedur perlindungan maklumat.
 - Bahan latihan dan rekod latihan sudah sedia ada, mencukupi dan dikemas kini.

Pengedaran:

- Keutamaan: Kes yang disahkan tidak disiasat atau tanpa pelan tindakan pembetulan
- Besar: Tiada dasar terperinci dan boleh difahami serta prosedur yang dilaksanakan (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara)
- Kecil:
 - Dasar atau prosedur atau pelaksanaan sebahagian (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara).
 - Kes disahkan tanpa pelan tindakan pembetulan yang lengkap
- Tidak Berkenaan: Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

D5) Perniagaan, Pengiklanan dan Persaingan yang Adil

Standard perniagaan, pengiklanan dan persaingan yang adil perlu dikekalkan. Cara sesuai untuk melindungi maklumat pelanggan mesti sedia ada.

D5.1 Tiada risiko penyampaian maklumat yang tidak tepat kepada awam dikenal pasti

Keperluan minimum:

Termasuk segala jenis maklumat syarikat yang disampaikan secara terbuka (siaran jawatan kosong, butiran produk, promosi syarikat/kemudahan (buku kecil, risalah), pengiklanan komersial, siaran akhbar, laman web,...)

- **Pemerhatian tapak:** Jika maklumat syarikat yang disampaikan secara terbuka disiarkan, maka maklumat itu tepat
- Semakan dokumen:
 - Maklumat awam tidak boleh mengeluarkan kenyataan palsu atau mengelirukan mengenai produk, perkhidmatan, peluang, jawatan Pihak Diaudit,....
 - Maklumat syarikat perlu menepati keperluan undang-undang.
 - Program formal memastikan kenyataan terbuka Pihak Diaudit tidak palsu atau mengelirukan dan mereka menepati keperluan undang-undang perniagaan dan pengiklanan yang adil.

Pengadaran:

- **Keutamaan:** Kes yang disahkan tidak disiasat atau tanpa pelan tindakan pembetulan
- **Besar:** Tiada dasar terperinci dan boleh difahami serta prosedur yang dilaksanakan (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara)
- **Kecil:**
 - Dasar atau prosedur atau pelaksanaan sebahagian (contoh: komunikasi, latihan, rekod diselenggara).
 - Kes disahkan tanpa pelan tindakan pembetulan yang lengkap
- **Tidak Berkenaan:** Tidak berkenaan

Pengesahan jauh: Ya

D5.2 Tiada risiko pakatan dikenal pasti

Keperluan minimum:

- Pemerhatian tapak: Tidak berkenaan
- Semakan dokumen:
 - Perlindungan diadakan untuk menghalang pakatan dengan syarikat lain mengenai harga produk atau kilang lain yang boleh mengurangkan persaingan.
 - Dasar formal yang melarang pakatan yang menentukan kesan kepada pengurus, kakitangan dan rakan kongsi perniagaan atau sebarang ejen mereka.
